

**KAJIAN MENGENAI PERANAN GENDER
DALAM TARIAN ZAPIN DI BATU PAHAT,
JOHOR**

MOHAMAD AKMAL ISKANDAR BIN HERMAN

UNIVERSITI

MALAYSIA

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2025



**KAJIAN MENGENAI PERANAN GENDER
DALAM TARIAN ZAPIN DI BATU PAHAT,
JOHOR**

Oleh:

MOHAMAD AKMAL ISKANDAR BIN HERMAN

Projek Penyelidikan ini disediakan untuk memenuhi syarat kelayakan bagi
Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian

Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2025

PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

☐

TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh).

☐

SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah. Dari tarikh _____ hingga _____

☐

SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*

☐

TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan

.....

Tandatangan Penyelektoran Utama

Dr. Ainul Wahida binti Radzuan
Senior Lecturer

Department of Heritage Studies
Faculty of Creative Technology and Heritage
Universiti Malaysia Kelantan (UMK)
16300, Kelantan, Malaysia

Tarikh: 25/2/2025

Tarikh: 25/2/2025

Nota * Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila keipilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan.

PENGHARGAAN

Saya ingin mengucapkan rasa syukur yang tidak terhingga kepada Tuhan Yang Maha Esa kerana telah memberikan saya kekuatan dan nikmat untuk menyiapkan kajian ini dalam jangka masa yang ditetapkan. Saya juga berterima kasih kepada Dr Ainul Wahida Binti Radzuan atas bimbingan dan panduan beliau sepanjang proses penyelidikan ini.

Kepada keluarga saya, saya menghargai setinggi-tingginya sokongan dan dorongan mereka yang tidak pernah putus asa. Mereka telah menjadi sumber inspirasi utama bagi saya sentiasa memberikan semangat dan motivasi untuk mencapai matlamat. Tanpa bantuan mereka, kajian ini pasti tidak akan disiapkan dengan sempurna seperti hari ini. Kepercayaan dan pengorbanan mereka telah menjadi pendorong utama bagi saya untuk terus maju dalam mengejar impian akademik.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada sahabat dan rakan seperjuangan saya yang telah bertungkus-lumus membantu serta berbagi pendapat selama menjalankan kajian ini. Kepada empat orang informan, ucapan terima kasih atas ilmu dan pengetahuan dan pengalaman baru yang dikongsi semasa sesi temu bual, sehingga membantu mencari jawapan untuk objektif dan persoalan kajian tentang “Peranan Gender Dalam Tarian Zapin di Batu Pahat, Johor”.

Segala sokongan moral dan penerangan mendalam dari para informan telah menjadi sumber inspirasi utama bagi memperoleh idea-idea baharu dalam mencari maklumat relevan sepanjang penyelidikan berlangsung. Saya berharap agar kajian ini dapat memberikan manfaat bukan sahaja kepada diri sendiri tetapi juga masyarakat luas dengan pengetahuan baru yang diperoleh melaluinya.

KAJIAN MENGENAI PERANAN GENDER DALAM TARIAN ZAPIN DI BATU PAHAT JOHOR

ABSTRAK

Tarian zapin merupakan salah satu warisan kebudayaan tidak ketara yang menjadi identiti masyarakat Johor. Setiap pemain dan penari yang mempersembahkan tarian Zapin mempunyai peranan gender yang tersendiri. Namun, setiap gender tidak mempunyai peranan yang sama rata sehingga menghalang individu untuk mendapatkan peluang kerjaya yang lebih luas dalam bidang seni persembahan. Justeru, tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk mendalami perbezaan gender dalam tarian Zapin di Batu Pahat, Johor. Terdapat tiga objektif utama iaitu: mengenal pasti peranan gender dalam tarian Zapin, mengkaji perspektif masyarakat terhadap percampuran gender dalam tarian Zapin dan menganalisis langkah pelestarian tarian Zapin di Batu Pahat, Johor. Kajian ini menggunakan pendekatan campuran yang melibatkan data kualitatif melalui temu bual dengan empat informan yang berpengetahuan dalam seni persembahan dan data kuantitatif melalui tinjauan yang meliputi 60 responden. Kedua-dua data telah dianalisis menggunakan analisis tematik dan analisis deskriptif. Terdapat tema-tema utama yang diekstrak melalui data kajian seperti: sejarah dan latar belakang tarian Zapin, elemen dalam tarian, identiti budaya tempatan dalam seni persembahan, pandangan sosial terhadap kesetaraan gender dan pelestarian dalam seni persembahan. Oleh itu, program sebagai salah satu langkah pelestarian tarian Zapin campuran adalah penting sebagai usaha untuk memelihara warisan tidak ketara di Batu Pahat, Johor. Dengan langkah-langkah yang tepat, diharapkan Tarian Zapin dapat terus berkembang dan dihargai oleh generasi akan datang.

Kata Kunci: Peranan Gender, perspektif masyarakat Batu Pahat, Pelestarian, Pendidikan, Seni persembahan Tarian Zapin, Warisan tidak ketara.

A STUDY ON GENDER ROLES IN ZAPIN DANCE IN BATU PAHAT, JOHOR

ABSTRACT

Zapin dance is a vital component of intangible cultural heritage, providing a sense of cultural identity for the people of Johor. In this performance art, each dancer assumes a specific role often linked to gender. However, these roles are not evenly distributed, which may restrict individuals' opportunities to pursue careers in the performing arts. Consequently, this study seeks to examine gender differences in Zapin dance in Batu Pahat, Johor. The research outlines three main objectives: to identify gender roles in Zapin dance, to explore community perspectives on gender mixing in this dance, and to analyse efforts to sustain Zapin dance in Batu Pahat, Johor. This study adopts a mixed-methods approach, incorporating qualitative data from interviews with four informants knowledgeable in the performing arts and quantitative data from a survey involving 60 respondents. The data were analysed using thematic and descriptive analysis. Several key themes emerged, including the history and background of Zapin dance, dance elements, local cultural identity in the performing arts, social perspectives on gender equality, and sustainability in the arts. The findings suggest that structured programmes promoting mixed-gender Zapin performances play a crucial role in preserving this intangible heritage in Batu Pahat, Johor. With the right strategies, it is hoped that Zapin dance will continue to thrive and be appreciated by future generations.

Keywords: Community Perspectives in Batu Pahat, Education, Gender Roles, Intangible Heritage, Performing Arts, Sustainability, Zapin Dance.

ISI KANDUNGAN

PERAKUAN TESIS	i-ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK.....	iv
ABSTRACT	v
SENARAI RAJAH	viii
SENARAI JADUAL	ix
BAB SATU: PENDAHULUAN.....	1
1.1 Pengenalan	1-4
1.2 Permasalahan Kajian.....	4-6
1.3 Persoalan Kajian	6
1.4 Objektif Kajian.....	6
1.5 Skop Kajian.....	7
1.6 Lokasi Kajian	8-9
1.7 Kepentingan Kajian.....	10-11
1.8 Kesimpulan	12
BAB DUA: KAJIAN LITERATUR.....	13
2.0 Pengenalan	13
2.1 Warisan Kebudayaan Tidak Ketara	13-14
2.2 Tarian Dalam Seni Persembahan	14-16
2.3 Peranan Gender Dalam Seni Persembahan	16-18
2.4 Definisi Zapin	18-19
2.5 Pengekalan Seni Persembahan Dalam Kalangan Masyarakat	19-21
2.6 Aplikasi Teori Feminisme Dalam Seni Persembahan.....	21-23
2.7 Kesimpulan	23

BAB TIGA: METODOLOGI DAN ANALISIS DATA.....	24
3.0 Pengenalan	24
3.1 Pendekatan Kajian: Pendekatan Campuran	24
3.1.1 Pendekatan Kualitatif	24-25
3.1.2 Pendekatan Kuantitatif	25
3.1.3 Reka Bentuk Kajian: Kajian Kes	25-26
3.2 Kaedah Kajian.....	26
3.2.1 Kaedah Temu Bual.....	26-27
3.2.2 Kaedah Pemerhatian.....	27
3.2.3 Kaedah Tinjaun	28
3.3 Pensampelan Kajian	28
3.3.1 Teknik Pemilihan Informan	29
3.3.2 Teknik Pemilihan Responden	30
3.4 Analisis Data	30
3.4.1 Analisis Tematik	31-32
3.4.2 Analisi Deskriptif	32-34
3.5 Instrumen Kajian: Alat Bantuan Kajian	34
3.6 Kesimpulan	35
BAB EMPAT: ANALISIS KAJIAN DAN PERBINCANGAN.....	36
4.0 Pengenalan	36
4.1 Demografi Responden.....	36
a. Jantina Responden.....	36-37
b. Umur Responden	37
c. Tahap Pendidikan	38
d. Bangsa	39
e. Mukim	40-41
f. Pengetahuan Mengenai Peranan Gender Dalam Tarian Zapin	41-42

g. Pengetahuan Kewujudan Tarian Zapin Masyarakat Batu Pahat Johor	42-43
4.2 Sejarah Dan Latar Belakang Tarian Zapin.....	43-51
4.3 Tarian.....	52-60
a. Elemen Dalam Tarian Zapin	52-57
b. Keterbukaan Dalam Tarian Zapin.....	57-60
4.4 Fungsi Tarian Zapin.	60-63
4.5 Identiti Budaya Tempatan Dalam Seni Persembahan.....	63-68
4.6 Peranan Gender Dalam Tarian Zapin	68-75
a. Peranan Lelaki Dalam Tarian Zapin	68-70
b. Peranan Perempuan Dalam Tarian Zapin	70-73
c. Pandangan Sosial Terhadap Kesetaraan gender	73-75
4.7 Aspek Spiritual Dalam Muzik	75-76
4.8 Halangan Dan Cabaran Dalam Seni Persembahan	77-80
4.9 Pelestarian Terhadap Seni Persembahan Tarian Zapin.....	80-86
a. Perspektif Masyarakat Terhadap Percampuran Gender Dalam Tarian Zapin Di Batu Pahat,Johor	80-83
b. Langkah Pelestarian Terhadap Seni persembahan Tarian Zapin	83-86
4.10 Kesimpulan	86-87
BAB LIMA: KESIMPULAN DAN CADANGAN.....	88
5.0 Pengenalan.....	88
5.1 Rumusan Kajian.....	88-91
5.2 Dapatan Utama	91-92
5.3 Cadangan	92-94
5.3.1 Program Pendidikan	92
5.3.2 Penyelidikan Akan Datang.....	93-94
RUJUKAN.....	95-99

SENARAI RAJAH

Rajah	Halaman
Rajah 1.1: Daerah Negeri Johor	8
Rajah1.2: Peta Batu Pahat Johor	9
Rajah 4.1: Langkah Gerakan Dalam Tarian Zapin	52
Rajah 1.4: Kostum Pemakaian Penari Lelaki dan Perempuan Dalam Tarian Zapin...	55

SENARAI JADUAL

Jadual	Halaman
Jadual 4.1: Jantina Responden.....	36-37
Jadual 4.2: Umur Responden.....	37
Jadual 4.3: Tahap Pendidikan	38
Jadual 4.4: Bangsa	39
Jadual 4.5: Mukim	40-41
Jadual 4.6: Pengetahuan Mengenai Peranan Gender Dalam Tarian Zapin..	41-42
Jadual 4.7: Pengetahuan Kewujudan Tarian Zapin Masyarakat Batu Pahat Johor	42-43
Jadual 4.8: Perspektif Masyarakat Terhadap Percampuran Gender Dalam Tarian Zapin Di Batu Pahat Johor	80-81

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Semenanjung Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak, terdiri daripada corak geografi Malaysia yang terpisah daripada Laut China Selatan. Di Malaysia, terdapat perbezaan dalam agama, kesenian, bahasa, dialek, adat resam, dan nilai hidup. Warisan dapat dirujuk daripada pelbagai hal seperti harta benda, pengetahuan, tradisi atau nilai-nilai yang diwariskan dari generasi ke generasi. Melalui warisan juga turut dikenal pasti bagaimana tradisi, nilai, pengetahuan atau harta benda yang diwariskan dari generasi sebelumnya mempengaruhi dan membentuk identiti dan kehidupan masyarakat pada masa kini. Warisan budaya seperti seni, muzik, tarian, bahasa dan seni bina menjadi komponen penting dalam identiti masyarakat atau bangsa. Selain itu, warisan juga termasuk pengetahuan dan kemahiran yang diwarisi seperti kraftangan, resepi makanan tradisional yang telah digunakan secara turun temurun. Dengan memahami dan memelihara warisan ini, masyarakat boleh menjaga dan memperkaya warisan budaya yang telah diwariskan oleh generasi sebelumnya. Menurut Dewan Bahasa Dan Pustaka (2017) warisan dikenali sebagai sesuatu yang diterima secara turun temurun oleh seseorang dengan sesuatu kelompok masyarakat daripada generasi terdahulu.

Menurut Saidon (2014) warisan seni persembahan Melayu di Malaysia terbahagi kepada enam kategori iaitu muzik tradisional Melayu, tari istana dan rakyat, permainan rakyat, lagu rakyat, teater Melayu dan seni mempertahankan diri Melayu. UNESCO (2018) di dalam laman sesawangnya menyatakan bahawa seni persembahan seperti muzik tradisional, tarian dan teater mencerminkan warisan budaya sesebuah komuniti. Menurut Akta Warisan Kebangsaan (2005), warisan kebudayaan tidak ketara merupakan:

Ungkapan bahasa, sebutan lidah, pepatah, lagu, not, lirik yang boleh didengar dan dinyanyikan, lagu rakyat, tradisi lisan, puisi, muzik, tarian yang dipersembahkan di atas pentas, persembahan teater, pengubahan bunyi atau muzik, seni mempertahankan diri yang berhubung dengan warisan

Malaysia atau mana-mana yang berhubung dengan warisan masyarakat Malaysia.

Terdapat empat bahagian yang dikategorikan di bawah warisan budaya tidak ketara iaitu adat dan budaya di mana merangkumi adat kepercayaan, budaya lingkungan, adat kitaran yang melibatkan adat istiadat, makanan dan permainan tradisional serta seni mempertahankan diri. Selain itu, seni persembahan pula mempunyai muzik, tarian dan lakonan. Seterusnya bahasa dan persuratan merangkumi bahasa, tulisan jawi, manuskrip, lagu rakyat dan, cerita rakyat. Di samping itu, seni halus dan kraf pula mempunyai busana, tekstil, seni hias dan kraf dari segi lukisan, anyaman, sulaman dan tekatan seramik serta logam. (Jabatan Warisan Negara, 2025).

Teater, muzik dan tarian merupakan seni persembahan yang memperlihatkan nilai-nilai warisan dalam mencerminkan budaya dan ketamadunan masyarakat (Jabatan Warisan Negara, 2025). Selain itu, seni persembahan seperti teater, mengikut Jabatan Warisan Negara (2025) merupakan satu gabungan lakonan yang dipersembahkan melalui dialog percakapan, gerak isyarat, mimik muka dan emosi. Hal ini kerana, teater bukan sahaja dipersembahkan sebagai hiburan kepada masyarakat tetapi juga berperanan sebagai medium pendidikan. Antara persembahan teater yang terdapat di Malaysia adalah seperti teater Mek Mulung yang menggabungkan tarian, lakonan dan muzik. Teater ini masih lagi aktif di Kampung Wang Tepus, Kedah (Jabatan Warisan Negara, 2025). Selain itu, tarian juga merupakan sebahagian seni persembahan yang dikenali sebagai warisan tidak ketara.

Tarian merupakan satu bentuk persembahan yang menggunakan tubuh badan secara berirama dan dipersembahkan di pentas bagi keperluan pergaulan, mengungkapkan perasaan, maksud dan pemikiran. Tarian juga mempunyai gerakan yang berbeza dari gerakan rutin harian seperti berjalan kaki, bersukan atau berlari kerana tarian bertujuan menyampaikan sesuatu pergerakan anggota tubuh badan yang mempunyai ketenangan emosi atau jiwa penari di dalam diri mereka. Contoh tarian yang terdapat di Malaysia menurut Jabatan Warisan Negara (2025) adalah tarian Ngajat. Tarian Ngajat disambut sempena Hari gawai di Sarawak sebagai

tanda kesyukuran dalam hasil menuai padi sepanjang tahun. Seterusnya, menurut Jabatan Warisan Negara (2025), muzik merupakan seni persembahan yang terdiri daripada vokal atau suara bunyi, alam semula jadi, persekitaran dan peralatan yang dihasilkan bagi kegunaan sesebuah persembahan. Jabatan Warisan Negara (2025) menjelaskan bahawa muzik merupakan seni persembahan yang dipentaskan secara langsung kepada masyarakat sama ada secara solo atau secara berkumpulan. Contohnya, muzik Nobat merupakan muzik DiRaja yang dimainkan pada masa-masa tertentu sahaja kerana muzik ini melibatkan raja-raja atau sultan-sultan seperti pertabalan atau kemangkatan (Jabatan Warisan Negara, 2025).

Dari segi bahasa, "Tarian Zapin" adalah istilah untuk sajak dan tarian yang berasal dari tanah Arab. Tarian Zapin pula dipraktikkan oleh masyarakat Melayu dan merupakan salah satu seni persembahan dalam warisan Malaysia yang tidak ketara. Di Malaysia, zapin dianggap sebagai seni lakon dan dianggap sebagai komponen kebudayaan. Hal ini kerana, persembahan dalam kumpulan memainkan peranan yang penting dalam upacara kesenian atau sambutan hari kebesaran. Menurut laman sesawang Kata Malaysia (2025) tarian zapin dilakukan dalam bentuk kumpulan kerana tarian ini mampu mewujudkan rasa persaudaraan antara penari dan pemuzik ketika persembahan berlangsung. Hal ini kerana, sifat semangat dalam pasukan antara penari dan pemuzik secara tidak langsung dapat memadamkan rasa malu apabila menari di hadapan khalayak ramai.

Selain itu, peralatan muzik menjadikan ritma dan irama dalam Tarian Zapin sempurna dan tidak dapat dipisahkan. Gambus, rebana, gendang, rebas dan juga marakas adalah antara alat muzik yang biasa digunakan dalam persembahan Tarian Zapin. Di dalam Tarian Zapin, tiada peraturan yang tetap dalam menentukan berapa orang penari yang diperlukan bagi membuat persembahan. Namun penari perlu berinteraksi antara satu sama lain dan Tarian Zapin perlu ditarikan secara berpasangan. Oleh yang demikian, gender memainkan peranan penting dalam setiap seni persembahan. Warisan seni persembahan juga mempunyai kaitan dalam peranan gender. Gender dalam kamus Oxford Learner's Dictionaries (2025). bermaksud sebagai pergolongan kata nama atau ganti nama sebagai maskulin atau feminine. Herring,et al. (2003) mengatakan perkataan seks

merupakan terma biologi yang memisahkan manusia antara golongan lelaki dan golongan wanita

melalui perbezaan sudut organ seks dan faktor genetik yang wujud di antara mereka. Perkataan gender pula mempunyai perbezaan di mana gender atau jantina merupakan terma psikologikal dan budaya, yang teralih daripada perbezaan ciri, sifat dan tingkah laku yang subjektif di antara kekelakian seorang lelaki dengan keperempuanan seorang perempuan (Mansor, 2020). Contohnya dalam teater atau lakonan, peranan gender yang memainkan sesuatu watak sangatlah penting bagi menjayakan persembahan yang dilakonkan.

Peranan gender dalam Tarian Zapin juga tetap dibahaskan seperti peranan lelaki sebagai penari utama dan peranan wanita sebagai penari yang sentiasa sopan dan lemah lembut. Contohnya, lelaki seringkali berperanan sebagai penari utama kerana watak mereka yang tegas dalam seni tarian menunjukkan mereka sebagai pemimpin Tarian Zapin tersebut. Manakala wanita adalah penari sokongan yang mempunyai gerak tari yang sopan dan lemah lembut. Walaubagaimanapun, Tarian Zapin dapat menjayakan dan menyerikan lagi sesuatu acara atau majlis.

1.2 Permasalahan Kajian

Tarian zapin adalah salah satu seni persembahan tradisional yang popular pada masa kini. Pergerakan yang elegan dengan irama yang menarik dapat memikat hati penonton selain menghidupkan suasana yang meriah semasa persembahan dijalankan. Zapin yang asalnya merupakan tarian tradisional di Hadramaut, Yaman telah diperkenalkan di Tanah Melayu pada abad ke-14. Pada zaman dahulu, penari zapin didominasi oleh kaum lelaki. Walau bagaimanapun, tarian zapin pada masa kini telah dipersembahkan oleh wanita. Justeru itu, terdapat percampuran gender dalam tarian zapin yang merubah lenggok dan gaya tarian tersebut dan seterusnya mengubah kebiasaan tarian zapin tradisional.

Selain itu, seni persembahan tarian zapin sangat mempengaruhi

masyarakat tidak kira jantina, warna dan sifat. Namun, menurut Balacki (2019), terdapat diskriminasi dalam tarian pada masa kini yang menyebabkan peluang kerjaya dalam bidang seni persembahan terjejas. Contohnya wanita berkulit putih lebih diterima dalam seni persembahan berbanding wanita berkulit gelap. Seterusnya, tarian zapin memberikan persembahan yang dapat menarik perhatian kepada penonton serta melibatkan kefahaman gender antara penari lelaki dan perempuan. Menurut *People's Collection wales* (2023), walaupun terdapat kemajuan dalam seni persembahan, kebimbangan perbezaan gender dalam tarian kontemporari masih wujud melalui isu kekurangan representasi dalam sektor kreatif dan hiburan dalam tarian atau filem. Istilah kekurangan representasi dalam industri kreatif dan hiburan merujuk kepada ketidakseimbangan atau kurangnya kehadiran golongan tertentu, seperti wanita, kaum minoriti atau golongan kurang upaya, dalam sektor ini. Hal ini boleh membawa kepada kekurangan peluang pekerjaan, kepelbagaian penggiat seni yang mempunyai latar belakang yang berbeza dan ketidakseimbangan dalam mendapatkan pengiktirafan dan pampasan dalam industri tersebut. Selain itu, penyelidikan terhadap feminisme dalam seni persembahan juga masih kurang dijalankan dan menyebabkan masyarakat kurang mengetahui dengan lebih mendalam mengenai hubungan dan perkaitan di antara gender dan tarian (Hasmah, 2016).

Di samping itu, penari perempuan dalam seni persembahan tarian zapin sentiasa dijaga dan diberikan pembelajaran dan kefahaman yang lebih mengenai tarian bagi memastikan persembahan yang dijalankan di atas pentas berjalan dengan lancar. Masyarakat perlu memahami latar belakang budaya yang berkaitan dengan karya seni, serta menghargai kepelbagaian budaya dan nilai-nilai yang ada dalam masyarakat kerana penting untuk membina penghargaan terhadap keindahan budaya (Othman, 2023). Seterusnya, persembahan tarian tradisional sering kali dipersembahkan di istana. Pada masa dahulu pemain perlu mematuhi peraturan dan protokol yang disediakan oleh pihak istana seperti menjaga pemakaian dan tingkah laku ketika membuat persembahan tetapi pada masa kini peraturan dari segi pemakaian diberi kelonggaran kerana tarian

tradisional pada masa kini lebih tertumpu kepada percampuran gender ketika persembahan (Lambert & William, 2017). Menurut Nor (2015) sebagai cerminan kepada tradisi budaya yang berubah contohnya seperti Tarian Zapin Penyengat Asia Tenggara yang melihat melalui struktur warisan dan perubahan daripada tarian ini tertutup kerana awalnya tarian ini dipersembahkan dalam konteks keagamaan dan acara rasmi menjadikannya tertutup oleh masyarakat luar. Namun, sejak tahun 1919 ia berkembang menjadi lebih terbuka dan dipentaskan dalam pelbagai acara kebudayaan dan perayaan termasuk pernikahan.

Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan mendalami perbezaan gender dalam mempengaruhi persembahan tarian zapin melalui persepsi masyarakat Batu Pahat Johor.

1.3 Persoalan Kajian

Terdapat tiga persoalan kajian di dalam kajian ini iaitu:

1. Apakah peranan gender dalam Tarian Zapin di Batu Pahat, Johor?
2. Bagaimanakah perspektif masyarakat terhadap percampuran gender dalam Tarian Zapin di Batu Pahat, Johor?
3. Apakah langkah-langkah pelestarian dalam Tarian Zapin campuran di Batu Pahat, Johor?

1.4 Objektif Kajian

Tiga objektif kajian di dalam kajian ini adalah seperti berikut:

1. Mengenal pasti peranan gender dalam Tarian Zapin di Batu Pahat, Johor.
2. Mengkaji perspektif masyarakat terhadap percampuran gender dalam Tarian Zapin di Batu Pahat, Johor.
3. Menganalisis langkah pelestarian Tarian Zapin campuran di Batu Pahat, Johor.

1.5 Skop Kajian

Kajian ini mengutamakan peranan gender dalam Tarian Zapin di Batu Pahat, Johor. Terdapat tiga objektif utama dalam kajian ini iaitu: mengenal pasti peranan gender dalam tarian zapin di Batu Pahat, Johor, mengkaji perspektif masyarakat terhadap percampuran gender dalam tarian zapin di Batu Pahat, Johor dan menganalisis langkah pelestarian tarian zapin campuran di Batu Pahat, Johor.

Metodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah menggunakan pendekatan campuran iaitu kaedah kualitatif dan kuantitatif. Kaedah kualitatif menggunakan reka bentuk kajian iaitu kajian kes dalam melibatkan pengumpulan data melalui temu bual bersama informan iaitu pihak Jabatan Kesenian dan Kesenian Negara di Johor (JKKN), penari zapin dan masyarakat yang berpengalaman di sekitar Batu Pahat. Pemerhatian juga dilakukan bagi mengumpulkan maklumat mengenai peranan gender dalam tarian zapin. Pemerhatian dijalankan persembahan Tarian Zapin di sekitar Batu Pahat, Johor. Analisis yang teks, gambar dan bahan yang berkaitan dengan peranan gender dalam Tarian Zapin turut dijalankan.

Selain itu, kaedah kajian yang digunakan dalam pendekatan kuantitatif adalah kaedah tinjauan. Soalan bagi borang soal selidik terhadap masyarakat di sekitar Batu Pahat berkaitan Tarian Zapin dan peranan gender dalam tarian tersebut turut disediakan. Analisis data seperti analisis deskriptif dan analisis tematik juga dilakukan untuk mengeluarkan tema dari data yang didapatkan daripada Informan dan responden. Teori yang digunakan dalam kajian ini adalah teori feminisme. Teori ini merangkumi aliran dan pendekatan yang berbeza mengenai kesamarataan gender dalam sesuatu perkara dan menghapuskan ketidakadilan gender. Teori feminisme juga membincangkan hak-hak wanita dan kesetaraan gender.

1.6 Lokasi Kajian



Rajah 1.1: Daerah Negeri Johor

Sumber: Pusat Ekonomi Digital Felda Redong

Rajah 1.1 menunjukkan daerah negeri Johor dan kajian tertumpu kepada daerah Batu Pahat, Johor. Melalui laman sesawang Majlis Keselamatan Negara (2022) Johor berkeluasan sebanyak 19,210 km persegi dan terdiri daripada sepuluh daerah iaitu Johor Bahru (ibu negeri), Tangkak, Pontian, Segamat, Kluang, Mersing, Kota Tinggi, Batu Pahat dan Muar. Negeri Johor merupakan negeri ketiga terbesar di Malaysia. Selain itu bancian penduduk yang tinggal di negeri Johor adalah seramai 4, 100, 900 pada tahun 2023. Jumlah penduduk di negeri Johor dikategorikan sebagai kedua penduduk terbesar antara negeri. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (2025) jumlah penduduk yang menetap di daerah Batu Pahat adalah seramai 495,338 penduduk.



Rajah 1.2: Peta Batu Pahat Johor

Sumber: Maphil Physical Map of Batu Pahat.

Rajah 1.2 menunjukkan peta Batu Pahat, Johor sebagai kawasan yang dipilih bagi menjalankan kajian mengenai peranan gender dalam Tarian Zapin dengan lebih mendalam. Batu Pahat merupakan sebuah kawasan yang terdiri daripada beberapa pekan kecil seperti Yong Peng, Seri Medan, Parit Sulong, Tongkang Pecah, Seri Gading, Parit Raja, Ayer Hitam, Senggarang dan Rengit. Menurut Kementerian Ekonomi Jabatan Perangkaan Malaysia (2025) Batu Pahat mempunyai keluasan 1,966.31 km² dengan kepadatan penduduk 252 orang setiap km². Selain itu, premis perniagaan di Batu Pahat Johor terbahagi kepada 5 sektor. Antaranya terdapat 1, 036 sektor pembinaan di sekitar Batu Pahat, 408 sektor pertanian, 1, 359 sektor pembuatan atau pengilangan, 22 sektor perlombongan dan pengkuarian, 13, 528 sektor perkhidmatan yang terdapat di dalam Batu Pahat Johor. Kawasan ini juga mempunyai kumpulan zapin yang sering membuat persembahan di sekitar daerah Batu Pahat.

1.7 Kepentingan Kajian

Kepentingan dalam kajian Peranan Gender dalam Tarian Zapin di Batu Pahat Johor terbahagi kepada tiga. Kajian ini berkepentingan kepada individu, masyarakat dan institusi pendidikan. Ketiga-tiga pihak berkepentingan ini mempunyai peranan yang tersendiri dalam memahami peranan gender dalam Tarian Zapin di Batu Pahat Johor ini.

1) Individu

Kajian ini penting kepada individu bagi memastikan setiap individu mempunyai pemahaman mengenai peranan dan perbezaan gender dalam Tarian Zapin di Batu Pahat Johor. Kajian ini juga dapat memberi pemahaman mengenai sumbangan antara penari lelaki dan penari perempuan dalam seni persembahan Tarian Zapin. Selain itu, penglibatan dalam Tarian Zapin dapat memberikan impak yang positif terhadap individu iaitu dengan menghargai dan memahami warisan budaya tempatan serta memastikan warisan ini terus berkembang dan disambung oleh generasi akan datang. Seterusnya, individu dapat memahami bahawa penari lelaki tidak mengikut langkah atau gerakan yang dilakukan oleh penari perempuan. Hal ini kerana gerakan dan tarian penari lelaki lebih baik dan lebih tegas berbanding penari perempuan yang menari dengan lemah lembut dalam menggambarkan kesopanan dalam Tarian Zapin ini.

2) Masyarakat

Kepentingan kajian terhadap masyarakat melalui peranan gender dalam tarian zapin adalah melalui pemupukan keharmonian sosial. Tarian Zapin yang dipersembahkan kepada masyarakat dapat mewujudkan persefahaman dan kerjasama antara penari lelaki dan perempuan. Masyarakat dapat melihat dalam seni persembahan Tarian Zapin bahawa peranan gender penari memainkan peranan penting bukan sahaja dalam mengekalkan keaslian budaya tetapi juga mencerminkan norma masyarakat dan nilai agama serta tarian ini menekankan kesopanan dan penghormatan terhadap tradisi yang menjadi asas kepada persembahan yang memberikan makna dan budaya (Afiq, 2018). Selain itu,

masyarakat dapat meningkatkan kesedaran terhadap budaya seni persembahan dalam diri mereka melalui Tarian Zapin yang dipersembahkan. Masyarakat dapat menghargai dan memahami warisan budaya tempatan serta memastikan warisan ini terus berkembang pada masa akan datang. Peranan gender dalam Tarian Zapin juga berfungsi sebagai satu cara bagi memelihara warisan, mengukuhkan norma antara masyarakat dan memperlihatkan kepada masyarakat luar mengenai kehebatan seni persembahan Tarian Zapin dalam menjadikan warisan seni persembahan tempatan sebagai suatu aset budaya yang berharga untuk diperlihatkan kepada semua golongan umur.

3) Institusi Pendidikan

Seni persembahan juga bukan sekadar persembahan yang dipersembahkan kepada masyarakat, malah ia berkait rapat juga dengan institusi pendidikan. Kajian terhadap peranan gender dalam Tarian Zapin sangat penting dalam memperkukuhkan kesedaran gender di kalangan pelajar serta masyarakat. Pelajar dapat memahami perbezaan gender, menghargai sumbangan lelaki dan perempuan dalam seni dan budaya serta memupuk kefahaman dalam pendidikan yang lebih mendalam mengenai keharmonian Tarian Zapin dalam gender. Seterusnya, kajian ini juga membantu dalam memperkukuhkan pendidikan kesenian dan budaya seni persembahan di sekolah, universiti dan seluruh institusi pendidikan yang mempunyai seni persembahan atau warisan yang mereka kekalkan dalam pembelajaran. Di samping itu, seni persembahan Tarian Zapin juga dapat dipromosikan melalui kepelbagaian budaya, serta memastikan warisan seni tradisional seperti Tarian Zapin terus hidup dan berkembang dalam kalangan generasi muda. Kepentingan tarian seni persembahan juga berkaitan antara sejarah dan keagamaan yang berunsurkan pendidikan di sekolah. Ia menggariskan kepentingan pendidikan dalam menyampaikan nilai etika melalui gerakan tarian seni persembahan kepada pelajar selain menyumbang kepada identiti budaya dan moral.

1.8 Kesimpulan

Kajian mengenai Peranan Gender dalam Tarian Zapin di Batu Pahat, Johor meneliti beberapa aspek penting. Bab 1 merangkumi pengenalan yang mengaitkan definisi warisan seni persembahan menurut UNESCO, Jabatan Warisan Negara dan pelbagai artikel berkaitan. Peranan gender dijelaskan melalui objektif dan persoalan kajian untuk memastikan pemahaman yang mendalam terhadap penyelidikan ini. Permasalahan kajian, objektif, persoalan, skop kajian dan kepentingan kajian dibentuk untuk memperjelaskan tumpuan kajian terhadap individu dan masyarakat setempat. Secara keseluruhannya, kajian ini bertujuan untuk memberikan maklumat dan pemahaman yang lengkap mengenai peranan gender dalam Tarian Zapin di Batu Pahat, Johor.

BAB DUA

KAJIAN LITERATUR

2.0 Pengenalan

Bab dua membincangkan mengenai definisi warisan kebudayaan dan warisan tidak ketara dalam kajian mengenai peranan gender dalam Tarian Zapin di Batu Pahat Johor. Kajian lepas yang dibincang oleh sarjana barat dan tempatan dapat memberikan kefahaman yang lebih mendalam mengenai kajian ini. Bab ini juga menjelaskan maksud seni persembahan dan gender dalam kajian peranan gender dalam tarian. Di samping itu, pengekaln persembahan tarian zapin dalam kalangan masyarakat dinyatakan dalam bab dua sebagai satu bentuk pelestarian seni persembahan warisan. Seterusnya, teori feminisme diterangkan sebagai satu pendekatan yang memberi tumpuan kepada kesetaraan gender antara lelaki dan perempuan dalam seni dan budaya warisan tempatan.

2.1 Warisan Kebudayaan Tidak Ketara

Warisan kebudayaan, menurut Akta Warisan Kebangsaan (2005) adalah termasuk warisan ketara dan tidak ketara seperti harta, struktur dan artifak kebudayaan, serta nyanyian dan muzik, yang dianggap sebagai komponen penting dalam kehidupan masyarakat Malaysia. Dewan Bahasa dan Pustaka (2017) menerangkan definisi warisan sebagai sesuatu yang diterima secara turun temurun oleh seseorang dengan sesuatu kelompok masyarakat daripada generasi terdahulu. Menurut Persatuan Bangsa Bersatu (PBB) matlamat utama mereka dalam menjaga dan memelihara warisan kebudayaan dan semula jadi manusia adalah sesuatu yang unik dan perlu dipelihara. Konsep kepelbagaian warisan kebudayaan lebih jelas untuk difahami seperti dalam Antropologi Kebudayaan aliran Amerika Syarikat ketika mereka mula mengkaji mengenai *Red Indian* (Jirajarupat & Yinghua, 2023). Warisan kebudayaan adalah penting kerana ia mempunyai nilai arkeologi, seni bina, estetik, kebudayaan, sejarah, saintifik, agama, linguistik dan arkeologi.

Warisan ketara dan tidak ketara adalah dua bahagian di bawah warisan

kebudayaan. Menurut Akta Warisan Kebangsaan (2005), kawasan, monumen dan bangunan dianggap sebagai warisan budaya ketara. Menurut Rozlan. et.al. (2013), warisan budaya merujuk kepada tindakan yang dilakukan oleh manusia dalam aktiviti ekonomi dan sosial untuk memenuhi keperluan kehidupan. Manusia membina kediaman sebagai tempat perlindungan dari segi seni bina dan hiasan ukiran dinding dan tiang bangunan, bangunan yang dibina mengikut keperluan telah menjadi sangat bernilai pada masa kini. Selain itu, antara strategi melindungi warisan ketara adalah tidak memindahkan warisan tersebut secara terus, kerana warisan ketara memerlukan cara atau pendekatan yang berbeza dari warisan tidak ketara bagi memelihara dan memulihara warisan budaya tersebut. Menurut Akta Warisan Kebangsaan (2005), warisan budaya tidak ketara adalah termasuk ungkapan, bahasa, sebutan lidah, pepatah, lagu, nyanyian, lagu rakyat, tradisi lisan, puisi, muzik, tarian seperti persembahan teater, seni pentas, penggubahan bunyi dan muzik, dan seni mempertahankan diri seperti silat. Antara contoh warisan tidak ketara di Malaysia adalah Zapin, kuda kepang, dan wayang kulit (Jabatan Warisan Negara, 2025).

2.2 Tarian Dalam Seni Persembahan

Zapin merupakan tarian Melayu yang berasal dari Arab-Parsi yang digunakan dalam kesenian Melayu. Ia bermaksud ‘gerak kaki’ daripada perkataan ‘al-Zafin’ (Jabatan kebudayaan Dan Kesenian Negara, 2021). Seni persembahan mempunyai banyak bentuk seperti teater, nyanyian, dan tarian. Tarian seni persembahan juga boleh merangkumi pelbagai elemen seperti penggunaan kostum pakaian, set, muzik, dan pencahayaan untuk menambah keindahan dan keberkesanan persembahan. Tarian merupakan bentuk seni yang mempunyai warisan budaya yang kaya dan sering kali menjadi medium untuk menyampaikan nilai, tradisi, dan identiti masyarakat yang menghasilkannya.

Selain itu, tarian dalam seni persembahan bertujuan untuk menyampaikan emosi dan perasaan pelaku kepada penonton. Hal ini kerana, ketika menari penonton dapat melihat hasil gerakan dan gaya penari yang pelbagai corak serta dapat menarik minat penonton dalam seni persembahan

tersebut. Dalam seni persembahan, penari boleh berlatih bersama alam. Menurut J.Pysna (2015) salah satu tempat yang boleh digunakan untuk menari adalah bersama alam semulajadi. Hal ini kerana, penari dapat merasai ketenangan semasa latihan dan mereka dapat mendalami setiap gerakan yang ditarikan.

Terdapat pelbagai jenis tarian dan antaranya adalah tarian tradisional yang dimiliki oleh sesetengah budaya. Contohnya masyarakat Orang Asli di Filipina, mempunyai lima tarian tradisional di setiap kawasan seperti Sinugabin, Pandango, Binuy-u, Inagong, dan Balitaw. Tarian ini merupakan tarian tradisional yang dipersembahkan semasa majlis dan ritual, upacara "Buhat". Ritual masih diamalkan oleh masyarakat Filipina serta semasa upacara "Buhat", "Binuy-u" dan "Inagong", tarian ritual dipersembahkan dan diiringi dengan setiap tarian yang ditarikan. Walau bagaimanapun, tiada maklumat mengenai makna di sebalik tarian yang dipersembahkan. Kanak-kanak juga digalakkan untuk libat serta dalam tarian.

Selain itu, "Sinugabin" dan "Pandango" juga dianggap sebagai tarian majlis. Tarian ini dilakukan semasa tempoh berkumpul antara suku. Lelaki akan menunjukkan cintanya kepada wanita melalui gerak tarinya. Mereka akan menari dengan pelbagai gerakan yang menyerupai gerakan yang menghiburkan. Pada masa yang sama wanita masyarakat itu memakai pakaian yang cantik dengan daya tarik dan keupayaan kepada lelaki di sana serta kesepakatan yang tidak biasa mungkin wujud melalui tarian antara mereka. Seterusnya, "Balitaw", sejenis lain tarian untuk kasih sayang, tarian ini adalah pertukaran penceritaan antara pasangan di mana penari lelaki dan wanita mengucapkan pemikiran dan emosi mereka. Pihak lelaki menghiburkan wanita melalui pelbagai lagu dan gerakan tarian, jadi lagu dan tarian ini boleh bertahan sehingga pagi. Selama latihan menari, mereka bebas untuk menyatakan perasaan mereka terhadap satu sama lain. Menurut masyarakat terdahulu di perkampungan Orang Asli Filipina, hanya kerana tarian "balitaw", beberapa pasangan telah terus hidup bersama (Irwan, 2019). Jelaslah setiap tarian tradisional dari pelbagai jenis dan negara mempunyai maksud yang tersendiri bagi suku kaum mereka malah tarian seni

persembahan juga didapati masih terdapat di pelbagai negara di seluruh dunia.

2.2 Peranan Gender Dalam Seni Persembahan

Gender merujuk kepada perbezaan sosial, budaya, dan psikologi antara lelaki dan wanita. Perbezaan ini dipengaruhi oleh norma, nilai, dan peranan yang ditetapkan oleh masyarakat selain daripada ciri-ciri biologi. Gender merujuk kepada idea yang berkaitan dengan identiti, peranan, dan tanggungjawab yang diberikan kepada seseorang dalam masyarakat berdasarkan jantina mereka. Pemahaman tentang bagaimana jantina mempengaruhi pengalaman, persepsi, dan interaksi individu dalam kehidupan seharian juga termasuk dalam konsep gender. Lukov (2009) mengatakan konsep gender sering digunakan secara bertukar-tukar untuk menunjukkan seksualiti, femininiti, dan maskuliniti, atau untuk menunjukkan minat dalam isu-isu "wanita". Hal ini kerana, gender memainkan peranan penting dalam membezakan lelaki dan perempuan, terutamanya dalam pelbagai bidang seperti seni persembahan dan aktiviti yang melibatkan kerjasama antara kedua-dua jantina. Faktor sosial, budaya, nilai, tingkah laku, mentaliti, dan emosi seseorang mempengaruhi ciri ini. Menurut Jones (2024) gender berbeza daripada jantina, yang merujuk kepada perbezaan biologi dan anatomi yang wujud antara lelaki dan perempuan. Apabila bercakap tentang jantina, kita lebih bercakap tentang budaya, sosial, tingkah laku, dan mentaliti seseorang (Marzuki, 2007).

Seni persembahan mempunyai penglibatan yang terdiri daripada lelaki dan perempuan kerana kebanyakan tarian, teater dan persembahan perlu gabungan tersebut bagi memeriahkan pertunjukan mereka kepada khalayak penonton. Dalam teater, peranan gender sangat penting bagi memastikan kelancaran persembahan mereka itu. Cara jantina seseorang mempengaruhi watak, peranan, dan interpretasi mereka dalam lakonan dan pementasan dikenali sebagai "peranan gender" dalam teater. Peranan gender dalam teater boleh memberi kesan kepada pemilihan pelakon untuk memainkan watak, cara watak disampaikan, dan cara penonton melihat watak

berdasarkan jantina pelakon. Peranan gender juga boleh memberi kesan kepada struktur kuasa, stereotaip, dan norma sosial yang disampaikan melalui pementasan teater. Dalam satu teater *German and Dutch Theatre Text (1660-1780)*, daripada Cornelis (2011) mengatakan dalam kajian jantina semasa, kisah perpecahan awam dan swasta yang memisahkan gender dalam literatur moden awal dan masyarakat telah dicabar, atau sekurang-kurangnya dibuat lebih kompleks dan berbeza. Watak lelaki yang dimainkan di dalam teater ini lebih sikit berbanding watak perempuan kerana watak perempuan di dalam teater digambarkan dengan wanita yang menderita, yang sering digambarkan sebagai seorang perawan yang diperkosa dan cedera, dalam gambar-gambar alegori Belanda pertahanan tanah air semasa dan selepas Perang 80 Tahun. Peranan wanita sebagai representasi simbolik tanah air yang menderita bukanlah suatu perkara yang boleh diambil remeh terhadap pementasan teater. Teater ini juga menggambarkan peranan perempuan dalam melindungi watak tentara yang dimainkan oleh lelaki daripada peperangan yang mereka hadapi. Menurut Cornelis (2011) wanita kehilangan kuasa dalam bidang tentera akibat perbezaan peranan dan menjadi kurang penting dalam bidang inspirasi patriotik baru, di mana agensi tentera telah tertakluk kepada peranan lelaki kerana melibatkan kekerasan dan penggunaan mental yang kuat.

Di Malaysia, persembahan teater juga merupakan satu seni persembahan yang sangat terkenal. Makyong merupakan suatu persembahan teater yang dimainkan khususnya di negeri Kelantan. Makyong adalah teater tradisional Melayu yang menggabungkan lakonan, tarian, dan muzik. Gender memainkan peranan penting dalam teater Mak Yong, di mana lelaki dan wanita mempunyai watak dan tarian yang berbeza. Selalunya, wanita memegang watak utama seperti Puteri dan Tok Empat, manakala lelaki memegang watak seperti Datuk dan Tok Juara. Peranan gender dalam Mak Yong mencerminkan struktur sosial masyarakat Melayu yang menggambarkan keunikan dan keindahan melalui interpretasi watak dan tarian. Menurut Hardwick (2025) dalam pengarah teater Mak Yong dan Anak Raja Gondong, memiliki pelakon yang berdisiplin dalam memegang watak yang penting dalam teater mampu memberikan satu impak yang besar semasa persembahan seperti penonton tertarik dengan gaya persembahan

yang dilakukan dan peranan setiap gender dalam memegang watak seperti Juhara Ayub sebagai Raja Besar, Mardiana Ismail sebagai Anak Raja Gondang, Eliza Mustaffa sebagai Puteri Gerak Petera, Samoza sebagai Peran Tua, Wan Kanari Ibrahim sebagai Peran Muda dalam teater Anak Raja Gondong akan menyebabkan persembahan berjaya difahami oleh penonton yang datang melihat pertunjukan teater itu. Maka jelaslah peranan gender dalam persembahan teater sangat penting bagi memastikan masyarakat yang menonton dapat menangkap setiap maksud pergerakan yang diperlakukan oleh mereka.

2.4 Definisi Zapin

Tarian mempunyai pelbagai jenis dan salah satunya adalah tarian zapin. Zapin menunjukkan keindahan dan kebijaksanaan rakyat Malaysia dalam seni persembahan warisan budaya mereka. Ia adalah gaya seni hidup yang sedang berkembang di Malaysia, Indonesia dan mempunyai sejarah yang kuat yang memberi kesan kepada kehidupan masyarakat. Zapin menyatakan warisan dan budaya sebagai warisan masyarakat yang boleh dipilih, termasuk nyanyian, tarian, dan muzik. Oleh itu, zapin boleh didapati di mana-mana, walaupun dengan pelbagai nama. Sebagai contoh, ia disebut sebagai Jepin di Kalimantan Barat, Panting di Selatan, Jepeng di Makassar, Sulawesi Selatan, Japin di Banten dan Jawa Barat, Dana di Jambi, dan zapin di Siak dan Riau, di kawasan yang dikenali sebagai zapin, yang merupakan semenanjung Johor (Roza, 2019). Menurut kajian lain, zapin merupakan tarian Melayu yang menggabungkan elemen Melayu dan Timur Tengah ketika kedatangan Islam yang dibawa ke tanah Melayu (Widyarto & Yulinis 2023). Tarian zapin lebih dikenali pada masa kini sebagai seni rakyat yang menggabungkan gerak tari penari-penarinya. Tarian ini mempunyai tiga peringkat iaitu permulaan tarian, pecahan atau gerak serta lenggok ketika tarian dan penutup tarian (Hagen, 2018).

Tarian Zapin mempunyai persamaan dengan seni persembahan yang lain seperti tarian saman. Tari Saman berasal dari orang Gayo yang tinggal di Aceh, Indonesia. Salah satu ciri tarian ini adalah gerakan cepat dan serempak yang

dilakukan oleh penari yang duduk berbaris. Acara penting seperti perayaan agama dan adat biasanya menampilkan Tari Saman. Tari Saman mengandung nasihat, cerita, dan pujian kepada Tuhan. Tari Saman menunjukkan keharmonian dan kerjasama melalui gerakan yang halus dan kedudukan antara penari. Setiap gerakan mempunyai tujuan simbolik dan memberikan gambaran tentang kekayaan budaya masyarakat Aceh (Nor, 2001). Selain itu, terdapat pelbagai jenis zapin yang terdapat di Malaysia dan negara-negara luar seperti Indonesia, Brunei dan Singapura. Menurut laman sesawang dari Inge (2021), Tarian Zapin mempunyai 92 jenis melalui 4 negara, antara contoh yang boleh diketengahkan adalah seperti Tarian Zapin asli dari Sumatra Utara Indonesia, Zapin Brunei dari Brunei dan Borneo Utara, Zapin Singapura, Singapura dan Zapin Jincat, Johor. Kepelbagaian jenis dalam Tarian Zapin sangat penting terhadap penjagaan dan pelestarian tarian ini daripada kehilangan warisan budaya pada masa akan datang. Oleh itu jelaslah Tarian Zapin merupakan salah satu tarian yang mempunyai latar belakang warisan kebudayaan tradisional serta perlu dijaga oleh masyarakat setempat dan perlu diambil berat oleh pihak kerajaan seperti Yayasan Warisan Johor (YWJ), Jabatan Warisan Negara (JWN) dan badan organisasi yang menjaga warisan seperti seni persembahan daripada hilang di masa akan datang.

2.5 Pengekalan Seni Persembahan Dalam Kalangan Masyarakat.

Pemuliharaan dan pemeliharaan warisan sangat penting bagi menjaga dan melindungi warisan negara agar generasi akan datang dapat menikmati warisan ini dari masa ke semasa. Borovica (2019) menyatakan bahawa pemuliharaan bermaksud pengurusan bangunan, monumen, tapak untuk mengelakkan kereputan, kemusnahan dan kerosakan. Di dalam UNESCO (2003, Artikel 2) pengekalan warisan telah disebutkan di mana,

"Safeguarding" refers to actions taken to ensure that intangible cultural heritage will continue to exist. These actions include identifying, recording, researching, preserving, protecting, promoting, enhancing, and transmitting the heritage, especially through formal and informal education, as well as revitalising its various facets.

“Pemeliharaan” merujuk kepada tindakan yang diambil untuk memastikan warisan budaya tidak ketara terus wujud. Tindakan ini termasuk mengenal pasti, merekod, menyelidik, memelihara, melindungi, mempromosikan, meningkatkan dan mewariskan warisan tersebut terutamanya melalui pendidikan formal dan tidak formal serta menghidupkan semula pelbagai aspeknya.

Kenyataan di atas menjelaskan konsep “pemeliharaan” dalam konteks warisan budaya tidak ketara. Warisan budaya tidak ketara merujuk kepada tradisi lisan, adat istiadat, tarian tradisional dan lain-lain bentuk ekspresi budaya yang bukan fizikal atau benda. Antara salah satu langkah dalam mempromosikan warisan seni persembahan adalah dengan memakai kostum tradisional. Warisan budaya juga boleh dikekalkan melalui aktiviti mempromosikan warisan dengan menampilkan imej tradisional tersebut, masyarakat dapat melihat dan mengetahui pakaian tradisional yang terdapat di dalam seni persembahan. Selain itu, pemakaian kostum atau pakaian tradisional boleh diserikan dengan pemakaian aksesori tradisional seperti gerak gempa, gandik, cekak leher, gayut tengkuk, teratai serta selendang disangkut pada pending di pinggang. (Pusat Kebudayaan dan Kesihatan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 2025).

Seterusnya, seni persembahan boleh dikekalkan dengan mempersembahkannya di majlis perkahwinan dan perasmian sekolah. Walau bagaimanapun, terdapat juga cabaran dalam pengekalan seni persembahan kerana masyarakat kini lebih cenderung dalam mengambil bahagian dalam hiburan dan tarian kontemporari yang mendapat tempat dalam kehidupan seharian. Bari (2021), menyatakan bahawa usaha yang dilakukan termasuklah penglibatan generasi muda dalam pembelajaran dan penyebaran tarian Zapin serta meningkatkan pemahaman dan penghargaan terhadap seni tradisional ini. Yayasan Warisan Johor menurut Nor (2015) telah memperuntukan dana dan insentif yang besar bagi membantu seni persembahan seperti Zapin. Bari (2021) menyatakan bahawa penganjuran pelbagai program seperti bengkel tarian zapin kepada masyarakat setempat, festival, seminar, bengkel dan perkhidmatan kejurulatihan seni persembahan adalah seiring dengan misi dan visi Yayasan Warisan Johor demi meneruskan kelangsungan warisan tarian di Johor. Selain itu terdapat beberapa sokongan daripada pelbagai pihak seperti Majlis

Kebudayaan Daerah Batu Pahat, Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Johor, Jabatan Pendidikan Johor, kumpulan tarian dan masyarakat yang membantu dalam mengekalkan seni persembahan agar tidak hilang ditelan zaman. Bari (2021) menegaskan dalam penulisan beliau bahawa budaya adalah milik bersama dan masyarakat perlu belajar dalam memahami budaya agar dapat diwariskan kepada generasi seterusnya. Maka jelaslah bahawa dengan menjalankan pelbagai program serta penambahan pengajaran dalam seni persembahan dapat melindungi seni persembahan daripada hilang dan dilupakan oleh masyarakat di dalam dan luar negara.

2.6 Aplikasi Teori Feminisme dalam seni persembahan

Pada tahun 1880-an, feminisme berasal dari Perancis dalam bahasa Perancis, "femme" merujuk kepada wanita, dan "isme" merujuk kepada pemikiran yang berkaitan dengan membela nasib wanita (Abbas, 2017). Perjuangan politik yang disertai oleh wanita dikenali sebagai feminisme (Borovica, 2019). Feminisme mempunyai keupayaan untuk menyelesaikan isu yang timbul, terutamanya berkaitan dengan penindasan wanita dan penemuan isu-isu yang berkaitan dengan wanita dan persekitaran mereka (Abbas, 2017). Selain itu, feminisme ialah pergerakan yang memperjuangkan kesetaraan gender, penghapusan diskriminasi berdasarkan jantina, dan hak wanita. Feminisme tidak bersifat anti-lelaki, tetapi lebih cenderung untuk membela wanita dan memperjuangkan hak asasi wanita terutamanya dalam isu sosial, politik dan budaya (Oliver, & Risner, 2000). Selama bertahun-tahun, orang ramai telah percaya bahawa wanita dan lelaki mempunyai kebolehan yang sama dan telah berusaha untuk meningkatkan kedudukan sosial wanita serta lelaki yang kurang mampu. Walau bagaimanapun, Seaman (2006) menyatakan bahawa adalah penting bagi suatu kumpulan yang kecil atau dikenali sebagai golongan minoriti mengetahui masalah yang terdapat dalam pengaruh feminisme melalui peranan gender itu sendiri. Contohnya, Feminisme mewakili tuntutan terhadap kesaksamaan gender, perlindungan terhadap gangguan seksual di tempat kerja dan keganasan rumah tangga. Pendapat ini disokong oleh Marion D'Cruz, Mew Tsang Ching dan Aida iaitu tiga

koreografer wanita Malaysia yang mereka percaya bahawa feminisme adalah mengenai wanita yang kuat dan tabah yang memperjuangkan konflik dan cabaran yang dihadapi oleh wanita (Abbas, 2017).

Selain itu, ketika dalam latihan atau persembahan, gerakan tari lelaki sangat berbeza dengan gerakan tari wanita. Penari lelaki perlu kelihatan maskulin, megap, tegap dan gagah bagi menampilkan ciri-ciri seorang lelaki yang digambarkan dalam Alam Melayu. Walau bagaimanapun, tarian wanita tidak dibenarkan melangkah terlalu jauh. Seorang penari wanita harus menampilkan gaya yang tidak terlalu menonjol, dan gerak tubuhnya harus menunjukkan kehalusan dan pemalu seorang gadis Melayu. Dalam gerakan Tarian Zapin juga memperlihatkan seperti penari lelaki mengepung penari wanita. Ia dimaksudkan untuk menggambarkan tugas seorang lelaki untuk melindungi kaum wanita daripada bahaya, yang sepadan dengan peranan seorang lelaki sebagai pelindung kaum wanita. Oleh itu, penari lelaki dilarang sama sekali meniru lenggok dan penggerak tarian penari wanita. Mawasti.et.al. (2023) di dalam Ni Nyoman menyatakan bahawa:

...A social construct known as gender distinguishes between the roles that men and women play. Men and women are viewed as strong, logical, and powerful, respectively, based on their position, function, and role in various spheres of life...

...Konstruk sosial yang dikenali sebagai gender membezakan antara peranan yang dimainkan oleh lelaki dan perempuan. Lelaki sering dipandang sebagai kuat dan logik manakala perempuan pula sering dianggap berkuasa dalam konteks tertentu, ini semua bergantung pada kedudukan, fungsi serta peranan mereka dalam pelbagai bidang kehidupan...

Sebagai tindakan dan interaksi antara gender, ia juga menentukan peranan yang dimainkan oleh lelaki dan wanita. Lelaki dianggap kuat, bijak, dan mempunyai kuasa, manakala wanita dianggap penyayang. Seni persembahan Tarian Zapin berkait rapat dengan teori feminisme melalui penggambaran dan penglibatan penari wanita dalam tradisi yang pada asalnya

didominasi oleh lelaki. Teori feminisme menekankan kesetaraan gender dan pengiktirafan terhadap peranan wanita dalam pelbagai bidang termasuk seni. Dalam konteks Tarian Zapin, penyertaan wanita tidak hanya memperluas skop persembahan tetapi juga mencabar norma-norma tradisional yang membataskan peranan gender. Dengan kemasukan penari wanita, Tarian Zapin menjadi medium untuk mengekspresikan identiti dan kekuatan wanita dalam budaya Melayu. Ini menunjukkan bahawa wanita bukan sahaja sebagai pelengkap dalam tarian, tetapi juga sebagai agen perubahan persepsi masyarakat terhadap peranan mereka. Melalui gerakan dan penampilan mereka, penari wanita dapat menyampaikan mesej tentang kesopanan, kekuatan dan penghormatan terhadap tradisi sekaligus mencerminkan nilai-nilai feminisme yang menuntut pengiktirafan terhadap sumbangan wanita dalam seni dan budaya.

2.7 Kesimpulan

Kesimpulannya, bab dua menerangkan secara keseluruhan mengenai kajian lepas yang mempengaruhi objektif dan persoalan kajian melalui tajuk peranan gender dalam Tarian Zapin di Batu Pahat Johor. Bab ini dimulai dengan definisi seni persembahan sebagai penerangan awal sehingga aplikasi teori yang menerangkan peranan gender dalam seni persembahan bagi memperkuat kefahaman kajian dalam mengkaji peranan gender dalam Tarian Zapin di Batu Pahat Johor.

BAB TIGA

METODOLOGI DAN ANALISIS KAJIAN

3.0 Pengenalan

Bab tiga menjelaskan mengenai kaedah yang digunakan ketika menjalankan kajian Peranan Gender Dalam Tarian Zapin di Batu Pahat, Johor. Kajian dijalankan dengan menggunakan pendekatan campuran bagi menjawab persoalan dan objektif kajian. Selain itu, reka bentuk yang digunakan adalah kajian kes, kaedah kajian yang digunakan pula adalah temu bual, pemerhatian dan tinjauan. Seterusnya, bab tiga juga menjelaskan penggunaan pensampelan data bagi mendapatkan maklumat ketika menjalankan kajian melalui informan yang mahir dalam seni persembahan dan responden dari masyarakat Batu Pahat. Hal ini kerana, kaedah pensampelan yang digunakan adalah pensampelan bertujuan dan pensampelan bebola salji. Akhir sekali, bab tiga menggunakan dua kaedah dalam menganalisis data iaitu analisis tematik dan analisis deskriptif bagi melengkapkan metodologi kajian bab ini

3.1 Pendekatan Kajian: Pendekatan Campuran

Kajian mengenai Peranan Gender Dalam Tarian Zapin di Batu Pahat, Johor menggunakan pendekatan campuran untuk memberikan pemahaman yang lebih komprehensif mengenai kajian dan masalah yang dikaji. Menurut Creswell dan Clark (2007) pendekatan campuran melibatkan pengumpulan, analisis dan penggabungan data kualitatif dan kuantitatif dalam satu kajian untuk memahami masalah penyelidikan secara lebih baik. Pendekatan ini digunakan bagi mendapatkan sumber data yang jelas bagi menjelaskan maklumat yang diperoleh daripada responden dan informan kajian.

3.1.1 Kaedah Kualitatif

Kaedah kualitatif digunakan bagi melaksanakan kajian mengenai Peranan Gender dalam Tarian Zapin di Batu Pahat, Johor. Kaedah kualitatif merupakan kaedah yang bergantung kepada pengumpulan data, analisis,

tafsiran dan penulisan laporan kajian. Jasmi (2012) mengatakan bahawa penyelidikan kualitatif sering menggunakan komunikasi dalam temu bual sebagai data yang ditulis atau tidak tertulis. Data kualitatif dikumpulkan melalui temu bual, perbincangan kumpulan atau pemerhatian. Antara instrumen kajian yang dijalankan adalah seperti temu bual secara informal bersama jurulatih Tarian Zapin di Batu Pahat, Johor, pensyarah yang mahir dalam seni persembahan, dan penari Tarian Zapin.

3.1.2 Kaedah Kuantitatif

Kajian ini juga menggunakan kaedah kuantitatif sebagai satu kaedah penyelidikan untuk mengumpul dan menganalisis data. Kaedah ini melibatkan penggunaan instrumen seperti soal selidik untuk pengumpulan data yang boleh dianalisis dan dikenal pasti dalam kajian ini. Selain itu, Goertzen (2017) menjelaskan kaedah kuantitatif adalah satu bentuk pengumpulan dan analisis data yang terstruktur serta matlamat utama kaedah kuantitatif adalah untuk membina pengukuran yang tepat dan boleh digunakan dalam kajian kes.

3.1.3 Reka Bentuk Kajian: Kajian Kes

Bagi memastikan kajian yang dijalankan mengenai Peranan Gender dalam Tarian Zapin di Batu Pahat, Johor dalam mencapai kehendak persoalan dan objektif kajian, kajian kes merupakan solusi yang sesuai dalam pilihan kajian ini. Kajian kes berfungsi sebagai satu platform untuk memahami kefahaman dalam kajian, membuat keputusan yang strategik dan mencadangkan penyelesaian dalam permasalahan yang dihadapi mengenai kajian yang dijalankan ini. Hal ini kerana, Gustafsson (2017) menerangkan kajian kes merupakan penyelidikan yang luas mengenai individu, kumpulan individu, atau unit dengan matlamat untuk merangkumi lebih daripada satu unit dikenali sebagai kajian kes. Hancock et.al. (2017) menyatakan bahawa pendekatan berfokus kepada kes dan membezakan penyelidikan kajian kes daripada yang lain. Kedua-dua reka bentuk kajian dan pengetahuan yang

diperoleh daripadanya adalah ciri proses yang berlangsung.

Menurut Ridder (2017) tujuan penyelidikan kajian kes ialah untuk memajukan teori-teori melalui perbandingan kes serupa dan perbezaan. Penyelidikan menggunakan pelbagai teknik pengumpulan data dalam tempoh masa yang berterusan untuk mendapatkan maklumat terperinci. Pendekatan campuran kajian turut menggambarkan isu kes yang dikaji dengan penggunaan pendekatan campuran unik iaitu dengan memastikan setiap kajian yang dijalankan dapat menarik perhatian dalam menyelidiki peranan gender dalam tarian zapin ini.

3.2 Kaedah Kajian

Kajian mengenai Peranan Gender Dalam Tarian Zapin di Batu Pahat, Johor adalah dengan menggunakan kaedah temu bual, pemerhatian dan tinjauan di sekitar kawasan Batu Pahat, Johor ini.

3.2.1 Kaedah Temu Bual

Kaedah kajian mengenai Peranan Gender dalam Tarian Zapin di Batu Pahat, Johor menggunakan kaedah temu bual bersama informan. Kaedah temu bual membantu mendapatkan pemikiran, pengalaman dan perspektif informan mengenai kajian ini. Semasa menjalankan temu bual, maklumat data yang diperoleh mampu mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam tentang isu berkaitan gender dalam Tarian Zapin dan mendapatkan maklum balas secara langsung daripada informan. Selain itu, kaedah temu bual membolehkan untuk memberikan soalan tambahan atau membincangkan isu yang lebih susah secara langsung dengan informan. Ini boleh memberi lebih banyak pemahaman tentang kajian. Dalam penggunaan pendekatan campuran, temu bual secara berhadapan lebih bagus untuk mendapatkan data dalam kepercayaan dan pengalaman informan.

Seterusnya, dalam kajian ini melibatkan temu bual secara separa berstruktur. Temu bual separa berstruktur juga dijalankan mengikut soalan

yang dibina dan dapat menambah soalan mengikut kesesuaian dapatan maklumat daripada informan. Hal ini kerana data yang direkodkan tidak boleh terlepas pandang serta penggunaan beberapa alat bantuan kajian adalah bagi memastikan temu bual yang direkod tidak hilang dan maklumat yang dicatat sesuai dengan tujuan kajian.

3.2.2 Kaedah Pemerhatian

Kaedah pemerhatian turut digunakan dalam kajian mengenai Peranan Gender dalam Tarian Zapin di Batu Pahat, Johor. Pemerhatian lapangan yang berkesan memerlukan pengurusan informan untuk membolehkan mereka memenuhi peranan mereka (Gold, 1958). Selain itu, kaedah pemerhatian digunakan sebagai bukti maklumat yang diperoleh daripada kaedah temu bual yang dibuat bersama responden serta menjawab segala objektif kajian. Kaedah ini membolehkan perakaman peristiwa dan mendapatkan data yang tidak boleh diperoleh melalui kaedah yang lain, seperti temu bual atau soal selidik. Selain itu, kaedah pemerhatian membolehkan mencari corak tingkah laku atau interaksi yang mungkin memberi manfaat kepada pengkaji.

Kaedah pemerhatian yang digunakan adalah secara pemerhatian turut serta (participant observation). Pemerhatian turut serta ialah teknik untuk mengumpul data yang melibatkan mengamati dan mengambil bahagian dalam kumpulan individu untuk tempoh masa yang lama. Turut disokong oleh Laaksonen.S (2018) bahawa untuk mendapatkan pemahaman yang menyeluruh tentang kumpulan orang tertentu dan amalan mereka dengan terlibat secara aktif dalam persekitaran mereka, biasanya dalam tempoh masa yang lama. Hal ini kerana pemerhatian secara terus membantu mengenal pasti jumlah penari zapin atau anggota penari zapin dari pelbagai gender. Pemerhatian mempunyai peranan serta merujuk kepada proses kajian yang melibatkan interaksi sosial antara subjek kajian itu sendiri. Interaksi ini bertujuan untuk memperoleh data melalui teknik yang sistematik dalam kajian.

3.2.3 Kaedah Tinjauan

Kajian juga menggunakan kaedah tinjauan kerana ia memerlukan jawapan daripada responden di sekitar kawasan kajian bagi mendapatkan maklumat dan jawapan yang bagus untuk menganalisis data kajian. Kaedah tinjauan juga merupakan satu pendekatan kuantitatif yang akan digunakan dalam kajian. Menurut Laaksonen.S (2018) penyelidikan adalah alat dan pendekatan yang berguna untuk mengumpul, mengurus dan menganalisis data daripada orang-orang dengan cara yang teratur. Melalui kaedah ini, penggunaan borang soal selidik akan digunakan bagi menjawab segala objektif kajian dan kefahaman masyarakat terhadap peranan gender dalam tarian zapin di kawasan tersebut. Kaedah tinjauan menggunakan borang soal selidik bagi mendapatkan data yang cukup daripada masyarakat Batu Pahat.

3.3 Pensampelan Kajian

Dalam kajian, pensampelan data ialah proses pemilihan sampel atau contoh yang mewakili populasi yang lebih besar untuk dikaji. Langkah ini adalah penting kerana pensampelan dapat mengumpul data daripada keseluruhan populasi yang dikaji. Melalui pensampelan data, ia juga boleh mendapatkan maklumat daripada sampel yang mencukupi untuk membuat kesimpulan yang lebih besar tentang populasi secara keseluruhan. Seramai empat orang informan yang dipilih daripada jurulatih dan pensyarah yang berpengalaman dalam seni persembahan dengan menggunakan kaedah pensampelan bertujuan. Hal ini kerana, kajian mementingkan persoalan yang berkaitan peranan gender lelaki dan perempuan penari zapin dalam seni persembahan mereka. Di samping itu, kajian menggunakan pensampelan bebola salji dalam kajian ini dan seramai 60 responden telah menjawab bagi menyokong data daripada pensampelan bertujuan. 60 responden daripada masyarakat sekitar kawasan Batu Pahat, Johor telah menjawab soalan-soalan daripada objektif kajian iaitu mengkaji perspektif masyarakat terhadap percampuran gender dalam Tarian Zapin di Batu Pahat, Johor.

3.3.1 Teknik Pemilihan Informan

Bagi memastikan kajian yang dijalankan menjawab segala objektif kajian, dua kaedah pensampelan telah digunakan iaitu pensampelan bertujuan (purposeful sampling) dan pensampelan bebola salji (snowball sampling). Menurut Etikan. & Bala (2017) dalam pensampelan bertujuan adalah untuk memperoleh pengetahuan yang diperlukan dan bersedia berkongsi, penyelidik mesti memberi tumpuan kepada orang-orang yang mempunyai pandangan yang sama. Hal ini kerana pensampelan bertujuan membolehkan pemilihan secara khusus antara penari zapin dari pelbagai kumpulan gender dan latar belakang. Turut dipastikan bahawa informan yang dipilih terdiri daripada mereka yang mempunyai pemahaman mendalam mengenai peranan gender dalam tarian zapin di Batu Pahat, Johor dengan menggunakan pensampelan yang dirancang.

Antara informan yang dipilih bagi menjawab soalan-soalan temu bual adalah Syed Adil bin Syed Abu Bakar. Beliau berusia 24 Tahun dan telah menjadi jurulatih bagi Pertubuhan Kebudayaan Seri Irwana Batu Pahat, Johor serta telah berkecimpung dalam seni persembahan sejak kecil lagi pada usia 13 tahun. Selain itu informan kedua adalah Khairullah bin Atan. Beliau merupakan penolong pengarah daripada Jabatan Standard Malaysia dan berusia 33 tahun. Beliau telah memasuki bidang seni persembahan Tarian Zapin sejak berusia 6 tahun dan menjadi jurulatih semasa berumur 17 tahun sehingga hari ini. Seterusnya, dua pensyarah kanan yang telah ditemu bual merupakan mereka yang mahir dan telah lama dalam bidang seni persembahan, antaranya seperti Miss Ratna dari bidang seni persembahan dan telah berkecimpung dalam bidang ini sejak 2012 iaitu selama 14 tahun. Akhir sekali, pensyarah yang ditemu bual adalah Dr Norazlinda Binti Rosdi yang merupakan seorang pensyarah berpengalaman dalam seni persembahan dan telah berkecimpung sejak 2013 anggaran selama 13 tahun dalam membawa pengalaman dan kefahaman melalui seni persembahan ini.

3.3.2 Teknik Pemilihan Responden

Pensampelan bola salji juga menjadi pilihan yang sesuai dalam konteks kajian mengenai peranan gender dalam tarian zapin di Batu Pahat, Johor. Penggunaan pensampelan bola salji dimulakan dengan penari yang dikenali dalam komuniti penari zapin dan meminta mereka merujuk penari lain yang sesuai. Pendekatan ini sangat berguna jika populasi penari zapin di Batu Pahat tidak dapat dikenalpasti dengan mudah atau jika terdapat kumpulan penari yang kurang dikenali secara meluas. Melalui pensampelan bola salji, turut diperluas rangkaian informan dan mendapatkan perspektif yang lebih luas mengenai peranan gender dalam tarian zapin di kawasan tersebut. Menurut Noor & Fuzi (2024) teknik pensampelan bola salji adalah di mana informan kajian diminta mencadangkan informan yang lebih mahir dalam menjawab soalan yang dikaji.

3.4 Analisis Data

Dalam memastikan persoalan kajian dapat dijawab dan difahami dalam kajian, analisis data merupakan satu perkara penting yang melibatkan pemeriksaan, interpretasi, dan penyusunan data yang dikumpulkan untuk mencari jawapan kepada soalan kajian. Analisis data turut membantu menemui pola, trend, dan hubungan yang berkaitan dengan perbezaan gender dalam amalan dan interpretasi tarian zapin dalam konteks kajian mengenai peranan gender dalam tarian zapin. Kaedah analisis data yang digunakan dalam kaedah kualitatif adalah analisis tematik. Analisis tematik merupakan cara bagi memahami maklumat yang didapatkan daripada penyelidikan dan informan kajian mengenai peranan gender dalam tarian zapin di Batu Pahat, Johor. Analisis data ialah proses mengurutkan dan mengorganisasikan data ke dalam pola, kategori, dan satuan uraian dasar. Tujuan analisis ini adalah untuk mencari tema dan menghasilkan hipotesis kerja berdasarkan data. Selain itu, tinjauan juga digunakan untuk mendapatkan data dan responden kajian daripada komuniti berdekatan Batu Pahat. Analisis deskriptif ialah cara untuk mendapatkan maklumat penyelidikan dengan mengajukan persoalan kepada sampel populasi tertentu untuk mengumpul data.

3.4.1 Analisis Tematik

Kajian mengenai peranan gender dalam tarian zapin di Batu Pahat, Johor, menggunakan analisis tematik (Braun & Clarke, 2006) untuk mencari dan menganalisis tema utama yang berkaitan dengan perbezaan gender dalam tarian. Bagi memahami bagaimana gender mempengaruhi pemahaman dan pelaksanaan tarian tradisional ini dalam masyarakat tersebut dengan bantuan proses analisis seperti pengkodean data, pengelompokan tema, penyusunan tema, dan interpretasi tema. Mohamad & Abdullah (2018) menyatakan bahawa analisis tematik digunakan untuk mengkategorikan data dan mencipta tema yang sesuai dengan soalan kajian. Ia bermula pada tahap permulaan data dan kemudian pergi ke bahagian pembinaan kod. Di sana, data dipaparkan dalam bentuk jadual atau matriks, jaringan, peta konsep, carta alir dan rajah.

Semasa menggunakan analisis tematik ini, terdapat beberapa perkara yang perlu dilakukan. Analisis tematik secara transkripsi adalah peringkat pertama. Hal ini dicapai dengan menyalin data audio ke teks. Seterusnya, kajian memilih apa yang akan dikodkan, apa yang akan digunakan, dan kod mana yang paling sesuai untuk mewakili kandungan kajian. Selain itu, dalam bahagian kedua, penjelasan diberikan tentang cara tema membentuk pemahaman kajian, bagaimana ia didukung oleh bukti, dan bagaimana ia berkaitan dengan kajian. Selain itu, kajian harus menilai pertanyaan penyelidikan untuk memastikan bahawa maklumat yang didapati dan subjek yang dibincangkan adalah tepat.

Di samping itu, pada peringkat ketiga adalah penyelesaian tema dengan meninjau dan menyempurnakan tema kajian. Turut diperhatikan juga hasil penelitian dan implikasi terhadap segala pertanyaan dan penelitian dalam analisis tematik ini. Pada peringkat terakhir, adalah penyediaan laporan iaitu dengan memberikan isi yang diperlukan dalam kajian seperti menganalisis data dan konsep pertanyaan iaitu mengapa, “Apa”, “bagaimana”, “mengapa”, “siapa”, dan “bila”. Oleh itu jelaslah langkah-langkah yang diperlukan oleh pengkaji dalam analisis tematik sangat penting dalam memberikan kefahaman terhadap pengkaji melalui transkripsi,

pengekodan, tema dan laporan.

3.4.2 Analisis Deskriptif

Analisis deskriptif merupakan salah satu langkah yang paling penting dalam analisis data. Analisis deskriptif membantu dalam membuat kesimpulan mengenai perkongsian data dan membantu mencari kesalahan dalam data. Analisis ini turut menyediakan corak dan gambaran yang baik untuk mengenal pasti data yang telah didapatkan. Hal ini kerana analisis deskriptif adalah proses penggunaan data baru dan lama untuk mencari corak dan sambungan data untuk mengenal pasti corak dan hubungan kajian. Analisis ini berguna untuk menjelaskan perubahan data dari masa ke masa. Set data besar disederhanakan melalui pengumpulan dan pemasangan maklumat dalam data. Proses analisis data deskriptif termasuk dalam mengambil wawasan daripada data untuk membantu dalam pengambilan keputusan kajian.

Analisis deskriptif disokong dengan statistik mudah (median, mean dan mode) yang menggambarkan trend asas sebagai alat kerja deskriptif yang paling digunakan dan boleh membantu dalam menyediakan penjelasan untuk data. Antara jenis analisis deskriptif yang digunakan dalam kajian mengenai Peranan Gender Dalam Tarian Zapin di Batu Pahat, Johor adalah pengukuran frekuensi. Pengukuran frekuensi adalah untuk memerlukan seberapa kerap kejadian atau tindak balas tertentu mungkin berlaku dalam kajian. Pengukuran frekuensi biasanya digunakan untuk mendapatkan bilangan dan peratusan data. Terdapat beberapa cara dalam melaksanakan analisis deskriptif iaitu dengan empat cara. Antaranya adalah pengumpulan data, penyediaan data, penggunaan kaedah frekuensi dan statistik ringkas dan visualisasi.

Langkah pertama iaitu pengumpulan data adalah seperti mengumpulkan data yang relevan dengan kajian. Dalam proses ini, sumber data mesti dikenal pasti dan teknik pengumpulan data yang sesuai mesti dipilih untuk mendapatkan ketepatan data yang dikumpulkan serta dipastikan

berhubungan dengan populasi atau subjek yang dikaji. Tinjauan, eksperimen, pengkalan data yang sedia ada dan teknik lain boleh digunakan dalam mengumpul data kajian. Selain itu, dalam penyediaan data, data yang disediakan mesti bersih dan bersedia untuk dianalisis serta memerlukan persediaan data yang berhati-hati. Prosedur ini melibatkan pelbagai tugas termasuk pembersihan data yang melibatkan penambahan nombor yang hilang atau menggunakan pendekatan statistik yang sesuai untuk menangani masalah seperti pengecualian dan nilai yang hilang dalam set data. Di samping itu, perubahan data dilakukan untuk menukarkan data kepada format yang sesuai. Hal ini boleh melibatkan pengukuran variabel nombor, penukaran jenis data atau pengkodan variabel kategori. Selain itu dalam penyediaan data, pengurangan data digunakan pada data yang besar bagi mengurangkan saiz dengan mengumpul atau sampel yang membantu menyusun analisis.

Seterusnya langkah ketiga adalah dengan menggunakan kaedah frekuensi. Dalam menentukan kategori data, jadual frekuensi atau carta bar yang memaparkan bilangan atau peratusan daripada (mean, median, mode) merupakan perkara penting dalam frekuensi ini. Dengan menentukan faktor yang berkaitan soalan penyelidikan dan analisis deskriptif, pendekatan yang berbeza digunakan untuk variabel kategori dan nombor, maka harus difahami perbezaan setiap jenis kaedah penggunaan data deskriptif. Selepas menganalisis pengumpulan data, kajian akan dinilai melalui hasil berkaitan dengan objektif kajian. Sekiranya analisis menghasilkan hasil yang dijangka, ia bermakna kajian ini berjaya. Manakala, jika tidak, kajian akan mencari lubang dalam rancangan dan terus meneruskan melalui langkah bagi mencapai hasil yang baik. Langkah terakhir adalah statistik ringkas dan visualisasi. Ketika menggunakan pengukuran statistik dan alat visualisasi, sangatlah penting bagi meringkaskan sifat kumpulan data. Prosedur ini melibatkan ringkasan yang jelas dalam merangkumi hasil untuk memberikan gambaran keseluruhan data. Visualisasi corak set data dalam kajian ditingkatkan dengan penggunaan carta dan plot yang berbeza. Kajian juga akan memberi kesan dalam menyampaikan penemuan penting dan corak yang terdapat dalam data dengan menggunakan analisis deskriptif. Hal ini akan membantu dalam pengambilan keputusan yang mempunyai maklumat dan penyelidikan

tambahan dalam kajian mengenai Peranan Gender Dalam Tarian Zapin Di Batu Pahat, Johor.

3.5 Instrumen Kajian: Alat Bantuan Kajian

Kajian mengenai Peranan Gender Dalam Tarian Zapin di Batu Pahat, Johor memerlukan sumber dan data yang lengkap bagi membantu dalam menyelesaikan kajian ini. Alat bantuan kajian merupakan salah satu faktor utama kepada bagi menyelesaikan analisis data nanti. Antara alat bantuan kajian adalah seperti telefon bimbit, nota lapangan. Alat bantuan kajian sangat penting bagi memastikan data yang diperoleh direkod dan disimpan bagi kepentingan kajian.

(1) Telefon Bimbit

Untuk kajian temu bual, telefon bimbit adalah penting kerana ia membolehkan untuk berhubung dengan responden dengan lebih mudah dan pantas. Penggunaan telefon bimbit membolehkan temu bual jauh dilakukan pada bila-bila masa dan di mana-mana, memudahkan untuk berkomunikasi bersama responden yang mungkin berada di tempat yang berbeza. Penggunaan telefon bimbit juga memudahkan rakaman temu bual untuk rujukan dan analisis. Oleh itu, telefon bimbit adalah bantuan penting dalam menjalankan kajian temu bual.

(2) Nota Lapangan

Nota lapangan adalah penting untuk kajian temu bual kerana ia boleh merekodkan perkara penting dan perbincangan yang berlaku semasa temu bual. Nota lapangan membantu untuk menangkap maklumat penting seperti reaksi responden, isu yang dibangkitkan, dan maklum balas. Nota lapangan juga membantu dalam mengingati perkara yang mungkin terlepas pandang semasa temu bual. Untuk membuat analisis dan interpretasi kajian yang lebih baik, penggunaan nota lapangan adalah untuk merujuk semula kepada perbualan dan maklumat yang diperoleh semasa temu bual.

3.6 Kesimpulan

Dalam mendalami kaedah metodologi kajian di mana tujuan kajian mengenai Peranan Gender dalam Tarian Zapin di Batu Pahat, Johor adalah dengan menggunakan pendekatan campuran. Pendekatan campuran dipilih kerana kajian ini sangat sesuai dan mencapai tujuan kajian. Selain itu, analisis tematik juga turut digunakan kerana penggunaan tematik dapat mengeluarkan data yang baik dan maklumat dalam seni persembahan Tarian Zapin daripada informan yang berpengalaman. Analisis Deskriptif pula dapat menyokong data agar lebih tepat dengan menggunakan borang soal selidik dan ditujukan kepada masyarakat Batu Pahat dalam mendapatkan data. Oleh itu jelaslah penggunaan pendekatan campuran dan analisis kajian sangat berguna bagi mencapai tujuan serta menjawab segala persoalan dan objektif kajian.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.0 Pengenalan

Bab ini membincangkan hasil pengumpulan data yang diperoleh mengenai pandangan masyarakat Batu Pahat, Johor terhadap peranan gender dalam tarian Zapin Campuran diperoleh hasil dapatan kajian berdasarkan kaedah kualitatif dan kuantitatif. Terdapat sepuluh tema yang diekstrak daripada data kajian iaitu demografi responden, sejarah dan latar belakang tarian zapin, sifat tarian, fungsi tarian zapin, identiti budaya setempat dalam seni persembahan, peranan gender dalam tarian zapin, peristiwa berkaitan seni tarian zapin, aspek spiritual dalam muzik, peranan koreografer dalam tarian zapin, serta halangan dan cabaran dalam industri seni persembahan, dan pihak-pihak berkepentingan yang terlibat dalam seni zapin.

4.1 Demografi Responden

Bahagian ini merujuk kepada demografi responden yang terdiri daripada peringkat umur, jantina, tahap pendidikan, bangsa, mukim Batu Pahat dan kewujudan tarian zapin.

a) Jantina Responden

Jadual 4.1 : Jantina Responden.

Sumber : Kajian Lapangan (2024)

Kategori	Kekerapan	Peratus
Lelaki	33	55%
Perempuan	27	45%
Jumlah	60	100%

Berdasarkan jadual 4.1, jumlah keseluruhan responden adalah seramai

60 (100%) orang dari masyarakat Batu Pahat, Johor yang terdiri daripada 33 (55%) responden lelaki dan selebihnya 27 (45%) responden perempuan. Data yang diperolehi menunjukkan bahawa responden lelaki lebih ramai daripada responden perempuan.

b) Umur Responden

Jadual 4.2 Umur Responden
Sumber: Kajian Lapangan (2024)

Umur	Kekerapan	Peratus
19 Tahun Ke Bawah	1	1.7%
20 Tahun - 29 Tahun	35	38.3%
30 Tahun - 39 Tahun	7	11.7%
40 Tahun - 49 Tahun	15	25%
50 Tahun - 59 Tahun	1	1.7%
60 Tahun Ke Atas	1	1.7%
Jumlah Keseluruhan	60	100%

Berdasarkan jadual 4.2 terdapat enam kategori umur yang ditetapkan di dalam kajian ini, iaitu: di bawah 19 tahun, 20 hingga 29 tahun, 30 hingga 39 tahun, 40 hingga 49 tahun, 50 hingga 59 tahun, dan 60 tahun ke atas. Dalam kajian ini, hanya seorang responden (1.7%) berumur di bawah 19 tahun, manakala 35 responden (38.3%) berada dalam kategori umur 20 hingga 29 tahun. Selain itu, terdapat tujuh responden (11.7%) dalam kategori 30 hingga 39 tahun, dan 15 responden (25%) dalam kategori 40 hingga 49 tahun. Kategori umur 50 hingga 59 tahun juga mencatatkan seorang responden (1.7%), yang sama dengan kategori 60 tahun ke atas. Secara keseluruhan, responden dalam kategori umur 20 hingga 29 tahun menunjukkan peratusan tertinggi disebabkan oleh kemudahan akses soal selidik ini melalui platform dalam talian yang popular di kalangan golongan muda.

c) Tahap Pendidikan

Jadual 4.3: Tahap Pendidikan
Sumber: Kajian Lapangan (2024)

Tahap Pendidikan	Bilangan	Peratus
Diploma	12	20%
Sarjana	2	3.3%
Sarjana Muda	13	21.7%
Sijil	7	11.7%
SPM	26	43.3%
Jumlah Keseluruhan	60	100%

Terdapat lima kategori tahap pendidikan yang dikenal pasti di kalangan responden yang telah mengisi borang soal selidik ini. Berdasarkan jadual 4.3 sebahagian besar responden yang menjawab borang soal selidik mempunyai pendidikan di peringkat SPM, dengan jumlah 26 orang (43.3%). Kategori kedua tertinggi adalah responden yang memiliki kelayakan Sarjana Muda, seramai 13 orang (21.7%). Diikuti oleh 12 orang (20%) yang mempunyai pendidikan Diploma, dan tujuh orang (11.7%) di peringkat Sijil. Peringkat Sarjana mencatatkan jumlah yang paling rendah, dengan hanya dua orang (3.3%). Secara keseluruhan, majoriti responden yang terlibat dalam soal selidik ini berada pada tahap pendidikan SPM.

d) Bangsa

Jadual 4.4 Bangsa
Sumber: Kajian Lapangan (2024)

Bangsa	Kekerapan	Peratus
Melayu	58	96.7%
Cina	1	1.7%
India	0	0%
Orang Asli	1	1.7%
Jumlah Keseluruhan	60	100%

Berdasarkan jadual 4.4, pembahagian kategori bangsa responden yang terlibat dalam soal selidik mengenai Peranan Gender dalam Tarian Zapin di Batu Pahat, Johor. Terdapat tiga kategori bangsa yang menjawab, iaitu Melayu, Cina, dan Orang Asli. Bangsa Melayu mencatatkan jumlah tertinggi dengan 58 responden (96.7%), manakala bangsa Cina dan Orang Asli masing-masing hanya mempunyai seorang responden (1.7%). Keputusan ini menunjukkan bahawa bangsa Melayu memiliki pemahaman yang lebih mendalam mengenai Seni Persembahan Tarian Zapin berbanding dengan bangsa Cina, India, dan Orang Asli. Salah satu kemungkinan mengapa responden Melayu lebih ramai dalam kajian ini adalah kerana Tarian Zapin merupakan sebahagian daripada warisan budaya mereka yang kaya, dan mereka mungkin lebih terdedah kepada seni ini melalui pendidikan, aktiviti kebudayaan, dan penglibatan dalam komuniti.

e) Mukim Batu Pahat

Jadual 4.5: Mukim Batu Pahat

Sumber: Kajian Lapangan (2024)

Mukim Batu Pahat	Kekerapan	Peratus
Bagan	6	10%
Chaah Baru	1	1.7%
Kampung Baharu	3	5%
Linau	2	3.3%
Lubok	14	23.3%
Minyak Beku	3	5%
Peserai	5	8.3%
Rengit	5	8.3%
Simpang Kanan	6	10%
Simpang Kiri	4	6.7%
Sri Gading	3	5%
Sri Medan	2	3.3%
Sungai Keluang	4	6.7%
Tanjung Sembrong	2	3.3
Jumlah Keseluruhan	60	100%

Jadual 4.5 menyenaraikan permukiman di Batu Pahat, Johor yang terlibat dalam pengisian borang soal selidik ini. Terdapat empat belas mukim yang disenaraikan, termasuk Bagan, Chaah Baru, Kampung Baharu, Linau,

Lubok, Minyak Beku, Peserai, Rengit, Simpang Kanan, Simpang Kiri, Sri Gading, Sri Medan, Sungai Keluang, dan Tanjung Sembrong. Mukim Lubok mencatatkan jumlah responden tertinggi, iaitu 14 orang, yang mewakili (23.3%) daripada keseluruhan responden. Ini diikuti oleh mukim Bagan dan Simpang Kanan, masing-masing dengan enam responden (10%). Mukim Peserai dan Rengit pula masing-masing mencatatkan lima responden (8.3%). Seterusnya, mukim Simpang Kiri dan Sungai Keluang masing-masing mempunyai empat responden (6.7%). Mukim Kampung Baharu, Minyak Beku, dan Sri Gading masing-masing mencatatkan tiga responden (5%), manakala mukim Linau, Sri Medan, dan Tanjung Sembrong mempunyai dua responden (3.3%). Akhir sekali, mukim Chaah Baru mencatatkan jumlah responden terendah, iaitu seorang orang (1.7%).

Mukim Lubok mendominasi dalam pengisian borang soal selidik ini mungkin disebabkan oleh beberapa faktor. Pertama, mukim ini mungkin mempunyai lebih banyak aktiviti berkaitan tarian zapin campuran, yang menarik minat penduduk untuk memberikan maklum balas. Selain itu, kesedaran dan penglibatan masyarakat di Lubok dalam kajian mengenai peranan gender dalam seni budaya mungkin lebih tinggi berbanding mukim lain. Faktor-faktor ini mungkin menyumbang kepada jumlah responden yang lebih ramai dari mukim Lubok dalam kajian ini.

f) Pengetahuan Mengenai Peranan Gender dalam Tarian Zapin

Jadual 4.6 Pengetahuan mengenai peranan gender dalam Tarian Zapin.

Sumber: Kajian Lapangan (2024)

Pengetahuan masyarakat mengenai peranan gender dalam Tarian Zapin	Jumlah	Peratus

Ya	37	61.7%
Tidak	23	38.3%
Jumlah Keseluruhan	60	100%

Jadual 4.6 menunjukkan tahap pengetahuan masyarakat terhadap peranan gender dalam Tarian Zapin. Sebanyak 60 responden telah mengambil bahagian dalam soal selidik yang diedarkan. Dari jumlah tersebut, 37 orang (61.7%) memberikan jawapan "Ya", manakala 23 orang (38.3%) menjawab "Tidak". Maklumat yang diperoleh menunjukkan bahawa lebih ramai responden mengetahui tarian zapin berbanding yang tidak. Ini menunjukkan bahawa terdapat kesedaran yang tinggi dalam kalangan masyarakat mengenai tarian ini di negeri mereka. Pemilihan responden dilakukan secara rawak, dan mereka yang menjawab "Ya" lebih cenderung untuk memberikan maklum balas serta kerjasama dalam pengumpulan data kajian.

g) Pengetahuan Kewujudan Tarian Zapin Masyarakat Batu Pahat Johor

Jadual 4.7: Pengetahuan Kewujudan Tarian Zapin Masyarakat Batu Pahat, Johor.

Sumber: Kajian Lapangan (2024)

Pengetahuan Kewujudan Tarian Zapin Masyarakat Batu Pahat, Johor.	Kekerapan	Peratus
Keluarga	23	38.3%
Media Massa	1	1.7%
Media Sosial	8	13.3%
Rakan - Rakan	9	15%

Sekolah	19	31.7%
Jumlah Keseluruhan	60	100%

Jadual 4.7 menunjukkan data yang diperoleh daripada 60 responden mengenai pengetahuan mereka tentang kewujudan Tarian Zapin di kalangan masyarakat Batu Pahat, Johor. Data ini dibahagikan kepada lima kategori sumber pengetahuan, iaitu keluarga, media massa, media sosial, rakan-rakan, dan sekolah. Hasil analisis menunjukkan bahawa responden mengetahui kewujudan tarian zapin melalui keluarga, dengan 23 responden (38.3%). Seterusnya, 19 responden (31.7%) memperoleh pengetahuan ini melalui sekolah. Rakan-rakan menyumbang kepada sembilan responden (15%), manakala media sosial mencatatkan lapan responden (13.3%). Media massa, bagaimanapun, mencatatkan jumlah yang paling rendah, dengan hanya seorang responden (1.7%) yang mengetahui tentang Tarian Zapin melalui saluran ini.

Kesimpulannya, peranan keluarga dalam menyebarkan pengetahuan tentang Tarian Zapin adalah sangat penting serta menunjukkan bahawa warisan seni persembahan ini merupakan tradisi yang penting bagi masyarakat Batu Pahat. Oleh itu, adalah wajar bagi mereka untuk terus memelihara dan menghargai warisan budaya ini, agar generasi akan datang dapat mewarisi dan meneruskan tradisi yang berharga ini.

4.2 Sejarah Dan Latar Belakang Tarian Zapin

Seni persembahan Tarian Zapin merupakan salah satu warisan budaya tidak ketara yang terdapat di Batu Pahat, Johor. Tarian Zapin berasal daripada Timur Tengah, khususnya Yaman dan dibawa ke tanah Melayu oleh pedagang Arab pada abad ke - 16. Mereka memperkenalkan tarian ini sebagai bahagian dari proses perdagangan rempah-rempah dan juga sebagai media dakwah islam (Husein, 2011). Setelah kedatangan para pedagang, terjadi proses penerimaan budaya antara budaya Arab dan budaya Melayu. Hal ini terlihat dalam gerakan, muzik dan lirik yang mengiringi Tarian Zapin, yang mengandungi

nilai-nilai pendidikan dan keagamaan. Pernyataan ini disokong oleh Informan 1 yang mengatakan Tarian Zapin berasal dari pedagang Arab yang datang memperkenalkan warisan ini:

Okay zapin ini sebenarnya berasal daripada pedagang Arab. Zapin ni datang daripada Arab sana kan. Jadi masa dulu Selat Melaka ini Kan menjadi selat pertama untuk pedagang pedagang berlabuh jadi pedagang pedagang Arab ini, mereka datang berdagang dekat Selat Melaka. Masa lapang mereka tu mereka isi dengan tarian. (Informan 1, Temu Bual, 25 September 2024).

Pernyataan mengenai asal usul dan sejarah tarian zapin ini juga disokong oleh Informan 2 dan Informan 3. Informan 2 turut menyatakan bahawa: *“Okey jadi zapin ini merupakan satu kesenian. Kebudayaan juga warisan yang dibawa ke Tanah Melayu seawal Abad keempat belas lebih kurang tahun 1300 yang dibawa oleh pedagang Arab khusus dari hadramaut.”* (Informan 2, Temu Bual, 31 Oktober 2024).

Informan 3 turut menjelaskan ketika sesi temu bual mengenai kajian terhadap seni persembahan Tarian Zapin ini: *“...Macam pedagang-pedagang daripada tanah Arab kan.. yang datang membawa perkembangan zapin itu dan pada masa dulu zapin ni bersih bersifat dakwah sebagai medium penyebaran dakwah”.* (Informan 3, Temu Bual, 5 November 2024).

Menurut Informan 2, tarian zapin yang berasal dari Hadramaut mencerminkan interaksi budaya yang telah berlangsung antara masyarakat Arab dan Melayu sejak zaman dahulu. Tarian ini merupakan salah satu contoh percampuran budaya yang kaya yang tidak hanya menampilkan keindahan seni, tetapi juga menggambarkan perjalanan sejarah serta pertukaran budaya yang telah membentuk identitas masyarakat Melayu. Selain itu, Informan 3 menambahkan bahawa tarian zapin berkembang sebagai bentuk seni yang tidak hanya bertujuan untuk menghibur, tetapi juga berfungsi sebagai laluan untuk menyebarkan dakwah Islam. Melalui lirik dan gerakan yang terdapat dalam tarian ini, nilai-nilai dan ajaran Islam dapat disampaikan kepada

masyarakat dengan cara yang menarik dan bermakna.

Walaupun bagaimanapun, Informan 4 menjelaskan dalam sesi temu bual bahawa pedagang Arab ini tidak datang ke tanah Melayu dahulu tetapi ke Indonesia. Melalui temu bual yang dijalankan:

Kalau ikutkan kita tengok sejarah Zapin ni panjangla..orang kata datang daripada Indonesia dibawa ke Johor apa semua tapi secara harafiahnya dia lebih kepada pengaruh budaya Arab yang mana dibawa oleh pedagang ataupun pengembara daripada Timur Tengah lah especially dekat kawasan Yaman sendiri sekitar Abad 15 ke 16 tu. Jadi masa itu Tarian Zapin ni selain daripada diorang berdagang ni.. dia pun membawa bersama lah budaya mereka seperti mana jugalah tarian yang lain. (Informan 4, Temu Bual, 9 November 2024)

Hal ini memberikan pendapat yang berbeza antara informan tetapi kenyataan mereka mengenai kedatangan Arab sebagai pedagang yang membawa budaya mereka jelas memberikan pendapat yang sama iaitu dengan membawa tarian zapin sebagai satu warisan serta pertukaran budaya antara budaya Arab dan masyarakat Melayu.

Tarian Zapin di negeri Johor dahulunya merupakan tarian hiburan di istana yang mengalami pengubahsuaian seiring dengan pengaruh budaya tempatan (Nurdin, 2014). Kedatangan pedagang Arab ke Johor menjadikan negeri ini sebagai pusat perdagangan antarabangsa selepas kejatuhan Melaka, dan tarian ini mula berkembang di Johor sebelum menyebar ke negeri-negeri lain seperti Riau, Singapura dan Brunei. Penyataan ini turut disokong Informan 1 mengatakan:

Jadi kalau yang Johor saya cerita dekat Johor lah Johor tu macam tu lah daripada pedagang tu, so orang kampung tu dia ambil dia buat dan diolah...jadilah zapin. Jadilah zapin mereka sendiri sampai sekaranglah. Dia banyaklah dekat kampung lah kan. Macam kita tahu dekat Batu Pahat daripada Kampung Tanjung

labuh wujudnya zapin Tanjung labuh daripada Kampung Padang Sari wujudnya zapin Padang Sari. Jadi daripada kampung ini dikekalkan hinggalah harini sekarang ini. (Informan 1, Temu Bual, 25 September 2024).

Hal ini membuktikan kedatangan pedagang Arab ke Johor selain penyebaran dakwah, mereka bertukar budaya dengan memperkenalkan tarian zapin sebagai pertukaran budaya antara mereka. Informan 1 menekankan bahawa tarian ini telah berkembang di pelbagai kampung, seperti di Batu Pahat, di mana terdapat Zapin Tanjung labuh dan di Kampung Padang Sari di mana wujudnya Zapin Padang Sari. Tarian Zapin bukan sekadar warisan seni, tetapi juga merupakan hasil interaksi budaya antara pedagang Arab dan masyarakat tempatan.

Seni tarian zapin tradisional memiliki pelbagai ciri yang membezakannya daripada bentuk seni persembahan lain. Tarian ini biasanya dikenali dengan gerakan yang lembut dan teratur, dengan fokus khusus pada pergerakan kaki yang unik. Selain itu, tarian zapin sering diiringi oleh muzik yang menggunakan alat tradisional yang menghasilkan suasana yang meriah dan bermakna. Dalam temu bual, Informan 1 juga menjelaskan bahawa: *“Tarian Arab ataupun kalau kita tahu nama dia zaffan. Zaffan tu yang bermaksud pergerakan kaki yang cepat, kenapa pergerakan kaki yang cepat sebab mereka sebenarnya asal tu, mereka hanya menggerakkan kaki je tangan ni dia bebas...”* (Informan 1, Temu Bual, 25 September 2024).

Penjelasan Informan 1 mengungkapkan bahawa Tarian Zapin memiliki akar umbi yang lebih luas tidak hanya terbatas pada budaya Melayu, tetapi juga dipengaruhi oleh tradisi Arab. Dalam konteks ini, penekanan diberikan kepada pergerakan kaki yang cepat sementara tangan penari dibiarkan bebas untuk bergerak secara spontan.

Seni persembahan tarian zapin yang berpusat di Batu Pahat, Johor telah mendapat pengiktirafan daripada Yayasan Warisan Johor sebagai salah satu warisan budaya yang penting. Pengiktirafan ini mencerminkan usaha yang

berterusan untuk memelihara dan mempromosikan seni tari ini, serta meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai nilai budaya yang terkandung di dalamnya. Menurut Informan 1 dalam sesi temu bual, beliau menyatakan:

...Tapi walau bagaimanapun dalam Johor kita ada satu Institut yang. Menjaga zapin zapin iaitu Yayasan warisan Johor jadi Yayasan warisan Johor ini dia akan mereka akan mengabsahkan ataupun orang kata akan memastikan zapin yang diberikan kepada masyarakat ini adalah zapin yang dah di pastikan asal usulnya. Zapin Yang dah di tetapkan pergerakannya. Jadi Yayasan warisan Johor setakat ini mengabsahkan 14 jenis zapin saja. 14 jenis zapin ni yang Yayasan memang dah usahakan antaranya adalah zapin padang sari, Tanjung labuh, zapin dayung, zapin kores, zapin Pat lipat, zapin mampung, zapin Pulau, zapin tenglu, zapin lenga, zapin Selat panjang, zapin pekajang, zapin mapum, dan banyak lagilah... (Informan 1, Temu Bual, 25 September 2024).

Penyataan ini juga disokong oleh Informan 2 yang menyatakan bahawa Yayasan Warisan Johor merupakan salah satu jabatan kebudayaan yang ingin mengekalkan warisan tidak ketara seni persembahan ini. Menurut Informan 2 dalam sesi temu bual, beliau menjelaskan:

Kerajaan negeri Johor moden dari yang saya rasa, Johor di mana sentiasa ada seperti difokuskan kepada YWJ Yang asal untuk sentiasa melakukan kajian pembongkaran zapin Johor dalam muzik tarian seni dan bertanggungjawab bagi mengadakan festival melalui pertandingan pertandingan tarian anjuran Yayasan warisan Johor Itu tidak boleh kita nafikan juga. (Informan 2, Temu Bual, 31 Oktober 2024).

Informan 2 menekankan bahawa usaha ini bukan sahaja penting untuk pemeliharaan warisan budaya, tetapi juga untuk meningkatkan kesedaran

masyarakat tentang nilai seni dan muzik tradisional. Dengan adanya festival dan pertandingan melalui pihak berkepentingan seperti Yayasan Warisan Johor, ia memberikan platform kepada para penari dan pemuzik untuk menunjukkan bakat mereka sekaligus menarik perhatian generasi muda untuk terlibat dalam seni zapin.

Seiring dengan perkembangan zaman, tarian zapin telah mengalami pelbagai transformasi. Perubahan ini melibatkan penyesuaian dalam gerakan, muzik, dan kostum, yang bertujuan untuk menarik minat generasi muda. Salah satu perubahan yang ketara adalah kemasukan penari wanita dalam persembahan tarian zapin, yang menimbulkan persoalan mengenai sebab di sebalik penglibatan mereka. Pandangan ini turut disokong oleh Informan 1, yang memberikan penjelasan mengenai perubahan Tarian Zapin selaras dengan arus peredaran zaman dalam sesi temu bual:

jadi zapin tu pada asalnya memang untuk lelaki sebab nak menjaga salah satunya agama tu cuma pada masa kini mengikut peredaran zaman... Dan benda tu pun dah dijadikan sebagai satu hiburan untuk masyarakat, jadi penari wanita ni Diwujudkan bagi menambahkan Seri. Menambahkan seri dalam tarian zapin tu, sebab orang kata kalau lelaki semua tak manislah kita ambil satu contoh masa zaman kesultanan Melayu Melaka masa dalam Istana apa semuanya, kalau dalam Istana tu kan kita tengok. Akan ada kalau kita tengok cerita P Ramlee dah sekalipun penari penari dia semua perempuan Kan? kenapa perempuan?, sebab ya lah untuk cari jalan bagaimana kita nak lebihkan seri kita, takkanlah Sultan tu nak lelaki kan manalah dia minat kan.. (Informan 1, Temu Bual, 25 September 2024).

Kenyataan ini juga disokong oleh informan 2 mengenai perubahan Tarian Zapin di Batu Pahat, Johor. Hal ini menjelaskan dari segi bagaimana masuknya penari perempuan dalam seni persembahan melalui sesi temu bual bersama informan 2:

Mengikut sejarah. Golongan ataupun kaum wanita mula bermain zapin ataupun bermain zapin pada tahun 1960 dan ke atas kerana pengaruh ronggeng dan cakap pasal orang satu hal pula ronggeng ni maksudnya kerana tidak wujudnya kelab-kelab malam Yang dibawa oleh penjajah British, maka kaum Melayu ini lebih terbuka dari sudut penerimaan terhadap budaya untuk hidup animisme budaya benda modernisme. (Informan 2, Temu Bual, 31 Oktober 2024).

Kehadiran kelab malam yang diperkenalkan oleh penjajah British telah mendorong masyarakat Melayu untuk lebih terbuka dalam menerima pelbagai bentuk warisan budaya, termasuk elemen-elemen moden. Perubahan sosial dan budaya yang berlaku pada waktu itu telah memberikan peluang kepada wanita untuk terlibat dan memeriahkan tarian zapin, sekaligus memperkaya tradisi seni tari ini.

Identiti Tarian Zapin Melayu sangat kukuh, mencerminkan nilai-nilai dan budaya masyarakat Melayu. Tarian ini bukan sekadar satu bentuk hiburan, tetapi juga berfungsi sebagai medium untuk menyampaikan cerita dan tradisi masyarakat. Identiti ini menjadi asas penting dalam penghayatan dan pelestarian tarian zapin di kalangan generasi akan datang. Pernyataan ini disokong oleh Informan 1 yang menjelaskan terdapat pelbagai identiti dalam Tarian Zapin ini:

Dia contoh Tarian Zapin macam Wak Limun tu nama pengasas dia. Nama lain zapin tu kita panggil Selat Panjang. Kenapa Selat Panjang jadi ceritanya pasal dekat Selat Panjang tu tapi kita nak mudahkan kita panggil wak Limun, zapin Wak Limun tu nama pengasasnya. (Informan 1, Temu Bual, 25 September 2024).

Informan 1 menerangkan bahawa penamaan tarian zapin sempena nama pengasasnya memberikan identiti yang kukuh kepada tarian ini,

menjadikannya sebagai simbol warisan dalam seni persembahan. Penggunaan nama pengasas tersebut bertujuan untuk memudahkan masyarakat memahami dan mengaitkan seni persembahan ini dengan konteks budaya yang membentuk persepsi mereka terhadap Tarian Zapin.

Dalam mengukuhkan identiti budaya seni persembahan tarian zapin, peradaban antara masyarakat Melayu dan Arab sangat memberikan impak di mana, dengan adanya seni persembahan zapin ini, warisan dan keaslian seni tari dapat dikekalkan hingga generasi akan datang. Ini turut disokong oleh informan 2 yang mengatakan:

...Zapin Arab dan juga rizab Melayu yang mana zapin Melayu ini? Dasarnya adalah zapin Arab tersebut cuma menjadi zapin Melayu apabila kita sesuaikan diasimilasikan dengan kita katakan. Peradaban Melayu pada pada masa itu dari sudut lagunya sendiri, katanya. Dan apa pastinya dari sudut langkah ataupun gerak samping tersebut? Cuma sebelum kita kembangkan kepada peringkat seterusnya, saya rasa pasti macam saudara Akmal kita di Malaysia banyak di momokkan ataupun di kita kata apa... (Informan 2, Temu Bual, 31 Oktober 2024).

Dalam temu bual tersebut, Informan 2 menjelaskan bahawa Tarian Zapin mempunyai akar dari tradisi Arab, tetapi telah melalui proses asimilasi yang menjadikannya sebagai Zapin Melayu. Proses ini melibatkan penyesuaian elemen budaya Melayu, termasuk dalam aspek muzik dan gerakan, yang mencerminkan identiti masyarakat Melayu. Informan 2 juga menyentuh tentang persepsi masyarakat di Malaysia yang mungkin terpengaruh oleh pelbagai pandangan mengenai Tarian Zapin, menunjukkan bahawa pemahaman terhadap seni tari ini dipengaruhi oleh faktor budaya dan sosial.

Tarian Zapin memperlihatkan kepelbagaian yang menarik di seluruh negeri di Malaysia. Selain Johor, terdapat banyak negeri lain yang juga

memiliki versi Tarian Zapin yang unik. Kepelbagaian ini bukan sahaja mencerminkan evolusi dalam seni tari, tetapi juga menunjukkan perbezaan dalam gerakan, muzik, dan kostum. Dengan demikian, Tarian Zapin menjadi satu bentuk ekspresi yang kaya serta menggambarkan identiti dan warisan budaya masyarakat di setiap negeri. Pandangan ini turut disokong oleh Informan 1 dalam sesi temu bual mengenai kepelbagaian Tarian Zapin di pelbagai negeri:

...tapi suka juga untuk sekatakan kita juga ada zapin di negeri Kedah kita juga ada. Ini tinggi Perak, Selangor, Pahang, Terengganu juga Kelantan dan kita tidak ada tak boleh lupakan sampai sampai Borneo kita di Sabah, Sarawak juga di Brunei, Singapura dan juga Indonesia. Kalau di Johor khususnya kalau di daerah kelahiran Mersing kita ada. 3 zapin, zapin tangga versi mausu zapin zapin tenglu versi paf dan zapin Pulau (Informan 1, Temu Bual, 25 September 2024).

Berdasarkan hasil temu bual yang dilakukan dengan Informan 1, kajian ini mengungkapkan bahawa terdapat pelbagai jenis Tarian Zapin yang dapat ditemui di pelbagai negeri di Malaysia. Setiap negeri tidak hanya menampilkan gaya dan teknik yang berbeza tetapi juga mempersembahkan kepelbagaian yang unik dalam aspek muzik, gerakan dan kostum. Hal ini menunjukkan bahawa Tarian Zapin bukan sekadar satu bentuk seni tari malah turut mencerminkan identiti budaya dan warisan masyarakat setempat. Dengan adanya kepelbagaian ini, Tarian Zapin dapat dilihat sebagai satu bentuk ekspresi yang kaya serta menghubungkan masyarakat dengan sejarah dan tradisi mereka.

Kesimpulannya, tema ini membahaskan mengenai sejarah dan asal usul Tarian Zapin, ciri-ciri Zapin tradisional, pengiktirafan oleh Yayasan Warisan Johor, perubahan dalam Tarian Zapin mengikuti zaman, identiti Tarian Zapin Melayu dan kepelbagaian Tarian Zapin di pelbagai negeri.

4.3 Tarian

a) Elemen Dalam Tarian Zapin



Rajah 4.1: Langkah Gerakan Dalam Tarian Zapin

Sumber: Kajian Lapangan (2024)

Berdasarkan rajah 4.1 terdapat beberapa elemen asas yang perlu diperhatikan dalam seni Tarian Zapin, khususnya dari segi kiraan. Kiraan ini memainkan peranan yang sangat penting dalam menentukan tempo dan ritma gerakan. Penari diwajibkan untuk mengikuti kiraan yang telah ditetapkan bagi memastikan keselarasan yang sempurna antara muzik dan gerakan. Dalam sesi temu bual, Informan 1 turut menjelaskan tentang aspek kiraan dalam Tarian Zapin, dengan menyatakan bahawa:

Awak kena menggerakkan kaki dulu. Tak kisahlah zapin tu... dalam zapin biasanya kiraan adalah satu hingga lapan. "1" "8" "1" "8" cuma macam zapin Pat lipat dia ada "1" "8", "1" "4" baru dia habis satu ragam. Baru habis satu langkah macam zapin. Putar Alam ada asas sahaja. Langkah satu ada 4 kali maksudnya kena kira 4 kali sebanyak 4 kali sampai 8 itu sebanyak 4 kali lah. Maksudnya asas secara basicnya memang kaki kaki yang penting. (Informan 1, Temu Bual, 25 September 2024).

Informan 1 menjelaskan bahawa langkah pertama dalam tarian ini perlu diulang sebanyak empat kali sebelum mencapai kiraan lapan yang menekankan pentingnya pengulangan dalam membentuk asas gerakan. Dengan kata lain, pemahaman yang mendalam tentang kiraan dan pergerakan kaki adalah kunci untuk mencapai keselarasan yang baik antara muzik dan tarian. Penjelasan ini memberikan gambaran yang jelas tentang bagaimana elemen kiraan berfungsi dalam Tarian Zapin dan menegaskan bahawa penguasaan asas ini adalah penting untuk penari dalam menghasilkan persembahan yang berkualiti.

Dalam konteks seni persembahan Tarian Zapin, alat muzik memainkan peranan yang sangat penting. Jamil (2015) menyatakan penggunaan alat muzik tradisional membantu mempertahankan identiti budaya masyarakat Melayu dan menjadi warisan hidup yang menghubungkan generasi lama dengan generasi baru serta menyambung hubungan masa lalu dengan sekarang. Instrumen seperti mawas dan duk bukan sahaja memberikan irama yang menghidupkan suasana, tetapi juga menyokong gerakan penari dengan cara yang harmoni. Muzik yang dimainkan berfungsi untuk membantu penari mengekalkan tempo yang tepat, sekaligus menambah keindahan dan daya tarikan keseluruhan persembahan. Informan 2 mengatakan semasa sesi temu bual berkaitan alat muzik : “ *Alat muzik marwas dan duk. Jadi marwas kami tiada orang kata kiraan yang tersendiri di mana "Tok" tu akan berbunyi pada kiraan 4 dan 8. Jadi asas kepada zapin adalah kaki kita perlulah jatuh pada kiraan hidup. Maksudnya, 1 2 3 "Tom" 6 7 "Tom". Tom tu bunyi hidup. Jadi untuk permainan tu dia kena jatuh kepada duk*”. (Informan 2, Temu Bual, 31 Oktober 2024).

Kenyataan ini turut disokong oleh Informan 3 yang menekankan bahawa alat muzik memainkan peranan yang sangat penting dalam setiap pergerakan semasa persembahan Tarian Zapin. Namun, pandangan Informan 3 lebih memfokuskan kepada cara penggunaan alat muzik pada era moden ini. Hal ini dapat dilihat melalui sesi temu bual bersama informan mengenai peranan alat muzik dalam seni Tarian Zapin:

Jadi, hampir sekarang, untuk memudahkan kebanyakannya, kita sudah merakam awal. Kita masuk ke dalam studio rakaman, kita rakam, kita persembahkan, kita guna sendiri, ataupun guna semula sahaja. Cuma perlu berhati-hati dari segi keaslian. Bagi mereka yang tidak biasa atau kurang ilmu tentang Zapin Johor yang sebenarnya asli, mereka mungkin tidak dapat membezakan sama ada ini muzik asli tradisional atau muzik yang sedap dengan elemen-elemen moden. Maksudnya, lebih moden, ada alat muzik tambahan seperti gitar dan alat muzik elektrik. Kita bandingkan. (Informan 3, Temu Bual, 5 November 2024).

Penerangan ini merujuk kepada pandangan Informan 3 yang menekankan betapa pentingnya alat muzik dalam seni Tarian Zapin. Hal ini menunjukkan bahawa alat muzik moden kini sering digunakan dalam persembahan Tarian Zapin, berbeza dengan alat muzik tradisional yang digunakan pada masa lalu.

Pembukaan tarian yang dikenali sebagai taksim, merupakan elemen yang sangat penting dalam struktur Tarian Zapin. Taksim biasanya melibatkan improvisasi muzik yang memberikan penari peluang untuk menonjolkan kemahiran mereka sebelum memasuki bahagian tarian yang lebih teratur. Penjelasan mengenai taksim ini telah dibincangkan dalam sesi temu bual bersama Informan 3:

Jadi mungkin asas yang kita boleh cakap adalah melalui struktur dia iaitu pembukaan tarian zapin tersendiri Kan iaitu Taksim. jadi Taksim tu dia ibarat dia ibarat yang bila kita masuk ke rumah kita beri salam dan tunduk hormat kepada orang tua. Bila kita ada orang tua membuatkan saya tengok benda tu menarik sebab. Kalau kita nak bercakap dari segi ragam zapin itu sendiri dia. Dia berbeza lah dia agak berbeza. Contoh dia zapin parit Musytar ni berbeza dengan zapin. apa..

Putar Alam contoh dia kan.. tetapi struktur dia tetap sama dia kesemua jenis tapi akan ada Taksim dia akan ada warna semua tu. (Informan 3, Temu Bual, 5 November 2024).



Rajah 4.2: Kostum Pemakaian Penari lelaki Dan Perempuan Dalam Tarian Zapin

Sumber: Kajian Lapangan (2024)

Rajah 4.2 menunjukkan kostum pemakaian penari zapin. Pemakaian penari Zapin memainkan peranan yang signifikan dalam seni persembahan Tarian Zapin di Batu Pahat, Johor. Bagi penari lelaki, pakaian yang dikenakan biasanya adalah baju Melayu teluk belanga, yang mencerminkan identiti budaya negeri Johor. Menurut Informan 1, terdapat beberapa elemen penting dalam reka bentuk pemakaian penari Zapin yang perlu diperhatikan:

Asas asas dalam baju busana sampin. Dia ada 2 je pertama. Lelaki atau perempuan Tak kisah lelaki atau perempuan bajunya kena baju Teluk belanga. Teluk belanga Yang kedua

cekap sejari bukan cakap memang tahu cekap sejari. Ini adalah baju tetap terjalin. Ini adalah cekak Musang. Awak nampaknya ter cekak Musang Kan? Okey apa beza adalah Johor punya standard dia kena kecil. Satu inci je dia punya dia punya tempat nak buat lebar kelebaran dia atas bawah. Tengok. Ha macam baju Melayu biasa Dan kalau baju Melayu biasa sebenarnya dia lagi besar Yang dekat pasar raya pasar raya dekat dia lagi besar. (Informan 1, Temu Bual, 25 September 2024).

Reka bentuk kostum bagi penari lelaki dalam persembahan Tarian Zapin menekankan penggunaan baju Melayu yang tradisional, sering kali dipadankan dengan zapin. Kostum ini bukan sahaja mencerminkan identiti budaya, tetapi juga memberikan keselesaan dan kebebasan bergerak kepada penari. Penjelasan ini turut disokong oleh Informan 3, yang memberikan pandangan mendalam mengenai aspek-aspek penting dalam pemilihan kostum untuk penari lelaki dalam seni persembahan Tarian Zapin. Melalui sesi temu bual dengan Informan 3, beberapa elemen utama telah diketengahkan:

Okey bagi spesifik saya khususkan untuk. Lelaki kita pakai baju Melayu Johor untuk perempuan kan kita pakai baju kurung Johor cuma kena betul betul kita perhatikan sekarang kita hati-hati tentang jenis potongan baju. Okey kalau zapin Johor lelaki. Harus pakai penarinya dia Teluk belanga dan bukan cekak musang. Kita panggil dia sejari sejarah lah kiraanya, dia macam Cekap Musang tapi kecil sikit dia punya potongan nama pun sejari sebab dia seolah olah satu jari sahaja. (Informan 3, Temu Bual, 5 November 2024).

Bagi penari perempuan dalam seni persembahan Tarian Zapin, baju kurung menjadi pilihan utama sebagai pakaian rasmi. Bagi mereka yang tidak mengenakan hijab, penggunaan sanggul di kepala menjadi satu bentuk perhiasan yang penting. Kenyataan ini diperkuat oleh Informan 2, yang memberikan penjelasan lebih lanjut mengenai aspek kostum penari Zapin

dalam sesi temu bual:

baju kurung Johor lah sangat muda, begitu juga untuk wanita Teluk belanga mahupun sejari dan mestilah ada pesak. Maksudnya kesan gantung dari segi jahitan leher mestilah boleh tinggi serta tidak memakai mesin...Untuk perempuan pula. Kalau tidak bertudung dia ada jenis jenis sanggul dan cucuk sanggul yang harus dipakai mudah sahaja... (Informan 2, Temu Bual, 31 Oktober 2024).

Informan 2 turut menekankan bagi penari yang tidak mengenakan tudung, terdapat pelbagai jenis sanggul dan aksesori yang perlu dipakai. Hal ini menunjukkan bahawa pemakaian sanggul ketika mengenakan baju kurung bukan sekadar berfungsi sebagai hiasan, tetapi juga merupakan elemen penting dalam mengekalkan keaslian dan keindahan persembahan.

Kesimpulannya, tema ini membahaskan tentang Tarian Zapin menerusi elemen asas Tarian Zapin dalam pergerakan kaki, asas Tarian Zapin melalui kiraan dalam tarian, alat muzik seperti Mawas dan Duk, struktur tarian seperti pembukaan tarian (Taksim) dan kostum pemakaian tradisional terhadap penari Tarian Zapin.

b) Keterbukaan Dalam Tarian

Tarian Zapin yang merupakan salah satu bentuk seni persembahan dengan nilai-nilai yang kaya dengan budaya dalam menunjukkan pelbagai aspek keterbukaan yang signifikan. Keterbukaan ini tidak hanya mencerminkan keindahan gerakan tarian tetapi juga menggambarkan interaksi sosial dan pertukaran budaya yang berlaku dalam masyarakat.

Tarian Zapin mengandungi elemen-elemen dari pelbagai budaya, termasuk pengaruh Arab dan Melayu. Keterbukaan budaya ini membolehkan penari dan penonton untuk menghargai serta memahami pelbagai latar belakang yang membentuk tarian ini. Melalui penggabungan elemen-elemen

budaya yang berbeza, Zapin berfungsi sebagai medium untuk merayakan kepelbagaian dan perpaduan dalam masyarakat. Selain itu, cara mereka bermain Tarian Zapin merupakan salah satu keterbukaan budaya dari pedagang Arab itu sendiri. Kenyataan ini disokong oleh Informan 1 dalam sesi temu bual: *“Dulu istilah dia bukan menari tapi bermain. Diorang memang tak ada orang kata aturan yang tetap untuk bermain zapin tu, awak buat langkah macam mana sekalipun tapi dia tetap akan diterima.”* (Informan 1, Temu Bual, 25 September 2024).

Ini menjelaskan bahawa Tarian Zapin telah melalui proses perubahan dari bentuk yang lebih bebas kepada bentuk yang lebih tersusun dan formal. Tarian ini mungkin telah mengalami perubahan dalam cara ia dipersembahkan dan difahami oleh masyarakat. Namun, akar dan nilai asalnya yang menekankan keseronokan dan kebersamaan agar tetap relevan dan baik.

Perubahan dalam gerakan Tarian Zapin adalah satu aspek keterbukaan kreativiti yang penting dalam seni persembahan. Penari sering kali mengadaptasi dan mencipta gerakan baru yang mencerminkan perkembangan zaman dan citarasa penonton. Keterbukaan ini membolehkan Tarian Zapin untuk terus relevan dan menarik sambil tetap menghormati akar tradisi seni persembahan Tarian Zapin. Kenyataan ini disokong oleh Informan 3 semasa sesi temu bual :

Tarian Zapin bukan hanya tentang penari di atas pentas. Penonton juga memainkan peranan penting. Kami menggalakkan penonton untuk terlibat, sama ada dengan tepukan atau sorakan. Keterlibatan mereka mencipta suasana yang lebih meriah dan membuatkan persembahan itu lebih hidup.”(Informan 3, Temu Bual, 5 November 2024).

Ini menunjukkan bahawa penari Zapin tidak terikat kepada satu set gerakan yang tetap, tetapi lebih kepada proses adaptasi dan inovasi. Dengan menggabungkan elemen-elemen baru ke dalam gerakan tarian, penari dapat mencipta pengalaman yang segar dan menarik. Tarian zapin tidak hanya

melibatkan penari tetapi juga penonton dalam seni persembahan ini. Keterlibatan penonton dalam persembahan sama ada melalui tepukan, sorakan atau interaksi langsung dapat mencipta suasana yang bagus dan meriah. Keterbukaan dalam persembahan menjadikan seni Tarian Zapin lebih hidup dan memberi ruang kepada penonton untuk merasai pengalaman yang lebih mendalam. Ini dapat dibuktikan dengan sokongan daripada informan 3 dalam sesi temu bual:

Tarian Zapin bukan hanya tentang penari di atas pentas. Penonton juga memainkan peranan penting. Kami menggalakkan penonton untuk terlibat, sama ada dengan tepukan atau sorakan. Keterlibatan mereka mencipta suasana yang lebih meriah dan membuatkan persembahan itu lebih hidup. (Informan 3, Temu Bual, 5 November 2024).

Keterlibatan penonton dalam persembahan sama ada melalui tepukan atau sorakan menciptakan suasana yang seni persembahan itu sendiri. Hafzan (2024) menyatakan konsep ‘main’ dalam tarian zapin memainkan peranan penting dalam meningkatkan interaksi sosial antara penari dan penonton. Hal ini menunjukkan bahawa Tarian Zapin bukan sekadar satu bentuk hiburan, tetapi juga sebuah interaksi sosial yang melibatkan penonton secara aktif dan menjadikan pengalaman tersebut lebih mendalam serta berkesan dalam seni persembahan ini.

Pembelajaran dalam seni persembahan seperti Tarian Zapin menunjukkan satu proses yang membawa kepada pemahaman kepada masyarakat mengenai tarian ini. Penari sering kali bertukar ilmu dan teknik antara satu sama lain serta guru-guru yang berpengalaman sentiasa berkongsi ilmu mereka sebagai satu modul meningkatkan pemahaman penari mengenai Tarian Zapin ini. Proses ini bukan sahaja memperkaya kemahiran penari tetapi juga memastikan bahawa teknik dan tradusu ini terus dipelihara dan diwarisi oleh generasi akan datang. Hal ini dapat dibuktikan melalui temu bual bersama informan 1:

Kami sering bertukar ilmu dan teknik antara satu sama lain. Proses pembelajaran ini sangat penting kerana ia bukan sahaja memperkaya kemahiran kami, tetapi juga memastikan bahawa tradisi dan teknik tarian Zapin ini terus dipelihara. Kami belajar dari guru-guru yang berpengalaman dan juga dari rakan-rakan penari. (Informan 1, Temu Bual, 25 September 2024).

Dengan adanya pertukaran ilmu antara penari dan guru-guru berpengalaman, Tarian Zapin dapat terus berkembang sambil mengekalkan keaslian dan nilai-nilai budaya yang ada. Secara keseluruhannya, tema ini membahaskan mengenai keterbukaan budaya, keterbukaan kreativiti, keterbukaan dalam persembahan dan keterbukaan dalam pembelajaran seni persembahan Tarian Zapin di Batu Pahat, Johor.

4.4 Fungsi Tarian Zapin

Tarian Zapin adalah satu cara untuk memelihara warisan budaya di Malaysia. Dengan mengekalkan tradisi dan teknik tarian ini, generasi muda dapat memahami dan menghargai nilai-nilai budaya yang telah diturunkan sejak dahulu lagi. Wan Alam (2025) mengemukakan bahawa tarian zapin digunakan sebagai media dakwah Islamiyah melalui syair dan lagu yang didendangkan. Menurut informan 1 melalui sesi temu bual juga ada mengatakan mengenai fungsi sosial dalam Tarian Zapin ini:

Saya percaya bahawa tarian Zapin memainkan peranan penting sebagai medium untuk mengeratkan hubungan antara anggota masyarakat. Melalui persembahan dan latihan yang dilakukan bersama, individu dari pelbagai latar belakang dapat berinteraksi dan membina hubungan yang lebih erat. Ini secara tidak langsung membantu dalam membentuk komuniti yang harmoni dan saling memahami. (Informan 1, Temu Bual, 25 September 2024).

Informan 1 menekankan bahawa Tarian Zapin bukan sekadar bentuk hiburan, tetapi juga berfungsi sebagai alat untuk mengeratkan hubungan antara anggota masyarakat. Ini menunjukkan bahawa seni persembahan ini mempunyai dimensi sosial yang penting. Hal ini dapat menyatukan individu dari pelbagai latar belakang dalam seni persembahan Tarian Zapin ini. Pernyataan ini turut disokong oleh Informan 4 dalam sesi temu bual iaitu :

Melalui latihan dan persembahan Zapin, kami dapat berkumpul dan berinteraksi. Ini bukan sahaja mengeratkan hubungan antara kami, tetapi juga membina rasa kekitaan dalam komuniti. Tarian ini menjadi platform untuk kami berkongsi cerita dan pengalaman. (Informan 4, Temu Bual, 9 November 2024).

Dalam temu bual ini, Informan 4 menekankan pentingnya latihan dan persembahan zapin sebagai medium untuk membina interaksi sosial dan komuniti. Melalui aktiviti ini, individu bukan sahaja berkumpul tetapi juga mengeratkan hubungan antara satu sama lain.

Tarian Zapin juga berfungsi sebagai alat pendidikan yang berkesan. Melalui tarian ini, generasi muda diajar tentang seni persembahan, disiplin dan kerjasama. Pendidikan melalui seni bukan sahaja membentuk kemahiran fizikal tetapi juga membangunkan kreativiti dan keyakinan diri. Pernyataan ini turut disokong oleh Informan 1 dalam menjelaskan fungsi Tarian Zapin dalam pendidikan :

Saya percaya bahawa tarian Zapin berfungsi sebagai alat pendidikan yang sangat berkesan. Melalui tarian ini, generasi muda diajar bukan sahaja tentang seni persembahan, tetapi juga nilai-nilai disiplin dan kerjasama. Pendidikan yang diperoleh melalui seni ini tidak hanya membentuk kemahiran fizikal mereka, tetapi juga membantu dalam membangunkan kreativiti dan keyakinan diri. (Informan 1, Temu Bual, 25

Pernyataan ini menegaskan bahawa konteks Tarian Zapin tidak hanya terjadi pada aspek latihan, tetapi juga melibatkan disiplin yang tinggi semasa persembahan. Tarian Zapin berfungsi sebagai alat pendidikan yang berharga bagi generasi akan datang serta membantu mereka untuk memahami dan menghargai warisan seni persembahan ini.

Dalam mengekalkan seni persembahan Tarian Zapin, hiburan juga diperlukan bagi menarik masyarakat untuk menonton seni tari ini. Persembahan yang menarik dan penuh dengan warna warni dapat menarik perhatian penonton dan memberikan mereka pengalaman yang menggembirakan. Ini menjadikan Tarian Zapin sebagai pilihan popular dalam acara sosial dan kebudayaan. Hal ini turut disokong oleh informan 3 dalam sesi temu bual:

Setiap kali kami mengadakan persembahan, kami dapat melihat senyuman di wajah penonton. Tarian Zapin memberikan hiburan yang tidak hanya menghiburkan tetapi juga mendidik. Ia adalah cara yang baik untuk menarik perhatian orang ramai kepada budaya kita. (Informan 3, Temu Bual, 5 November 2024).

Daripada hasil temu bual ini, Informan 3 menekankan bahawa Tarian Zapin bukan sekadar bentuk hiburan tetapi juga berfungsi sebagai alat pendidikan yang efektif. Melalui persembahan, penari dapat melihat reaksi positif dari penonton seperti senyuman yang menunjukkan mereka terhibur melihat pertunjukan Tarian Zapin ini. Namun, lebih daripada itu, Tarian Zapin juga berperanan dalam mendidik penonton tentang budaya dan tradisi yang terkandung di dalamnya bagi memastikan seni persembahan ini bukan sekadar hiburan tetapi turut mendidik dan menyebarkan kesedaran tentang nilai budaya yang penting kepada masyarakat.

Dalam konteks tertentu, Tarian Zapin juga mempunyai fungsi ritual. Ia sering kali dipersembahkan dalam majlis-majlis tertentu sebagai cara untuk menyampaikan doa dan harapan kepada tuhan. Melalui gerakan dan muzik, penari dan penonton bersama-sama mencipta suasana yang khusyuk dan penuh makna. Hal ini diperjelaskan lagi dalam temu bual bersama informan 1 mengenai fungsi ritual dalam Tarian Zapin ini:

Dalam beberapa majlis, kami menggunakan tarian Zapin sebagai cara untuk menyampaikan doa dan harapan. Melalui gerakan dan muzik, kami merasakan satu ikatan spiritual yang mendalam, dan ini menjadikan persembahan kami lebih bermakna. (Informan 1, Temu Bual, 25 September 2024).

Tarian Zapin berfungsi sebagai cara untuk menyampaikan doa dan harapan dalam majlis tertentu selain menciptakan pengalaman yang mendalam bagi penari dan penonton. Melalui gerakan dan muzik, tarian ini membentuk ikatan spiritual yang kuat dan menjadikannya lebih luas daripada sekadar hiburan. Aspek spiritual ini mengubah dimensi pada seni persembahan, menghubungkan individu dengan nilai-nilai rohani dan memelihara warisan budaya serta menjadikannya pengalaman yang berharga dan bermakna.

Secara keseluruhannya, tema ini membincangkan beberapa aspek dalam Tarian Zapin seperti fungsi sosial, fungsi kebudayaan, fungsi pendidikan, fungsi hiburan dan fungsi ritual dalam seni persembahan Tarian Zapin ini.

4.5 Identiti Budaya Tempatan Dalam Seni Persembahan

Identiti budaya dalam seni persembahan memainkan peranan penting dalam mencerminkan nilai-nilai dan tradisi masyarakat. Elemen tradisional yang digunakan dalam persembahan mencerminkan warisan budaya yang telah diwarisi dari generasi ke generasi. Ini termasuk teknik, gerakan, lagu dan kostum yang menjadi identiti unik bagi seni persembahan Tarian Zapin ini.

Dalam temu bual bersama Informan 1 ada mengatakan lagu sebagai elemen tradisi dan warisan yang digunakan dalam seni persembahan :

...contohnya lagu lagu zapin ini lagu lagu Lama Yang macam Dan lancang kuning. Nak buka dekat majlis besar audiens pun dia akan bosan dia tak sesuai. Jadi kita terpaksa bawa lagu lagu contoh macam lagu lagu Siti Nurhaliza lagu lagu noraniza Idris, lagu lagu Siti Nurhaliza, Nur aniza Idris ni dah masuk lagu lagu kategori kreasi dan kontemporari tradisional zapin tradisional ni.... (Informan 1, Temu Bual, 25 September 2024).

Dalam pernyataan ini, lagu dikatakan sebagai elemen penting dalam Tarian Zapin serta diakui perlunya penyesuaian dengan zaman moden. Namun, untuk menarik perhatian penonton dalam majlis besar, penggunaan lagu-lagu moden dari penyanyi seperti Siti Nurhaliza dan penyanyi lain telah dicadangkan. Ini mencerminkan usaha untuk menggabungkan tradisi dengan inovasi dan menjadikan Tarian Zapin lebih relevan dan menarik bagi generasi muda.

Simbolisme dan makna dalam cerita dan muzik yang dipersembahkan memberikan kedalaman kepada pengalaman seni. Setiap elemen dalam persembahan sering kali mempunyai makna tersendiri yang membantu penonton memahami dan menghargai nilai-nilai yang terkandung di dalamnya. Informan 1 ada mengatakan ketika sesi temu bual, setiap nama dalam seni Tarian Zapin ada maksud tersendiri: *“...Contoh macam zapin Tanjung labuh kenapa zapin Tanjung labuh tu kalau awak tahu dia kena ke kanan ke kiri ke kanan ke kiri? sebab dia menceritakan liku liku sungai...”* (Informan 1, Temu Bual, 25 September 2024).

Hal ini membuktikan setiap apa yang terdapat dalam Tarian Zapin seperti nama-nama zapin mempunyai simbol dan makna tersendiri yang membawa kepada ikatan spiritual yang mendalam dan ini menjadikan persembahan lebih bermakna.

Simbol budaya dapat dilihat melalui pakaian dan aksesori yang digunakan oleh penari. Setiap elemen ini bukan sahaja berfungsi sebagai hiasan, tetapi juga membawa makna simbolik yang mencerminkan identiti dan warisan budaya masyarakat. Hal ini dijelaskan lagi oleh Informan 1 yang mengatakan pakaian membawa kepada simbol dan makna dalam Tarian Zapin:

...Sementara penari perempuan harus memakai kain dagang dalam Tarian Zapin dan di luar dia harus pegang kerana apa? Memberi satu falsafah memberi peranan bahawa kehilangan itu adalah nak menutup auratnya walaupun kita abaikan kepala.... (Informan 1, Temu Bual, 25 September 2024).

Temu bual ini menekankan peranan penting pakaian dalam Tarian Zapin, khususnya kain dagang yang dikenakan oleh penari perempuan. Kain dagang bukan hanya berfungsi sebagai elemen fesyen, tetapi juga membawa makna simbolik yang mendalam berkaitan dengan kesopanan dan penutupan aurat.

Simbol emosi dalam tarian ini menggambarkan perasaan penari dan penonton. Melalui gerakan dan ekspresi wajah, penari dapat menyampaikan pelbagai emosi seperti kegembiraan, kesedihan atau kerinduan yang membolehkan penonton merasai pengalaman yang lebih mendalam. Hal ini disokong oleh Informan 3 dalam sesi temu bual:

Melalui gerakan tarian, miss dapat menggambarkan penari akan menunjukkan pelbagai perasaan antara penari dan penonton, jadi mereka dapat merasi emosi yang telah disampaikan sama ada gembira, sedih ketika memainkan watak mereka. (Informan 3, Temu Bual, 5 November 2024).

Dengan cara ini, Tarian Zapin tidak hanya menjadi satu bentuk hiburan tetapi juga sebuah pengalaman yang mendalam dan menghubungkan penari dan penonton melalui emosi yang dikongsi. Ini menunjukkan bahawa seni persembahan mempunyai kuasa untuk menyentuh hati dan jiwa serta

menjadikan Tarian Zapin sebagai alat yang efektif untuk menyampaikan perasaan dan membangkitkan empati dalam kalangan penonton.

Selain itu, simbol sosial dalam tarian ini mencerminkan imej sosial masyarakat. Tarian Zapin sering kali menggambarkan interaksi antara individu dalam masyarakat dan menunjukkan nilai-nilai seperti kerjasama, persahabatan dan perpaduan. Pernyataan ini disokong oleh Informan 2 dalam sesi temu bual : “ ...Tentu! Tarian ini memang sangat mencerminkan imej sosial kami. Ia menggambarkan interaksi antara individu dan menekankan nilai-nilai seperti kerjasama dan perpaduan dalam masyarakat...”. Hal ini turut disokong oleh Informan 3 dan Informan 4 yang mengatakan simbol sosial dalam tarian juga berfungsi untuk menyatukan masyarakat serta menggambarkan hubungan yang erat antara penari dan penonton.

Persepsi masyarakat terhadap seni budaya tempatan adalah faktor penting dalam memastikan kelangsungan dan sokongan seni Tarian Zapin ini. Apabila masyarakat menghargai dan menyokong seni budaya mereka, ia akan terus berkembang dan dipelihara. Menurut informan 1 ketika temu bual sedang berlangsung, untuk mengubah persepsi masyarakat terhadap Tarian Zapin ini merupakan satu cabaran yang perlu dihadapi dalam mengekalkan warisan seni persembahan ini:

Memang masyarakat masyarakat kita akan pandang serong lagilah kalau penari tu ber..apa em free hair. Kalau mereka free hair lagilah akan dapat lebih banyak orang kata kecaman orang akan cakap macam apa ini menari jual maruah. Sebab penari saya sendiri pernah kena dekat sekolah akan cikgu cakap penari jual maruah diri dengan buka tudung baju macam ni baju macam tu. (Informan 1, Temu Bual, 25 September 2024).

Untuk memastikan Tarian Zapin terus diterima oleh masyarakat, penari dan koreografer harus menghadapi cabaran dalam bentuk cemuhan dan kritikan. Mengatasi halangan ini adalah penting agar seni persembahan ini

dapat diterima oleh pelbagai lapisan masyarakat dan berkembang ke peringkat yang lebih tinggi. Dengan cara ini, Tarian Zapin tidak hanya akan terus relevan, tetapi juga dapat memperluas pengaruhnya dalam dunia seni.

Kreativiti dan inovasi dalam seni persembahan memainkan peranan penting dalam menggabungkan elemen moden dengan tradisional. Pendekatan ini tidak hanya menjadikan seni lebih sesuai dengan perkembangan zaman, tetapi juga mampu menarik perhatian generasi muda untuk terlibat dan menghargai warisan budaya mereka. Melalui usaha ini, identiti dalam seni persembahan dapat terus diperkukuhkan dan dipelihara untuk generasi akan datang. Ini turut disokong oleh informan 2 mengenai kreativiti dan inovasi Tarian Zapin ketika temu bual sedang berlangsung :

...saya dengan senang hati akan menjelaskan. Tarian Zapin berfungsi sebagai alat pendidikan yang sangat berkesan. Melalui tarian ini, generasi muda diajar bukan hanya tentang seni persembahan, tetapi juga nilai-nilai penting seperti disiplin dan kerjasama...Dalam setiap sesi latihan dan persembahan, penari muda diajar untuk bekerja dalam satu pasukan, menghormati satu sama lain, dan memahami peranan masing-masing. Ini membantu mereka membina kemahiran sosial yang penting dan memupuk rasa tanggungjawab dalam diri mereka... (Informan 2, Temu Bual, 31 Oktober 2024).

Kreativiti tarian zapin dapat dilihat dalam penggabungan elemen moden dengan tradisional dan menjadikannya relevan bagi generasi muda. Dengan cara ini, Tarian Zapin berfungsi sebagai platform untuk mendidik, inovasi dan membentuk individu bagi memberikan impak positif kepada masyarakat.

Secara keseluruhannya, tema ini membahaskan mengenai tradisi dan warisan dari segi elemen tradisional yang digunakan dalam seni persembahan, simbolisme dan makna, pengaruh budaya luar, persepsi masyarakat terhadap

Tarian Zapin serta kreativiti dan inovasi dalam gabungan elemen moden dan tradisional seni persembahan Tarian Zapin ini. Dari sudut simbolisme terdapat beberapa tema yang memfokuskan dari segi simbol budaya, emosi, alam dan sosial.

4.6 Peranan Gender Dalam Tarian Zapin

a) Peranan Lelaki Dalam Tarian Zapin

Peranan gender dalam Tarian Zapin memainkan fungsi yang signifikan, terutama dalam konteks penari lelaki. Asal usul Tarian Zapin menunjukkan bahawa ia pada mulanya ditarikan oleh lelaki dan menjadikannya sebagai satu bentuk seni yang sangat berkait rapat dengan identiti dan tradisi masyarakat. Pernyataan ini disokong juga oleh Informan 1 dalam sesi temu bual mengenai Tarian Zapin ini:

Okey baik saya tak nak cerita peranan dan kita kena berbalik kepada sejarah dulu sebab pada asalnya zapin ini ditarikan oleh lelaki sahaja. Sebab apa macam saya cakap tadi orang yang berdagang kebanyakan semua orang lelaki orang Arab lelaki. Jadi takkanlah perempuan yang bergaul dengan pedagang Arab tadi tu Kan? Jadi mestilah kita lelaki lelaki yang bergaul. Jadi bila bergaul lelaki inilah yang bermain zapin. (Informan 1, Temu Bual, 25 September 2024).

Pernyataan ini juga disokong oleh Informan 2 dan Informan 3, bahawa Tarian Zapin bukan sahaja merupakan satu bentuk seni tetapi juga mencerminkan norma sosial dan budaya pada zaman itu. Dengan kata lain, peranan penari lelaki dalam Tarian Zapin adalah hasil daripada sejarah yang membentuk cara dan konteks di mana tarian ini berkembang.

Penari lelaki sering kali berperanan sebagai penari utama dalam persembahan. Mereka tidak hanya menonjolkan kemahiran teknikal tetapi juga menyampaikan perasaan dan aura yang kuat melalui gerakan mereka. Pergerakan yang gagah dan tegas ini bukan sahaja mencerminkan kekuatan

fizikal malah menambah kedalaman emosi dalam tarian yang menjadikan persembahan lebih menarik dan berkesan. Hal ini disokong juga oleh Informan 3 dalam temu bual mengenai sifat penari lelaki dalam Tarian Zapin :

...contoh dia kalau lelaki dia okey lelaki kalau menarikan tarian berbentuk Melayu tarian Melayu, dia akan bersikap bersifat gagah. Maksudnya pembukaan dia punya tangan besar apa semua tapi perempuan tak dia perlu dia tak sopan sangat sampai nak kepit ataupun dia tak boleh buka sangat maksudnya sederhana dan mempamerkan kesopanan tapi masih ada ayu. Macam tu berbanding dengan lelaki kita memang dah macam orang dulu dulu. memang dah mindset lelaki ini perlu gagah kan dulu gagah nampak segak... (Informan 3, Temu Bual, 5 November 2024).

Sifat gagah penari lelaki dalam Tarian Zapin bukan sahaja berfungsi untuk menonjolkan kekuatan fizikal tetapi juga untuk memenuhi harapan masyarakat terhadap peranan lelaki dalam konteks budaya melayu.

Dakwah dalam seni persembahan dikaitkan juga melalui seni Tarian Zapin dan terutamanya kepada penari lelaki. Melalui gerakan dan lirik yang disampaikan, mereka menyebarkan nilai-nilai dan ajaran yang berkaitan budaya dan agama. Ini menunjukkan bahawa Tarian Zapin bukan sekadar hiburan kepada penonton tetapi ia juga sebagai tempat untuk menyampaikan mesej yang mendalam kepada mereka. Informan 1 ketika sesi temu bual turut mengaitkan peranan penari lelaki sebagai pendakwah dalam Tarian Zapin:

...Peranan lelaki dalam zapin ianya menonjolkan bahawa zapin itu adalah asalnya ialah lelaki itu menunjukkan bahawa kegagahan seorang pendakwah Islam melalui gerak zapin tersebut, maka lelaki menjadi ejen sosial ini dari sudut sosiolog menjadi agen sosial dalam mensosialisasikan tarian itu untuk menunjukkan bahawa zapin ini merupakan yang mendokong asas Islam menceritakan tentang kegagahan kita katakan kaum

lelaki... (Informan 1, Temu Bual, 24 September 2024).

Dengan menjadi agen sosial, penari lelaki membantu memperkukuhkan identiti budaya dan agama dalam masyarakat. Mereka tidak hanya menari untuk persembahan semata-mata, tetapi juga untuk mendidik dan menginspirasi penonton tentang pentingnya nilai-nilai Islam.

Oleh itu, secara keseluruhannya tema ini membahaskan mengenai peranan penari lelaki dalam Tarian Zapin melalui asal usul penari lelaki dalam seni tari, sifat gagah dan tegas penari lelaki dan penari lelaki sebagai medium dakwah ketika melakukan seni persembahan Tarian Zapin kepada penonton.

b) Peranan Penari Perempuan Dalam Seni Persembahan.

Penari perempuan dalam Tarian Zapin telah mengalami perkembangan yang pesat dari segi kehadiran dan fungsi mereka dalam seni persembahan ini. Pada awalnya, Tarian Zapin didominasi oleh penari lelaki, tetapi kehadiran penari perempuan mula diterima dan diiktiraf dalam seni persembahan ini. Hal ini telah dijelaskan lagi melalui sesi temu bual bersama Informan 1 yang sangat mahir mengenai gender dan peranannya dalam Tarian Zapin ini:

...jadi penari wanita ni diwujudkan bagi menambahkan seri. Menambahkan seri dalam tarian zapin tu, sebab orang kata kalau lelaki semua tak manislah kita ambil satu contoh masa zaman kesultanan Melayu Melaka masa dalam Istana apa semuanya, kalau dalam Istana tu kan kita tengok. Akan ada kalau kita tengok cerita P Ramlee dah sekalipun penari penari dia semua perempuan kan? kenapa perempuan?, sebab ya lah untuk cari jalan bagaimana kita nak lebihkan seri kita, takkanlah Sultan tu nak lelaki kan manalah dia minat kan.. (Informan 1, Temu Bual, 24 September 2024).

Justeru, pernyataan ini dijelaskan lagi dengan kewujudan penari perempuan pada zaman moden oleh Informan 1 bagi mengukuhkan maklumat

temu bual yang telah dinyatakan ketika sesi temu bual dijalankan :

...Tapi dalam zaman sekarang ni kebanyakannya bermain zapin tu perempuan ni dia lebih kepada untuk mengikut dia punya pasangan. Macam kalau macam dalam tarian pertandingan ke apa kita akan mewujudkan pasangan- pasangan sendiri lah macam sebagai progress, macam okey awak akan berpasangan dengan dia. Contoh lelaki perempuan ini dia akan kebanyakannya akan mengikut ataupun melengkapi pasangan dia dan kita akan nak mewujudkan penceritaan.. (Informan 1, Temu Bual, 24 September 2024).

Hal ini merupakan penjelasan perbezaan kewujudan penari perempuan pada zaman dahulu dan sekarang, di mana zaman dahulu diwujudkan penari perempuan bagi menambah seri dalam seni persembahan Tarian Zapin ini manakala pada zaman moden kini, penari perempuan diwujudkan bagi menjadi pasangan untuk penari lelaki dalam memeriahkan lagi persembahan mereka kepada penonton.

Aspek sosial dan budaya dalam kalangan penari perempuan memainkan peranan penting di mana mereka tidak hanya menjadi penari seni, tetapi juga sebagai simbol kesopanan dan nilai-nilai tradisional dalam masyarakat. Gaya pergerakan mereka yang lemah lembut mencerminkan sifat feminin yang diharapkan, memberikan nuansa yang berbeza dalam persembahan Tarian Zapin. Menurut Informan 3 dalam sesi temu bual ada mengatakan mengenai sifat kesopanan merupakan perkara utama bagi penari perempuan dalam menampakkan sifat feminin mereka : *“Tapi pada masa sekarang kita nampak ramai penari perempuan sudah mula apa. Masuk dalam dunia tarian zapin lah. Jadi tapi gerak dia masih. lincah cuma masih ada kesopanan dan kesantunan di sana.”* (Informan 3, Temu Bual, 5 November 2024). Hal ini menjelaskan lagi konsep sopan santun terhadap penari perempuan sangat ditekankan melalui setiap langkah yang mencerminkan nilai-nilai budaya Melayu.

Batasan pergaulan merupakan satu perkara yang penting terhadap

penari perempuan dalam seni persembahan. Hal ini kerana, bagi menjayakan sesuatu majlis atau persembahan, ketekunan dan fokus terhadap persembahan merupakan aspek utama yang perlu mereka perhatikan. Dalam sesi temu bual bersama informan 1 ada menjelaskan mengenai peranan penjagaan batas terhadap penari lelaki dan perempuan:

Contoh pertama, perempuan dan lelaki tidak boleh bersentuh. Kalau dalam pertandingan lelaki dengan perempuan bersentuh walaupun berlapis kain, saya tersentuh baju tanganlah mana tengah menari tiba macam tersentuh couple kita kan akan batal.. penyertaan diorang orang akan dibatalkan. Penari sendiri kena berjaga jaga dengan sekitarnya. Walaupun kita tampil tapi dia tak boleh terlalu dekat. Kita kena ada jaga jarak dia sendiri. (Informan 1, Temu Bual, 24 September 2024).

Pernyataan ini turut disokong oleh Informan 2 bagi menguatkan lagi pendapat dalam penjagaan batas pergaulan antara penari lelaki dan perempuan

Lagu lagunya adalah lagu lagu zikir berkisahkan tentang keagungan Allah. Subhana berkisahkan tentang Rasulullah shallallahu alaihi wasallam jadi. Kalau dahulukan persamaan, sifat ini dilakukan di surau, di madrasah, di Masjid. Sebab apa tiada? Pergaulan antara lelaki Dan perempuan sebab zapin dahulu eh hanya ditarikan dimainkan oleh kaum lelaki sahaja. (Informan 2, Temu Bual, 31 Oktober 2024).

Temu bual di atas menjelaskan batas pergaulan antara penari merupakan perkara penting yang perlu diperhatikan dalam seni persembahan terutamanya Tarian Zapin. Hal ini kerana, masyarakat atau penonton yang menyaksikan persembahan akan menilai dan memberi pandangan terhadap persembahan yang telah dijalankan oleh penari zapin ini. Maka pergaulan dalam Tarian Zapin menjadi salah satu aspek yang mereka akan perhatikan.

Oleh itu secara khususnya, tema ini membincangkan mengenai kewujudan penari perempuan dalam Tarian Zapin, peranan penari perempuan

dalam sosial dan budaya, konsep pergerakan serta sopan santun dalam Tarian Zapin dan batas pergaulan antara penari lelaki dan penari perempuan.

c) Pandangan Sosial Terhadap Kestaraan Gender

Pandangan sosial terhadap kestaraan gender merupakan isu yang kompleks dan melibatkan pelbagai aspek dalam masyarakat. Persepsi masyarakat sering kali dipengaruhi oleh stereotaip gender yang wujud dalam pelbagai bidang termasuk pendidikan, pekerjaan dan seni. Stereotaip ini boleh membatasi potensi individu berdasarkan jantina mereka di mana lelaki sering dianggap lebih sesuai untuk peranan tertentu sementara perempuan sering kali dipandang rendah dalam bidang yang sama. Dapat dilihat melalui sesi temu bual bersama Informan 3 yang menerangkan mengenai pandangan sosial terhadap kestaraan gender penari zapin ini :

...dari segi apa orang cakap, batas lah kan jadi mungkin berbanding dengan joget inang tarian zapin ni dia memang lincah. Jadi bila kita lincah kita rasa sentiasa bersemangat. Batas batas itu ada yang mungkin semasa lepas habis latihan pun mungkin akan terbawa kepada apa tu persekitaran kat luar tu jadi mungkin tapi itu berbalik kepada individu lah macam mana kita menjaga batas kita. Dalam pergaulan pergaulan kan yang kedua dia. Mungkin. Kena tengok balik. Peranan wanita tu sendiri ciri ciri wanita itu sendiri walaupun kita perlu mengikut konsep zapin yang lincah bertenaga tangkas kan...

(Informan 3, Temu Bual, 5 November 2024).

Hal ini telah dijelaskan mengenai pandangan sosial terhadap kestaraan gender dalam Tarian Zapin mengikut apa yang difahami oleh Informan 3 di mana, batas pergaulan menjadi isu utama dalam Tarian Zapin antara penari lelaki dan penari perempuan.

Pendidikan dan kesedaran memainkan peranan penting dalam mengatasi isu gender. Program-program yang mendidik masyarakat mengenai isu-isu gender dapat membantu mengubah pandangan mengenai Tarian Zapin

ini. Melalui pendidikan, individu dapat memahami hak dan tanggungjawab mereka serta pentingnya kesetaraan gender dalam membina masyarakat yang lebih adil dan baik. Menurut Informan 1 dalam sesi temu bual ada mengatakan mengenai pendidikan dalam kesetaraan gender:

Alhamdulillah hasil daripada apa yang kami buat dekat bengkel, pertama kita orang buat bengkel dekat UTHM untuk guru-guru di Batu Pahat. Semua guru, guru setiap sekolah wajib menghantar seorang sekurang kurangnya. Jadi kami collab dengan PPD Batu Pahat dan hasilnya... Waktu hari tu seramai 200 lebih orang guru daripada Batu Pahat datang, sekolah menengah sekolah rendah datang. (Informan 1, Temu Bual, 25 September 2024).

Dengan memanggil guru-guru dari pelbagai sekolah seperti guru lelaki dan guru perempuan, mereka dapat memahami dan mempelajari Tarian Zapin dan dikembangkan ke dalam pendidikan di sekolah mereka.

Media memainkan peranan penting yang signifikan dalam membentuk pandangan gender. Melalui cara penari perempuan dipersembahkan dalam seni dan hiburan, media dapat mempengaruhi persepsi masyarakat terhadap peranan dan nilai wanita. Representasi yang positif dan beragam dapat membantu mengubah stereotaip negatif dan mempromosikan kesetaraan gender. Menurut Informan 3 semasa temu bual sedang dijalankan:

Kita kena tanam dulu yang tradisi itu dalam diri mereka. Jadi bila kita nak melakukan sesuatu inovasi. Ha sebab kita perlu bergerak seiring dengan masa. Jadi bila ada apa, orang cakap perkembangan teknologi dengan muncul dalam media pasal macam tiktok kan semua orang boleh belajar tarian itu yang and dan apa orang cakap kita nampak dia bukan kita kita dekat Asia ni kita ada tarian yang kita jadikan sebagai identiti kita. (Informan 3, Temu Bual, 5 November 2024).

Hal ini menjelaskan lagi terhadap pengaruh media bagi memberitahu masyarakat Tarian Zapin juga boleh dimainkan oleh golongan wanita. Malah selain mempromosikan Tarian Zapin, pengaruh media sosial dan kesetaraan gender menjadi tumpuan dalam mengembangkan seni persembahan ke mata dunia.

Oleh itu, secara keseluruhannya, tema ini membahaskan mengenai pandangan sosial mengenai kesetaraan gender melalui sudut persepsi masyarakat stereotaip gender dalam pelbagai bidang, pendidikan dan kesedaran melalui program yang meyedarkan masyarakat mengenai isu gender dan pengaruh media dalam membentuk pandangan gender.

4.7 Aspek Spiritual Dalam Muzik

Muzik dalam seni Tarian Zapin bukan sahaja berfungsi sebagai elemen hiburan tetapi juga sebagai medium spiritual yang mendekatkan diri kepada tuhan. Melalui irama dan melodi yang dihasilkan, penari dan penonton dapat merasakan kehadiran yang lebih tinggi dan membawa kepada pengalaman spiritual mendalam. Muzik yang dimainkan dalam Tarian Zapin sering kali mengandungi elemen keagamaan yang mengajak pendengar untuk merenung dalam jiwa mereka sendiri. Lagu dalam Tarian Zapin seperti zikir dan selawat merupakan aspek spiritual yang terdapat dalam seni persembahan ini. Menurut informan 1 dalam sesi temu bual:

Biasanya zapin ini dimainkan selepas waktu solat. Lepas waktu waktu solat pakcik pakcik yang berkumpul kumpul kan mereka akan bukaklah adalah lagu zapin. Tapi lagu lagu zapin dulu bukan lagu lagu macam sekarang, lagu lagu zapin dulu, lagu lagu Yang memuji Allah Rasulullah dia lebih kepada zikir apa semua jadi sebab itulah dia sesuai lepas solat lepas solat tu kan nanti biasalah pakcik pakcik dia akan bukak lagu lagu tu dia orang akan bermain bermain zapin. (Informan 1, Temu Bual, 25 September 2024).

Hal ini telah menjelaskan bahawa pembawaan lagu seperti zikir dan selawat sejak dahulu membawa kepada aspek spritiual dalam muzik seni persembahan Tarian Zapin ini. Selain dimainkan selepas waktu solat sebagai hiburan, ia juga mengajarkan untuk sentiasa berdoa dan berzikir kepada tuhan.

Muzik dalam Tarian Zapin juga memainkan peranan penting kepada komuniti dalam majlis keagamaan. Dalam banyak acara keagamaan, Tarian Zapin sering dipersembahkan sebagai salah satu cara untuk merayakan dan mengukuhkan ikatan sosial dalam kalangan masyarakat. Melalui muzik dan tarian, individu dapat bersatu dalam satu tujuan, merayakan kepercayaan dan tradisi yang sama. Menurut Informan 2 dalam sesi temu bual, kedatangan pedagang Arab ke tanah Melayu dengan membawa lagu dan tarian menjadi sumber utama dalam memperkenalkan seni persembahan ini :

...apabila pedagang Arab NI datang, mereka bukanlah semata-mata bau dagangan barang dagangan tetapi mereka membawa sekali budaya mereka termasuk budaya seni sakit. Dan bila kita sebut sakit, ini bukanlah semata-mata gerak tari mereka bawa bersama muziknya lagunya. Pastinya gerak tarinya okey. Kemudian apabila sampai ke Tanah Melayu... (Informan 2, Temu Bual, 31 Oktober 2024).

Oleh hal demikian, kedatangan pedagang Arab menjadi sumber utama dalam memperkenalkan seni persembahan ini. Pengaruh budaya yang dibawa oleh pedagang bukan sahaja memperkayakan seni tari tetapi juga menggabungkan muzik dalam aspek keagamaan sambil berdakwah kepada masyarakat dahulu.

Secara keseluruhannya, tema ini membincangkan mengenai aspek spiritual dalam muzik seni Tarian Zapin melalui muzik sebagai medium spritiual bagi mendekatkan diri dengan tuhan dan peranan muzik dalam majlis keagamaan melalui seni persembahan Tarian Zapin ini.

4.8 Halangan dan Cabaran dalam Seni Persembahan

Dalam dunia seni persembahan terdapat pelbagai halangan dan cabaran yang akan selalu dihadapi oleh penggiat seni, tidak terlepas juga seni persembahan Tarian Zapin di Batu Pahat Johor. Antara isu utama yang boleh dikenal pasti adalah penggunaan lagu moden lebih banyak daripada penggunaan lagu lama. Hal ini telah diperjelaskan melalui temu bual bersama informan 1 semasa temu bual sedang berlangsung:

Takkanlah Tak bayangkan kita pergi majlis awak nak buat lagu contohlah lagu lagu zapin ini lagu lagu Lama Yang macam Dan sangat kurang. Nak buka dekat majlis besar audiens pun dia akan bosan dia Tak sesuai. Jadi kita terpaksa bawa lagu lagu contoh macam lagu lagu Siti Nurhaliza lagu lagu noraniza Idris, lagu lagu Siti Nurhaliza, Nur aniza Idris NI dah masuk lagu lagu kategori kreasi Dan kontemporari tradisional zapin tradisional NI susah nak dapat Kat YouTube sebenarnya. (Informan 1, Temu Bual, 25 September 2024).

Hal ini kerana, lagu-lagu tradisional sudah jarang didengar serta bagi mendapatkan lagu tradisional ini memerlukan pemuzik yang mahir dalam seni lagu yang akan dipermainkan dalam seni persembahan ini. Oleh itu, lagu-lagu moden menjadi aspek utama dalam penggunaan lagu pada zaman sekarang.

Selain itu, mengadakan persembahan kebudayaan adalah salah satu usaha yang memerlukan perancangan dan pelaksanaan yang teliti. Namun, terdapat cabaran yang perlu dihadapi seperti tiada sokongan daripada pihak berkepentingan dan terpaksa melakukan sendiri bagi memastikan warisan seni persembahan ini tidak dilupakan oleh generasi muda. Melalui temu bual bersama Informan 1 dapat diketahui bagaimana pihak mereka menghadapi cabaran ini bagi mengukuhkan seni Tarian Zapin apabila tiada sokongan daripada majlis kebudayaan kawasan mereka :

jadi lebih orang kata kalau dalam Johor ni siapa yang lebih tepat? Kita akan pergi kepada kawasan Johor dan selain itu barulah. Tak ada negeri Johor dan selain itu setiap negeri pasti ada majlis kebudayaan daerah. Macam kat sini cuma dia bergaduh aktif tak aktif aktif. Saya cakap jujur macam kat Batu Pahat Majlis Daerah tak berapa. Jadi kamilah NGO yang kena mengaktifkan kebudayaan kat tempat ini. Tapi dekat depan sebab kalau. Majlis belia daerah Tak aktif. Kita boleh aktif siapa yang nak mewujudkan zapin tempahan? Sebab itu kami walaupun kami dapat invitation yang tidak berbayar... (Informan 1, Temu Bual, 25 September 2024).

Dalam menghadapi cabaran ini, Informan 1 sanggup menggerakkan kumpulan mereka sebagai sebuah NGO yang tidak berbayar demi memastikan Tarian Zapin terus berkembang walaupun Majlis Kebudayaan di negeri Batu Pahat tidak aktif.

Sebagai salah satu bentuk seni persembahan tradisional, Tarian Zapin mempunyai fungsi yang mendalam dalam konteks budaya dan sosial masyarakat Melayu. Namun, perubahan dalam nilai dan norma masyarakat khususnya penari yang terdedah dengan kemajuan teknologi melalui pelbagai bentuk hiburan moden mungkin mengalihkan perhatian mereka dari seni tradisional seperti Tarian Zapin ini. Informan 2 yang merupakan seorang koreografer dalam Tarian Zapin turut menjelaskan melalui sesi temu bual :

...untuk kita memastikan bahawa setiap benar ini faham apa fungsi mereka kerana mereka menari zapin. Apakah adakah semata mata untuk nampak mereka cantik? Itu yang harus kita buang. Itu yang sangat susahlah cabaran sebagai seorang jurulatih tarian.. nak buang ego penari nak membuang sifat bongkak penari macam aku menari kerana aku bagus kerana aku hebat daripada kau tidak kita menarik sebab kita ingin memartabatkan Melayu macam mana kita nak pecahkan dominasi masyarakat luar? Macam mana kita nak pecahkan

dominasi kebudayaan western? Sebab apa mereka itu pindaan tidak berlagak mereka tu sama-sama mengangkat K pop mereka hip hop mereka Bollywood mereka, tak ada macam kat Malaysia oh group aku lebih bagus pada group engkau... (Informan 2, Temu Bual, 31 Oktober 2024).

Informan 2 menegaskan fungsi sebagai penari Tarian Zapin adalah untuk memartabatkan budaya Melayu daripada negara luar, tetapi masih sahaja ada segelintir penari atau masyarakat yang mementingkan diri mereka dan tidak peduli dengan apa yang perlu dicapai sebagai seorang rakyat yang menunjukkan bahawa mereka menjaga warisan ini.

Batas pergaulan dalam Tarian Zapin merupakan satu isu yang penting dan sering menjadi cabaran dalam pelaksanaan seni persembahan ini. Tarian Zapin yang mempunyai akar umbi dalam budaya Melayu dan pengaruh islam membawa bersama nilai-nilai yang menekankan kesopanan dan adab dalam interaksi antara jantina. Walaubagaimanapun, dalam konteks masyarakat moden terutamanya sebagai penari dalam seni zapin ini, penari lelaki dan perempuan perlu diberikan perhatian yang serius. Informan 3 menjelaskan dalam sesi temu bual mengenai cabaran dalam batas pergaulan antara penari lelaki dan perempuan iaitu:

Cabaran dia satu dari segi apa orang cakap batas lah kan jadi mungkin berbanding dengan joget inang tarian zapin ni dia memang lincah. Jadi bila kita lincah kita rasa sentiasa bersemangat. Batas batas itu ada yang mungkin semasa lepas habis latihan pun mungkin akan terbawa kepada apa tu persekitaran kat luar tu jadi mungkin tapi itu berbalik kepada individu lah macam mana kita menjaga batas kita. Dalam pergaulan pergaulan kan yang kedua dia. Mungkin, kena tengok balik, peranan wanita tu sendiri ciri ciri wanita itu sendiri. (Informan 3, Temu Bual, 5 November 2024).

Pergaulan antara penari lelaki dan perempuan tidak boleh dibawa ke

luar persembahan di mana, walaupun Tarian Zapin antara tarian yang memerlukan langkah yang cepat, batas sentuhan antara mereka perlu dielakkan bagi menjaga prestasi semasa persembahan dan merupakan adab peraturan dalam seni tari ini.

Oleh hal demikian, sebagai kesimpulan tema ini membincangkan mengenai cabaran dan halangan terhadap Tarian Zapin antaranya seperti penggunaan lagi moden lebih diperlukan berbanding lagu tradisional, tiada sokongan daripada pihak berkepentingan, fungsi sebenar sebagai seorang penari zapin dan batas pergaulan antara penari lelaki dan perempuan dalam Tarian Zapin.

4.9 Pelestarian Terhadap Seni Persembahan Tarian Zapin

Kajian ini menggunakan skala likert lima mata untuk mengukur persepsi pengunjung, dengan tahap penilaian seperti berikut: sangat tidak setuju (1), tidak setuju (2), neutral (3), setuju (4), dan sangat setuju (5). Analisis data skala likert dikeluarkan melalui purata (mean) seperti berikut: 1.00–1.79 (Sangat Tidak Setuju), 1.80–2.59 (Tidak Setuju), 2.60–3.39 (Sederhana), 3.40–4.19 (Setuju), dan 4.20–5.00 (Sangat Setuju). (Pimentel, 2010).

- a) Perspektif Masyarakat Terhadap Percampuran Gender Dalam Tarian Zapin di Batu Pahat Johor.

Jadual 4.8 Perspektif Masyarakat Terhadap Percampuran Gender Dalam Tarian Zapin di Batu Pahat Johor.

Sumber: Kajian Lapangan (2024)

Bil	Perspektif Masyarakat Terhadap Percampuran Gender Dalam Tarian Zapin Di Batu Pahat Johor.	Mean	SD

1	Penglibatan penari wanita dalam Tarian Zapin mengubah tradisi yang berpusatkan male-centric	3.98	1.07
2	Kehadiran penari lelaki dan wanita mencerminkan norma masyarakat Johor yang semakin berkembang.	3.96	1.10
3	Versi Tarian Zapin Campuran sentiasa mengekalkan Tarian Zapin Tradisional terutamanya dari segi gerakan tarian, kostum dan persembahan.	3.92	1.12
4	Gerakan tarian wanita terbatas bagi menjaga aurat dan kesopanan	3.92	1.12
5	Keaslian Tarian Zapin tidak terjejas apabila dipersembahkan oleh penari lelaki dan penari wanita.	3.88	1.3
6	Pengenalan terhadap Kostum Wanita dalam Persembahan Tarian Zapin mengukuhkan penceritaan visual tarian tersebut.	3.88	1.3
7	Kostum penari lelaki dan perempuan menggambarkan kebudayaan warisan Johor.	3.86	1.24
8	Kostum di dalam Tarian Zapin Campuran konsisten dengan pemakaian Zapin Tradisional	3.84	1.18
9	Gerakan tarian lelaki lebih keras berbanding gerakan tarian wanita	3.72	1.35
10	Persembahan di dalam Tarian Zapin Campuran mencabar Tarian Zapin Tradisional yang didominasi oleh lelaki	3.64	1.22

Jadual 4.9 menunjukkan hasil data daripada perspektif masyarakat terhadap percampuran gender dalam Tarian Zapin di Batu Pahat, Johor. Terdapat 10 pernyataan yang diberikan terhadap persepsi masyarakat dalam Tarian Zapin Campuran agar mencapai tahap kesetaraan gender dalam seni persembahan ini. Responden bersetuju dengan semua pernyataan bahawa dengan penglibatan penari wanita dalam Tarian Zapin mengubah tradisi yang berpusatkan male-centric (M: 3.98, SD: 1.07), kehadiran penari lelaki dan wanita mencerminkan norma masyarakat Johor yang semakin berkembang (M: 3.96, SD:1.10), versi Tarian Zapin Campuran sentiasa mengekalkan Tarian Zapin Tradisional terutamanya dari segi gerakan tarian, kostum dan persembahan (M: 3.92, SD: 1.12), gerakan tarian wanita terbatas bagi menjaga aurat dan kesopanan (M: 3.92, SD: 1.12), keaslian Tarian Zapin tidak terjejas

apabila dipersembahkan oleh penari lelaki dan penari wanita (M: 3.88, SD: 1.3), pengenalan terhadap Kostum Wanita dalam Persembahan Tarian Zapin mengukuhkan penceritaan visual tarian tersebut (M: 3.88, SD: 1.3), kostum penari lelaki dan perempuan menggambarkan kebudayaan warisan Johor (M: 3.86, SD: 1.24), kostum di dalam Tarian Zapin Campuran konsisten dengan pemakaian Zapin Tradisional (M: 3.84, SD: 1.18), gerakan tarian lelaki lebih keras berbanding gerakan tarian wanita (M: 3.72, SD: 1.35) dan Persembahan di dalam Tarian Zapin Campuran mencabar Tarian Zapin Tradisional yang didominasi oleh lelaki (M: 3.64, SD: 1.22).

Berdasarkan Jadual 4.9, kebanyakan responden berpendapat bahawa dengan penglibatan penari wanita dalam Tarian Zapin akan mengubah tradisi yang berpusatkan male-centric. Menurut Informan 1 (Temu Bual, 25 September 2024) kemasukan penari perempuan adalah penting bagi konsep berpasangan dalam Tarian Zapin ini. Hal ini kerana bagi mewujudkan penceritaan semasa seni persembahan berlangsung, penari perempuan akan menjadi pasangan kepada penari lelaki bagi memainkan zapin dalam konsep bercinta. Selain itu, kehadiran penari lelaki dan wanita mencerminkan norma masyarakat Johor yang semakin berkembang, menurut Informan 1 (Temu Bual, 25 September 2024) kerjasama antara penari menjadikan seni persembahan ini makin dikenali kerana setiap permainan zapin yang menggabungkan antara lelaki dan perempuan adalah untuk mempersembahkan tarian yang bagus sebagai norma baharu kepada masyarakat setempat. Seterusnya, menurut Informan 3 (Temu Bual, 5 November 2024) batas pergaulan antara penari lelaki dan perempuan merupakan satu perkara yang penting dalam seni persembahan. Hal ini adalah bagi memastikan segala persiapan untuk persembahan berjalan lancar dan tidak menghampakan penonton.

Akhir sekali, melalui sarungan kostum yang dikenakan terhadap penari lelaki dan perempuan adalah bagi menunjukkan identiti negeri Johor. Informan 1 (Temu Bual, 25 September 2024) mengatakan baju melayu teluk belanga yang dijahit tangan dan baju kurung yang dijahit tangan dipakai oleh penari bagi memastikan warisan negeri Johor dikenali dan dipersembahkan kepada

penonton semasa persembahan Tarian Zapin dijalankan. Seterusnya, dalam seni gerakan menurut Informan 2 (Temu Bual, 31 Oktober 2024) ada mengatakan penari lelaki perlu bergerak dengan tegas dan gagah semasa persembahan kerana ia membawa maksud tersirat seperti menunjukkan lelaki adalah pemimpin dan pendakwah yang akan menjaga perempuan. Hal ini turut disokong oleh Informan 3 (Temu Bual, 5 November 2024) mengatakan penari perempuan mesti menunjukkan sifat yang sopan dan ayu tetapi tidak kepada penari lelaki yang perlu menunjukkan sifatnya yang gagah dan tegas semasa tarian dipersembahkan.

b) Langkah Pelestarian Terhadap Seni Persembahan Tarian Zapin.

Pelestarian seni persembahan Tarian Zapin adalah satu usaha yang amat penting dalam memastikan warisan budaya ini terus hidup dan dihargai oleh generasi akan datang. Tarian Zapin bukan sahaja merupakan satu bentuk hiburan, tetapi juga mencerminkan nilai-nilai budaya, sejarah dan identiti masyarakat Melayu. Menurut Informan 1 dalam sesi temu bual, beliau ada mengatakan keaslian Tarian Zapin perlu dikekalkan dalam seni persembahan ini:

Kalau nak kata persembahan kami, kami sebenarnya tidaklah mengekalkan keaslian. Tapi macam mana sekalipun apabila kita membawa. Orang kata lagu lagu tradisional pakaian tradisional tak kisahlah awak pakai tanjak sekalipun. Tak payah pakai songkok sekalipun pakai tengkolok sekalipun berbaju kebaya sekalipun perempuannya berbaju kebaya lelaki berbaju macam jaket jaket lah kita panggil sekrup dan ataupun baju yang jenis lengan pendek. Masyarakat akan terus cakap oh berzapin adik. Walaupun sebenarnya baju tu bukan baju tapi tapi dekat situ pun orang dah mengetahuinya. (Informan 1, Temu Bual, 25 September 2024).

Hal ini menjelaskan keaslian dalam Tarian Zapin bukan dilihat melalui persembahan sahaja tetapi turut dilihat melalui pakaian walaupun kita hanya

memakai baju melayu atau baju kurung, masyarakat masih boleh beranggapan anak muda ini ada pertunjukkan persembahan atau menari. Informan 1 juga mengatakan bagi melestarikan seni persembahan Tarian Zapin, dengan mengembangkan persembahan ke negara luar dapat menunjukkan lagi identiti sebagai masyarakat Melayu yang masih mengekalkan warisan seni persembahan ini.

Peranan kerajaan dalam melestarikan warisan seni persembahan Tarian Zapin juga merupakan salah satu cara bagi menjaga dan mengembangkan seni persembahan kepada dunia luar. Pihak berkepentingan memainkan peranan penting bagi mendapatkan sokongan anak muda dalam menjaga warisan ini. Menurut Informan 2 dalam sesi temu bual, beliau ada menjelaskan peranan pihak berkepentingan dalam melestarikan seni persembahan Tarian Zapin ini:

Okey contoh yang saya boleh berikan melalui peranan kerajaan negeri Johor moden dari yang saya rasa Johor di mana sentiasa ada seperti kanak kanak kepada YWJ yang asal untuk sentiasa melakukan kajian pembongkaran zapin Johor istudent muzik tarian seni dan aplikasi muzik taring dan juga kesana juga melalui pertandingan pertandingan tarian anjuran Yayasan warisan Johor itu tidak boleh kita nafikan juga. Peranan yang dimainkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia melalui pertandingan tarian diberikan apa tu sekolah KPD cerpen yang dipertingkatkan penglibatan sebagai contohnya Taksim yang memperjuangkan pertandingan ini. (Informan 2, Temu Bual, 31 Oktober 2024).

Informan 2 menjelaskan peranan kerajaan negeri seperti Yayasan Warisan Johor (YWJ) dalam melestarikan warisan seni persembahan adalah dengan mengadakan program bersama anak-anak muda seperti pertandingan dan bengkel kepada masyarakat di Batu Pahat.

Di samping itu, dalam melestarikan seni persembahan Tarian Zapin, ahli akademik memainkan peranan penting seperti penyediaan *journal* atau *thesis* yang berkaitan seni persembahan ini. Menurut Informan 3, semasa sesi

temu bual, beliau berpendapat sebagai seorang ahli akademik adalah wajar untuk melestarikan warisan seni tari dengan penyediaan artikel-artikel berkaitan Tarian Zapin dan pelbagai lagi:

Kalau kita sebagai meningkatkan cara lain adalah dari daripada kita sebagai orang yang di peringkat universiti. Maksudnya macam saya awak kita ada kita dah masuk dalam bidang akademik. Salah satu dia adalah macam yang apa Akmal tengah buatlah sekarang kan membuat kajian supaya biasanya kalau kita nak menampakkan atau Memulihara benda ni Salah satu yang kita boleh buat adalah melalui kajian lah penulisan penulisan kita. Jadi walaupun awak dah 10 tahun 30 tahun ke depan, kajian awak akan masih tertinggal dekat Google apa semua. Jadi saya masih boleh search jawab punya tu. Begitu juga dengan anak muda kita kan nanti bila kita dah dah tua, bahan bahan penulisan kita masih ada yang boleh dijadikan sebagai rujukan. Jadi. ha itu peranan kita dalam bidang akademik lah (Informan 3, Temu Bual, 5 November 2024).

Sebagai ahli akademik yang mengkhususkan kepada warisan dan seni persembahan, wajar menjaga warisan ini dengan penyediaan tesis dan artikel bagi membantu sebagai kegunaan masyarakat muda dalam mencari kajian seni persembahan akan datang. Justeru itu, pernyataan ini disokong lagi oleh Informan 3 yang mengaitkan terhadap penggiat seni dalam melestarikan warisan seni persembahan Tarian Zapin ini melalui sesi temu bual bersama beliau:

Kalau kat luar penggiat seni dia ada tetapi penggiat seni ini. Dia akan menurunkan ilmu ilmu dia kepada penggiat dia secara fizikal lah kan. Tapi dalam masa yang sama ada pro dan call bila mereka dah. Kita pun sedia maklum persatuan ataupun kelab kelab ni bila dia dah contoh dia pengasas dia tak ada apa semua mereka akan berpecah. Ada yang bertahan, ada

yang tidak bertahan. Dia akan teruskan legasi kan, tapi ada yang tidak ataupun contoh dia dia dah ajar anak muda anak muda tu dah masuk universiti luar daripada Johor. Jadi mungkin dia dah tak aktif kalau dia aktif pun kita terdedah kepada banyak pengaruh. HM. Jadi kita boleh tengok. Peranan 2 badanlah dari peranan sebagai penggiat diri sendiri dan peranan kita sebagai orang yang dah dalam Akademik. (Informan 3, Temu Bual, 5 November 2024).

Oleh itu, penggiat seni dan ahli akademik merupakan individu yang penting dalam melestari dan mengembangkan Tarian Zapin supaya generasi muda tidak hilang minat dan pemahaman terhadap Tarian Zapin ini.

Secara keseluruhannya, tema ini membahaskan mengenai langkah pelestarian Tarian Zapin melalui keaslian sebenar dalam seni persembahan Tarian Zapin, peranan pihak berkepentingan dalam seni Tarian Zapin, peranan ahli akademik dan penggiat seni dalam melestarikan Tarian Zapin agar generasi muda kekal mengingati dan mempelajari seni tari ini.

4.10 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, bab ini memberikan penjelasan yang mendalam mengenai setiap data yang diperoleh melalui pendekatan campuran, yang merangkumi kaedah kuantitatif dan kualitatif. Dalam konteks ini, pengagihan borang soal selidik telah dilakukan kepada 60 responden untuk pendekatan kuantitatif, manakala pendekatan kualitatif melibatkan sesi temu bual dengan empat orang informan yang berpengalaman dalam bidang seni persembahan, termasuk akademik dan penggiat seni tari, berkaitan peranan gender dalam Tarian Zapin di Batu Pahat, Johor. Data yang dikumpulkan melalui borang soal selidik dianalisis menggunakan bacaan *mean* (purata), *Standard Deviation* (SD), serta kekerapan dan peratusan. Perbincangan dan penjelasan yang disampaikan oleh pengkaji dalam bahagian ini bertujuan untuk melengkapkan data yang diperoleh, selaras dengan objektif kajian, iaitu untuk mengenal pasti peranan gender dalam Tarian Zapin di Batu Pahat,

mengkaji perspektif masyarakat terhadap percampuran gender dalam seni ini, dan menganalisis langkah-langkah pelestarian Tarian Zapin Campuran di kawasan tersebut



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB LIMA

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.0 Pengenalan

Bab lima membahaskan tentang keseluruhan kajian yang dijalankan oleh pengkaji mengenai ‘Peranan Gender Dalam Tarian Zapin Di Batu Pahat, Johor’. Bab ini membincangkan secara ringkas berkaitan bab satu, bab dua, bab tiga dan bab empat. Manakala, tiga bahagian utama yang merangkumi rumusan kajian, dapatan utama dan cadangan turut diterangkan dalam bab lima ini.

5.1 Rumusan Kajian

Bab satu dalam kajian ini memberikan pengenalan yang komprehensif mengenai peranan gender dalam Tarian Zapin, dengan penekanan khusus kepada kewujudan tarian ini di Tanah Melayu, terutamanya di Johor. Ia menerangkan bagaimana pedagang Arab memperkenalkan Tarian Zapin kepada masyarakat, yang pada awalnya hanya sekadar hiburan, sebelum berkembang menjadi seni persembahan yang lebih formal. Bab ini juga memfokuskan kepada peranan gender antara penari lelaki dan penari perempuan dalam Tarian Zapin di Batu Pahat, Johor. Selain itu, beberapa subtopik penting turut dibincangkan, termasuk permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian, dan lokasi kajian. Semua elemen ini disertakan sebagai panduan untuk mengkaji peranan gender dalam konteks Tarian Zapin. Secara keseluruhannya, kajian ini dilaksanakan dengan teliti untuk memastikan permasalahan yang berkaitan dengan peranan gender dapat dicapai. Objektif kajian termasuk mengenal pasti peranan gender dalam Tarian Zapin di Batu Pahat, mengkaji perspektif masyarakat terhadap percampuran gender dalam tarian ini, serta menganalisis langkah-langkah pelestarian Tarian Zapin yang melibatkan campuran gender di Batu Pahat, Johor.

Bab dua dalam kajian ini membincangkan kajian literatur dan aplikasi teori yang digunakan. Rujukan daripada kajian lepas diambil untuk memperkukuhkan analisis yang dilakukan. Beberapa subtopik yang dibincangkan termasuk kajian mengenai seni persembahan tarian, peranan gender dalam tarian, definisi Tarian Zapin, serta usaha pengekalan seni persembahan dalam kalangan masyarakat. Dalam bab ini, kajian ini mengaplikasikan teori feminisme, khususnya teori yang dikemukakan oleh Oliver, & Risner, (2000), kerana ia menekankan bahawa feminisme tidak bersifat anti-lelaki, tetapi lebih kepada membela hak dan kepentingan wanita, terutamanya dalam konteks isu sosial, politik, dan budaya. Pemilihan teori ini adalah selaras dengan tajuk kajian yang memberi tumpuan kepada peranan gender dalam Tarian Zapin serta kesetaraan antara penari lelaki dan penari perempuan di Batu Pahat, Johor. Dengan pendekatan ini, kajian ini berusaha untuk memberikan pemahaman yang lebih mendalam mengenai dinamika gender dalam seni persembahan Tarian Zapin.

Bab tiga dalam kajian ini membincangkan metodologi kajian dan analisis data yang dilaksanakan. Bab ini dibahagikan kepada beberapa bahagian, termasuk pengenalan, pendekatan kajian, kaedah kajian, pensampelan, analisis data, instrumen kajian, dan kesimpulan. Kajian ini menggunakan kaedah campuran, yang merangkumi pendekatan kualitatif dan kuantitatif. Pendekatan kualitatif diterapkan melalui sesi temu bual dengan informan yang berpengalaman dan mahir dalam seni Tarian Zapin, serta mereka yang mempunyai pemahaman mendalam mengenai seni persembahan. Sebaliknya, pendekatan kuantitatif menggunakan kaedah survei, di mana data dikumpulkan daripada 60 responden yang merupakan penduduk sekitar Batu Pahat. Dalam survei ini, skala Likert lima mata digunakan sebagai instrumen utama, yang membolehkan responden memberikan jawapan dalam skala satu hingga lima. Data primer dan sekunder digunakan sebagai sumber maklumat dalam kajian ini. Data primer diperoleh melalui kaedah temu bual dan soal selidik, manakala data sekunder dikumpulkan daripada sumber internet, jurnal, laman web, dan keratan akhbar. Dalam sesi temu bual, soalan berbentuk terbuka (open-ended) diajukan kepada empat informan yang berpengalaman dalam seni persembahan, menggunakan kaedah pensampelan bertujuan dan

pensampelan bebola salji. Saiz pensampelan ditentukan berdasarkan populasi penduduk menggunakan jadual penentuan saiz sampel daripada Krejcie dan Morgan (1970). Dianggarkan bahawa populasi penduduk sekitar Batu Pahat adalah seramai 495,338 orang, dan saiz sampel yang diperlukan adalah 372 orang. Namun, disebabkan oleh beberapa faktor seperti kekangan masa dan kurangnya kerjasama daripada penduduk, data yang diperoleh hanya melibatkan 60 responden. Akhir sekali, analisis tematik digunakan untuk menganalisis data kualitatif, manakala analisis tinjauan diterapkan untuk menganalisis data kuantitatif. Dengan pendekatan ini, kajian ini bertujuan untuk memberikan pemahaman yang lebih mendalam mengenai peranan gender dalam Tarian Zapin.

Akhir sekali, bab empat mengfokuskan kepada analisis data yang dikumpul daripada masyarakat Batu Pahat, Johor mengenai pandangan mereka terhadap peranan gender dalam tarian zapin campuran. Data dikumpul melalui gabungan kaedah kualitatif dan kuantitatif melibatkan 60 responden dan temu bual bersama informan dalam memberikan maklum balas pada kajian ini. Melalui analisis tersebut, beberapa tema telah dikenalpasti dan memberikan gambaran yang tepat tentang pengetahuan, persepsi dan pemahaman masyarakat terhadap seni persembahan ini. Analisis demografi menunjukkan majoriti responden mengenali tarian zapin dan memiliki tahap pendidikan SPM. Responden lelaki lebih ramai daripada perempuan, dan bangsa Melayu mendominasi penglibatan dalam soal selidik ini. Mukim Lubok mencatatkan jumlah responden tertinggi menunjukkan kemungkinan aktiviti dan penglibatan yang lebih aktif dalam seni zapin di kawasan tersebut. Tarian zapin di Johor pada awalnya merupakan tarian hiburan di istana, namun mengalami pengubahsuaian seiring dengan pengaruh budaya tempatan. Perkembangan ini menunjukkan bagaimana seni tradisional mampu memainkan peranan dan berkembang dalam konteks yang berbeza sambil mengekalkan identiti dan nilai-nilai budaya. Pengiktirafan daripada pihak berkepentingan mencerminkan usaha yang berterusan untuk memelihara dan mempromosikan seni tari in, serta meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai nilai budaya yang terkandung dalam tarian zapin ini. Bab ini memberikan penjelasan terperinci mengenai setiap dapatan kajian yang

diperoleh, yang disahkan sebagai tepat dan selaras dengan objektif kajian. Data yang dikumpulkan daripada informan merangkumi peranan gender dalam Tarian Zapin, perspektif masyarakat terhadap percampuran gender, serta langkah-langkah pelestarian Tarian Zapin yang melibatkan campuran gender di Batu Pahat, Johor. Dengan analisis ini, kajian ini berusaha untuk memberikan pemahaman yang lebih mendalam mengenai peranan gender dalam konteks Tarian Zapin.

5.2 Dapatan Utama

Kajian ini bertujuan mendalami perbezaan gender dalam mempengaruhi persembahan Tarian Zapin melalui persepsi masyarakat Batu Pahat, Johor. Melalui kaedah temu bual bersama informan dan survei daripada responden yang memberikan maklumat, jelas menunjukkan persepsi masyarakat sekitar Batu Pahat terhadap peranan gender dalam Tarian Zapin memiliki pelbagai peranan seperti kesetaraan gender antara penari lelaki dan perempuan, awal kemunculan Tarian Zapin di Batu Pahat, perbezaan peranan lelaki dan perempuan dalam seni persembahan dan sebagainya.

Kajian ini mendapati bahawa peranan gender dalam Tarian Zapin mencerminkan perbezaan yang sangat ketara dalam seni persembahan, di mana persepsi masyarakat terhadap Tarian Zapin campuran menghasilkan pelbagai pandangan yang membantu dalam memahami seni ini. Stereotaip gender yang masih wujud dalam masyarakat terlihat jelas, di mana penari lelaki sering kali mendapat perhatian lebih dalam aspek teknikal dan kepimpinan, sementara penari perempuan lebih dilihat dari sudut estetik dan emosi. Namun, kajian ini juga menunjukkan bahawa masyarakat Batu Pahat semakin menerima konsep percampuran gender dalam Tarian Zapin, dengan penari lelaki dan perempuan yang lebih seimbang dalam persembahan. Sebagai contoh, ketika Yayasan Warisan Johor (YWJ) menganjurkan bengkel untuk mempelajari seni Tarian Zapin, mereka membuka penyertaan kepada kedua-dua jantina, tanpa mengkhususkan kepada satu gender sahaja. Oleh itu, kajian ini menegaskan bahawa seni persembahan Tarian Zapin campuran adalah warisan yang perlu diterima dan dihargai oleh masyarakat Batu Pahat. Perkembangan zaman telah

membawa kepada pemahaman yang lebih terbuka terhadap pelbagai aspek, termasuk kesetaraan gender dalam seni, yang seharusnya diteruskan untuk memastikan kelangsungan dan relevansi Tarian Zapin dalam konteks budaya masa kini.

Akhir sekali, kajian ini menekankan pentingnya untuk memastikan seni Tarian Zapin campuran, serta konsep kesetaraan gender dalam tarian ini, terus dikenali dan dihargai oleh masyarakat. Usaha ini tidak hanya terhad kepada masyarakat Batu Pahat, tetapi juga harus diperluas ke seluruh negara dan seterusnya ke peringkat antarabangsa. Walau bagaimanapun, di sebalik penerimaan yang semakin meningkat terhadap Tarian Zapin campuran, masih terdapat cabaran yang perlu diatasi. Isu mengenai pergaulan dan batasan antara lelaki dan perempuan dalam seni persembahan sering kali menjadi halangan, terutama dalam kalangan masyarakat yang belum sepenuhnya memahami dan menerima seni ini. Oleh itu, adalah penting untuk terus mendidik dan meningkatkan kesedaran masyarakat tentang nilai dan keindahan Tarian Zapin campuran, agar ia dapat berkembang dan diterima secara meluas.

5.3 Cadangan

Untuk memperkukuhkan pemahaman dan penghayatan terhadap kajian peranan gender dalam Tarian Zapin di Batu Pahat, Johor adalah penting untuk mengemukakan cadangan yang strategik dan berkesan. Cadangan ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kesetaraan gender dalam seni persembahan serta memastikan pelestarian Tarian Zapin yang melibatkan penglibatan aktif penari lelaki dan perempuan. Dengan pendekatan yang berkesan dan inklusif, diharapkan Tarian Zapin dapat terus berkembang dan dihargai sebagai warisan budaya yang penting sambil mempromosikan nilai-nilai kesetaraan gender dalam masyarakat.

5.3.1 Program Pendidikan

Salah satu cadangan utama dalam kajian mengenai peranan gender dalam Tarian Zapin di Batu Pahat, Johor adalah dengan pelaksanaan program pendidikan yang berkesan. Program ini bertujuan mendidik masyarakat tentang kepentingan kesetaraan gender dalam seni persembahan khususnya dalam konteks Tarian Zapin. Program pendidikan boleh diadakan dalam bentuk bengkel, seminar dan sesi bersemuka yang melibatkan pelbagai lapisan masyarakat termasuk pelajar, guru dan penggiat seni dari Batu Pahat sendiri. Dengan memberikan pendedahan mengenai sejarah Tarian Zapin, mereka dapat mempelajari gerakan tarian yang dimainkan oleh penari lelaki dan penari perempuan. Program pendidikan harus merangkumi sesi perbincangan mengenai isu-isu gender yang relevan serta cabaran yang dihadapi oleh penari wanita. Di samping itu, dalam memastikan program ini berjalan dengan lancar kerjasama antara institusi pendidikan organisasi seni dan pihak berkepentingan adalah penting. Akhir sekali, penilaian dan maklum balas daripada peserta program perlu dikumpul bagi meningkatkan kualiti dan keberkesanan usaha ini pada masa akan datang. Oleh itu, kajian ini diharapkan supaya data yang dikumpul bukan sekadar proses pengumpulan data tetapi satu bentuk penyampaian yang berkesan terhadap peningkatan nilai warisan.

5.3.2 Penyelidikan Akan Datang

Hasil dapatan kajian ini, sangat diharapkan lebih banyak kajian mengenai Tarian Zapin dapat dilaksanakan oleh penyelidik akan datang. Seni persembahan merupakan warisan yang menjadi peninggalan daripada masyarakat terdahulu terutamanya Tarian Zapin yang menjadi sumber kepada hiburan dan perlu dipelihara serta dilindungi. Kajian mengenai peranan gender dalam Tarian Zapin masih tidak meluas dan pengetahuan mengenai warisan tidak ketara seperti seni persembahan masih berada di tahap yang rendah untuk generasi muda zaman sekarang. Hal ini dikatakan kerana kebanyakan maklumat mengenai seni Tarian Zapin ini didapati dari temu bual bersama informan selaku mereka yang mahir dan berpengalaman dalam seni persembahan terutamanya Tarian Zapin. Malahan, penelitian dilakukan terhadap maklumat yang diperolehi di laman web juga memiliki pelbagai versi

yang menyukarkan dalam mencari hasil data dan kesahihannya mengenai peranan gender ini. Oleh itu, diharapkan agar kajian yang lebih mendalam bagaimana peranan gender dalam Tarian Zapin di Batu Pahat Johor menjadi satu seni persembahan campuran yang dijaga kesetaraan gender melalui pandangan masyarakat merupakan kajian yang boleh dilaksanakan untuk penyelidikan akan datang.

Oleh itu, diharapkan kajian penyelidikan ini dapat memberikan manfaat yang bagus kepada pembaca serta pihak-pihak yang berminat untuk mendalami peranan gender dalam Tarian Zapin. Kajian ini bukan sahaja berfungsi sebagai asas untuk menghasilkan penyelidikan yang lebih kukuh dan menarik tetapi juga berpotensi untuk membentuk persepsi masyarakat luar mengenai Tarian Zapin campuran yang masih relevan dan diterima oleh pelbagai lapisan masyarakat. Terdapat pelbagai nilai warisan yang dapat diterokai melalui seni ini, termasuk nilai sejarah, nilai estetik, dan nilai keagamaan. Akhir sekali, analisis yang dilakukan dalam kajian ini terutamanya yang melibatkan program pendidikan untuk pelestarian Tarian Zapin campuran, adalah penting sebagai usaha untuk memelihara warisan tidak ketara ini di Batu Pahat, Johor. Dengan langkah-langkah yang tepat, diharapkan Tarian Zapin dapat terus berkembang dan dihargai oleh generasi akan datang.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Rujukan

- Abas, A. A. (2017). *Feminisme Dalam Karya Tari Kontemporari dan Kehidupan Aida Redza* (Master's thesis, University of Malaya (Malaysia)).
- Afiq, W., Fauzan, W., Kartini, S., & Husain, S. (2018). GEOMETRI DALAM TARIAN ZAPIN (GEOMETRY IN ZAPIN DANCE). *Asian Journal of Environment*, 2(2), 331–342.
- Akta Warisan Kebangsaan (2005). Kuala Lumpur, Malaysia: Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang Malaysia
- Balacki, J. (2019). Discrimination in ballets. Diakses dari <https://digitalcommons.sacredheart.edu/cgi/viewcontent.cgi?article=1297&context=acadfest>
- Bari, M. H. A., bin Samsuddin, M. E., & Kahn, S. M. (2021). Pelestarian dan pemartabatan zapin johor sebagai warisan terbilang. *Jurnal Melayu Sedunia*, 4(1), 75-113.
- Borovica, T. (2019). Dance as a way of knowing – a creative inquiry into the embodiment of womanhood through dance. *Leisure Studies*, 39(4), 1–12. <https://doi.org/10.1080/02614367.2019.1663442>
- Braun, V. & Clarke, V. (2006). Using Thematic Analysis in Psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3 (2): 77-101
- Cornelis, van. (2011). Germanic Myths and Gender Constructions in German and Dutch Theatre Texts 1660–1780. *Neophilologus*, 95(2), 249–265. <https://doi.org/10.1007/s11061-010-9226-0>
- Creswell, J. W., & Clark, V. P. (2007). Mixed methods research. *Thousand Oaks, CA*. Dewan Bahasa dan Pustaka. (2017). Kamus Dewan Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Etikan, I., & Bala, K. (2017). Sampling and sampling methods. *Biometrics & Biostatistics International Journal*, 5(6), 00149.
- Goertzen, M. J. (2017). Introduction to quantitative research and data. *Library technology reports*, 53(4), 12-18.
- Gold, R. L. (2017). Roles in sociological field observations. In *Sociological*

methods (pp. 363-380). Routledge.

Gustafsson, J. (2017). Single case studies vs. multiple case studies: A comparative study.

Hagen, J. K., Kvammen, A. C. R., & Lessey, R. (2018). Merging the arts of song and dance. *Nordic Journal of Art and Research*, 6(1).
<https://doi.org/10.7577/information.v6i1.2885>

Hancock, D. R., Algozzine, B., & Lim, J. H. (2021). Doing case study research: A practical guide for beginning researchers.

Hardwick, P. A. (2025). *Login | Music and Medicine*. Iammonline.com.
<https://mmd.iammonline.com/index.php/musmed/article/download/MMD-6-1-8/51/0>

Hasmah, H. (2016). Makna ungkapan pantangan (falia) pada upacara adat karia di kecamatan sangia wambulu, kabupaten buton tengah, provinsi sulawesi tenggara. *Walasuji: Jurnal Sejarah Dan Budaya*, 7(2), 491–504.
<https://doi.org/10.36869/wjsb.v7i2.146>

Herring, S., Holmes, J., Meyerhoff, M., Susan, B., & Herring, C. (2003). *Gender and Power in Online Communication Gender and Power in Online Communication*.

Husein, M. (2011). *Zapin Melayu dalam Wilayah Budaya Serdang, Sumatera Utara: Kajian terhadap Aspek Sejarah, Fungsi, dan Struktur* (Doctoral dissertation, Universitas Sumatera Utara).

Inge, N. (2021). Tari Zapin Melayu dan 92 JenisTarinnya di 4 Negara. Melayupedia. Diakses dari <https://www.melayupedia.com/berita/180/tari-zapin-melayu-dan-92-jenis-tariannya-di-4-negara>

Irwan, H. (2019). *Tarian Sagayan dari Filipina antara daya tarikan pesta tarian Lintas Nusantara*. BERITA Mediacorp.
<https://berita.mediacorp.sg/hiburan/tarian-sagayan-dari-filipina-antara-daya-tarikan-pesta-tarian-150111>

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2025). Kenali kawasan anda! Open DOSM. Diakses dari <https://open.dosm.gov.my/ms-MY/dashboard/kawasanku/Johor/district/Batu%20Pahat>

Jabatan Warisan Negara. (2025). Pengenalan Bahagian Warisan Tidak Ketara. *Portal Rasmi Jabatan Warisan Negara*. Diakses daripada.

<https://heritage.gov.my/en/pengenalan-warisan-tidak-ketara.html>

- Jamil, A. (2015). *Peranan Muzik Asli dalam Persembahan Seni Tradisional*. Kuala Lumpur: Pustaka Pelajar.
- Jasmi, K. A. (2012). Metodologi pengumpulan data dalam penyelidikan kualitatif. *Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri*, 1(2012), 28-29.
- Jirajarupat, P., & Yinghua, Z. (2023). The Transmission of Guqin Musical Instrument Knowledge Literacy and its Reflection Study in Guizhou Province, China. *International Journal of Education and Literacy Studies*, 11(2), 22–29. <https://doi.org/10.7575/aiac.ijels.v.11n.2p.22>
- JoanJones. (2024). *Redefining the performing arts archive*. *Archival Science | DCC*. Dcc.ac.uk. <https://www.dcc.ac.uk/biblio/redefining-performing-arts-archive-archival-science>
- Kata Malaysia. (2021). *Tarian Zapin: Warisan Negeri Johor*. Kata Malaysia. Diakses daripada <https://katamalaysia.my/culture/tarian-zapin-warisan-negeri-johor/>
- Laaksonen, S. (2018). *Survey Methodology and Missing Data: Tools and Techniques for Practitioners*. Berlin, Germany: Springer International Publishing, 10, 978-3.
- Lambert, P. D., & Williams, R. (Eds.). (2017). *Performing arts center management*. New York: Routledge.
- Lukov, Z. (2009, October 31). *Nelly Richard: Feminism's Right to Be an Other to Itself*. Hemisphericinstitute.org; Hemispheric Institute. <https://hemisphericinstitute.org/en/enc09-keynote-lectures/item/277-09-nelly-richard.html>
- Majlis Keselamatan Negara. (2022). *Tinta Bicara Hari Malaysia: Kenali Negeri Johor*. Laman Web Rasmi Majlis Keselamatan Negara. Diakses dari <https://www.mkn.gov.my/web/ms/2022/09/07/tinta-bicara-hari-malaysia-kenali-negeri-johor/>
- Mansor, N. A. (2020). Perbezaan Sosialisasi Gender dalam Ruang Lingkup Budaya. *RABBANICA-Journal of Revealed Knowledge*, 1(1), 107-118.
- Marzuki, M. (2007). Kajian tentang teori-teori gender. *Jurnal Civics: Media Kajian Kewarganegaraan*, 4(2). <https://doi.org/10.21831/civics.v4i2.6032>
- Mawasti, F. B., Malarsih, M., & Hartono, H. (2020). *Warak Dugder Dance: Feminism*

and the Existence of Women as Strengthening the Existence of the Performing Arts. *Catharsis*, 9(2), 97-104.

- Mellisa, J. (2017). *Introduction to Quantitative Research and Data* - ProQuest. [Www.proquest.com. https://www.proquest.com/scholarly-journals/introduction-quantitative-research-data/docview/1903876597/se-2](https://www.proquest.com/scholarly-journals/introduction-quantitative-research-data/docview/1903876597/se-2)
- Mohamad, M. Z., & Abdullah, A. H. (2018). Analisis tematik dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PDPC) proses penulisan karangan argumentatif berasaskan KBAT: pemahaman dan amalan pedagogi guru Bahasa Melayu tingkatan empat. In *Prosiding Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam* (Vol. 7, p. 8).
- Nor, M. A. M. (2001). Falsafah seni persembahan Melayu di sebalik tarian zapin. *Singapore Zapin Festival 2001*, 1, 30-38.
- Nor, M. A. M. (2015). Zapin as Ritualized Dhikr: Silent Remembrance of God through music and dance. *JATI-Journal of Southeast Asian Studies*, 20, 199-208.
- Noor, N. H. M., & Fuzi, A. M. (2024). Teknik Persampelan dan Penentuan Saiz Sampel bagi Penyelidikan Sains Sosial. *International Journal of Advanced Research in Education and Society*, 6(4), 313-326.
- Nuridin, N. (2014). Perkembangan fungsi dan bentuk tari zapin Arab di kota Palembang (1991-2014). *Gelar: Jurnal Seni Budaya*, 12(2).
- Oliver, W., & Risner, D. (2017). An introduction to dance and gender. *Dance and Gender: An Evidence-Based Approach*, 1-19.
- Othman, M. R. (2023). Pengaruh Warisan Budaya Lokal dalam Karya Seni Visual Kontemporari Seniman Generasi Muda di Malaysia. *Kupas Seni*, 11 No.3, 2023 (83-90)(11), 83–90. <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol11.3.10.2023>
- Oxford Learner's Dictionaries.(2025). Gender. *Oxford Learner's Dictionaries*. Diakses dari <https://www.oxfordlearnersdictionaries.com/definition/english/gender?q=gender>
- People's Collection Wales. (2023). Diversions article and photographs 1988. Peoples Collection Wales. Diakses dari <https://www.peoplescollection.wales/items/2015581>
- Pimentel, J. L. (2010). A note on the usage of Likert Scaling for research data

analysis. *USM R&D Journal*, 18(2), 109-112.

- Pusat Kebudayaan dan Kesihatan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah*. (2025). Busana Tradisional. Pusat Kebudayaan dan Kesihatan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah. Diakses dari https://pkkssaas.upm.edu.my/arts/traditional_costumes-9705?L=bm
- Ridder, H. G. (2017). The theory contribution of case study research designs. *Business research*, 10, 281-305.
- Roza, E. (2019). Extracting the Akhlakul Karimah Value in Zapin Traditional Art as the Reinforcement Toward Curriculum 2013 (peer Review) - Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim Riau Repository. *Uin-Suska.ac.id*. <http://repository.uin-suska.ac.id/23429/1/extracting%20the%20akhlakul.pdf>
- Rozlan, N. H., Roslee, A., Ahmad, M., & Mohd Salleh, N. F. (2013). Conservation of cultural heritage in Malaysia: a review on national heritage act 2005.
- Saidon, Z. (2014). Kelestarian dan Pengkomersialan Seni Persembahan Tradisional Melayu dalam Konteks Industri Kreatif: Cabaran & Peluang. In Conference: Kongres Warisan Melayu Sedunia.
- Seaman, B. A. (2006). Empirical studies of demand for the performing arts. *Handbook of the economics of art and culture*, 1, 415-472. [https://doi.org/10.1016/s1574-0676\(06\)01014-3](https://doi.org/10.1016/s1574-0676(06)01014-3)
- UNESCO. (2018). Performing arts (such as traditional music, dance and theatre). *UNESCO Intangible Heritage*. Diakses daripada <https://ich.unesco.org/en/performing-arts-00054>
- UNESCO. (2003). Text of the Convention for the Safeguarding of the Intangible Cultural Heritage. *UNESCO Intangible Heritage*. Diakses daripada <https://ich.unesco.org/en/convention>
- Widyarto, R., & Yulinis, Y. (2023). Estetika Budaya Melayu dalam Tari Zapin Riau. *JPKS (Jurnal Pendidikan dan Kajian Seni)*, 8(1), 40-52.